

Jilid IV
Bil. 16



Hari Selasa
12hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Kalakau Untol (Tuaran) [Ruangan 3161]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan 3161)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Berita Nasional Malaysia (Pindaan) [Ruangan 3273]

Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan) [Ruangan 3339]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3350]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rumah Pangsa Majlis Perbandaran Melaka—Jualan, Y.B. Tuan Lim Guan Eng
(Kota Melaka) [Ruangan 3350]

Pajakan Tanah—Lanjutan Tempoh dan Premium, Y.B. Dr Tan Seng Giaw
(Kepong) [(Ruangan 3353)]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAİK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-
HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO,
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,
S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI,
D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO, NG CHENG KUI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, DATUK ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelulong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.I., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapan).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ TAN SRI HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Tuan D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 12hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

(b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya orang ramai tidak lagi melabur dalam Syarikat tersebut.

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN:

Y.B. Tuan Kalakau Untol (Tuaran)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Kalakau Untol, Ahli bagi kawasan Tuaran dari 11hb Jun hingga 22hb Jun, 1990.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARIKAT PYRAMID

1. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) bilangan Syarikat Pelaburan Pyramid yang sudah dikenalpasti di seluruh negara; dan

37. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan serta nama syarikat-syarikat piramid yang mengambil deposit secara haram dari orang ramai dan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap tuannya, pengurus dan agen-agen syarikat-syarikat tersebut untuk membasmi operasi mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang juga dijadualkan dijawab pada hari ini, saya mohon untuk menjawab kedua-dua pertanyaan itu serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

(a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Pendaftar Syarikat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, bilangan syarikat piramid yang telah dapat dikesan oleh pihaknya setakat ini adalah 10 buah. Nama syarikat-syarikat itu dirasakan tidak wajar dihebahkan kerana

ada di antaranya masih lagi dalam peringkat siasatan. Mereka yang terlibat dalam kegiatan syarikat itu boleh diambil tindakan undang-undang kerana melanggar peruntukan Akta Syarikat 1965. Sehingga ini tindakan undang-undang telah diambil ke atas 7 buah syarikat di mana 4 daripadanya telah didakwa di mahkamah.

- (b) Pengawasan dan siasatan akan terus dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan syarikat-syarikat seumpama ini tidak lagi wujud. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka yang terlibat. Kerjasama orang ramai juga adalah penting dalam pembanterasannya kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu kerana mereka biasanya beroperasi secara senyap. Orang ramai juga diingatkan supaya jangan terpedaya dengan syarikat-syarikat itu kerana kegiatan mereka adalah menyalahi undang-undang dan mereka juga mungkin menghadapi risiko kehilangan modal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kenyataan-kenyataan akhbar telahpun dibuat berkaitan dengan kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu dan orang ramai adalah diminta memberi perhatian sewajarnya ke atas perkara itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah dinyatakan jumlah wang ataupun duit yang diambil oleh syarikat-syarikat piramid ini kepada orang ramai dan adakah Kementerian bercadang untuk mengganti ataupun membayar balik wang orang ramai yang hilang ini? Soalan yang kedua, tadi dinyatakan langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara ini tidak berlaku ataupun

berulang lagi. Bolehkah dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini, apakah bentuk langkah-langkah perancangan mahupun persediaan yang diambil bagi memastikan hal-hal yang seumpama ini atau dalam kata bidalan 'pisang tidak berbuah dua kali', tidak berulang lagi?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kewangan yang terlibat tidak dapat dinyatakan di sini kerana siasatan masih berjalan dan syarikat-syarikat yang terlibat ini kesemuanya yang telah diambil tindakan sebanyak 7 buah. Yang kita tidak ambil tindakan langsung, kita tidak ada maklumat. Kementerian pasti tidak akan mengganti wang-wang yang terlibat ini kerana tidak ada kena mengena dengan kita. Kita hanya mengambil tindakan sebagai menguatkuasa undang-undang dan peraturan. Mereka yang terlibat menanggung risiko sendiri. Sebab itulah kita minta orang ramai ambil perhatian kepada perkara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai terlalu banyak syarikat pelaburan untuk kita melabur. Umpamanya kalau berminat Pasaran Saham Kuala Lumpur, di syarikat yang lain dan berbagai-bagai pelaburan yang boleh kita laburkan, tidak dengan syarikat yang tidak mempunyai lesen ini.

Berkenaan bahagian yang dua, langkah yang Kementerian ambil, seperti saya sebut yang terutamanya ialah memaklum kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar supaya tidak melabur dalam syarikat yang seumpama ini. Oleh kerana perkara ini susah dibanteras, pelaburan persendirian itu adalah hak individu. Kita tidak boleh melarang mereka melabur dan kita tidak dapat meyakinkan mereka kalau sekiranya mereka ingin keuntungan yang berlebihan seperti yang ditawarkan oleh syarikat yang berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri cara tindakan yang diambil. Contohnya, saya sebut nama di sini, sebab Yang Berhormat tidak sebut, saya sebut. Contohnya Syarikat Pak Man Telo yang cukup popular di Utara tanahair dan juga Bahagian Tengah. Pegawai-pegawai Kerajaan banyak yang masuk dengan Pak Man Telo. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya ambil tindakan kepada Pak Man Telo, tetapi tidak kepada Syarikat Pak Man Telo. Jadi, sekarang ini Syarikat Pak Man Telo berjalan terus. Maksud saya di sini ialah terdapat pula piramid-piramid kecil yang mengakui dia wakil kepada Pak Man Telo. Jadi, sekarang ini walaupun kita hapuskan satu pyramid besar tetapi pyramid-pyramid kecil yang menjadi wakil Pak Man Telo yang mengatakan, macam-macamlah berita angin dibuat, Menteri Kewangan masuk, sampai Perdana Menteri masuk, macam-macam dibuat khabar angin yang membolehkan pelabur-pelabur yang tidak tahu menahu, yang tertarik dengan sistem 12%-20% Proton Saga ini tertarik.

Jadi, saya minta bolehkah pihak Kementerian Kewangan meminta orang yang terlibat itu membuat kenyataan akhbar bahawa dia tidak terlibat lagi di atas nama Pak Man Telo itu. Dengan itu, saya ingat syarikat pyramid-pyramid kecil ini dengan sendirinya akan mati.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ataupun Kementerian hanya akan mengambil tindakan jika sekiranya syarikat yang berkenaan ini melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang ada. Jadi, jika sekiranya syarikat yang berkenaan itu tidak melanggar peraturan dan undang-undang, kita tidak dapat ambil tindakan. Dan seperti saya sebutkan tadi, Kerajaan sedang menyiasat 7 syarikat-syarikat yang berkenaan ini. Penyiasatan sedang berjalan dan saya percaya jika terdapat bukti-bukti yang nyata, Kerajaan akan membawa syarikat-syarikat yang berkenaan ini ke mahkamah.

AIDS - PESAKIT

2. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan butir-butir angka pesakit AIDS dan pembawa kuman penyakit AIDS pada 31hb Mac, 1990 di negeri-negeri Malaysia. Berapakah orang pesakit AIDS dan orang pembawa kuman penyakit AIDS yang juga adalah terdiri dari orang Islam atau bukan Islam? Apakah langkah-langkah yang Kementerian Kesihatan sudah, sedang dan akan mengambil supaya penyakit AIDS boleh dikawal dan dicegah dengan lebih berkesan dalam masyarakat orang Islam yang mengamalkan poligami? Adakah benar pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan telah memberitahu doktor-doktor Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia supaya jangan menasihatkan orang-orang lelaki Islam memakai kondom? Sila berikan alasan-alasan dan sebab-sebab nasihat sebegini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Mac, 1990 bilangan pesakit AIDS dan pembawa AIDS dikesan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <i>Bil.</i> | <i>Negeri</i> | <i>Kes AIDS</i> | <i>Pembawa AIDS</i> |
|-------------|---------------------|-----------------|---------------------|
| 1. | Perlis | | 9 |
| 2. | Kedah | | 64 |
| 3. | Pulau Pinang | 1 | 17 |
| 4. | Perak | | 16 |
| 5. | Selangor | 1 | 25 |
| 6. | Wilayah Persekutuan | 9 | 12 |
| 7. | Negeri Sembilan | | 14 |
| 8. | Melaka | | 4 |
| 9. | Johor | 1 | 68 |
| 10. | Pahang | | 18 |
| 11. | Terengganu | | 42 |
| 12. | Kelantan | 1 | 73 |
| 13. | Sabah | | |
| 14. | Sarawak | | 4 |
| | Jumlah | 13 | 366 |

Sepuluh kes AIDS dan 179 pembawa AIDS adalah terdiri daripada orang beragama Islam dan bakinya (3 kes AIDS dan 87 pembawa AIDS) adalah orang bukan Islam.

Tidak ada langkah-langkah khas perlu diwujudkan bagi mengawal penyakit AIDS di kalangan orang beragama Islam yang mengamalkan poligami kerana tidak ada bukti yang menunjukkan poligami menyebabkan merebaknya AIDS di negara ini. Di Malaysia, punca utama merebaknya penyakit AIDS ialah melalui perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih dadah, iaitu 76, dan juga di kalangan mereka yang mengamalkan hubungan seks dengan berbilang pasangan yang latarbelakang tidak diketahui atau promiscuous sex, dengan izin.

Adalah tidak benar pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan pernah memberitahu doktor-doktor Kerajaan ataupun pegawai-pegawai Persatuan Perubatan Malaysia supaya jangan menasihati orang-orang lelaki Islam memakai kondom.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tadi Setiausaha Parlimen menyebutkan 10 orang yang beragama Islam adalah pembawa AIDS. Saya ingin mendapat penjelasan adakah di kalangan orang Islam itu, yang dijangkiti itu, terdiri daripada mereka yang berpoligami kerana itu menyentuh sistemnya. Adakah mereka terdiri daripada orang-orang yang berpoligami sepertimana yang disentuh oleh soalan ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada pecahan yang menunjukkan 1 orang yang menghidapi penyakit AIDS ini ada mengamalkan poligami atau tidak, kita tidak ada pecahan. Tetapi sukalah saya katakan seperkara lagi iaitu daripada maklumbalas kepada saya, kebanyakan ini adalah berkaitan dengan pengedar dadah yang berkongsi jarum suntikan.

Dr. Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Setiausaha Parlimen adakah dia mempunyai pecahan pembawa AIDS orang Muslim yang ada lebih daripada satu isteri dan adakah dia juga mempunyai pecahan antara mereka yang membawa kuman AIDS, butiran-butiran yang jadi penagih dadah. Dan lagi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat, adakah dia sudah buat siasatan antara pegawai-pegawai kanan Menteriannya mengenai soalan pecahan akhir dalam soalan saya iaitu adalah pegawai-pegawai kanan Menteriannya yang sudah beri nasihat kepada doktor-doktor Persatuan Perubatan Malaysia dan juga doktor-doktor Hospital Besar Kuala Lumpur mengenai kegunaan kondom antara orang-orang yang beragama Islam. Adakah dia buat siasatan? Jika jawapannya akan jadi tidak, saya minta dia tarik balik jawapan yang diberi tadi sebab saya ada nama-nama.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab kepada soalan yang akhir dahulu iaitu saya sudah minta pegawai-pegawai tertinggi di Kementerian Kesihatan mengenai apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Dan jawapan yang telah diberikan kepada saya ialah tidak melarang orang-orang Islam menggunakan sarung kondom. Tetapi kalau Yang Berhormat ada nama-nama yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, silalah kemukakan kepada saya. Saya akan mengkaji perkara ini tetapi pada dasarnya jawapan terang dan jelas iaitu kita tidak mengamalkan praktis yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Mengenai pecahan orang Islam yang dijangkiti oleh AIDS ini yang terdiri dari mereka yang mempunyai lebih daripada satu isteri, saya telah jawab tadi kita tidak ada pecahan. Akhirnya mengenai soalan pengedar dadah, saya tidak begitu jelas. Bolehkah sentuh semula?

Dr. Eng Seng Chai: Dia minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Eng Seng Chai: Katanya tadi kebanyakan orang yang membawa kuman AIDS adalah terdiri daripada orang yang jadi penagih dadah dan pakai jarum berkongsi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia telah terangkan

Dr. Eng Seng Chai: Tetapi adakah dia mempunyai pecahannya, butirannya? Mana boleh kata kebanyakannya - kebanyakan berapa? Saya boleh kata kebanyakannya mereka yang beragama Islam dan berpoligami.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan beri alasan-alasan, tanya sahajalah.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah menjawab soalan itu yang telah dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani.

RTM - PROGRAM PENDIDIKAN AGAMA

3. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menjelaskan adakah RTM bercadang hendak menumpukan program pendidikan agama dalam bentuk pengajian fardu ain asas ilmu-ilmu Islam yang diperlukan oleh masyarakat Islam masa kini. Jika tidak, mengapa. Dan sejauhmana kejayaan RTM memberi pendidikan agama kepada umat Islam di negara ini, jika ada kejayaan apakah peningkatannya program-program itu dari semenjak merdeka hingga sekarang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, RTM sememangnya sentiasa memberikan tumpuan dalam menyiarkan rancangan-rancangan pendidikan agama dalam bentuk pengajian fardu 'ain dan asas-asas ilmu Islam. Contohnya melalui TV, RTM menyediakan rancangan-

rancangan seperti Muqaddam, Fitrah, Asuhan Budi, Ehwal Islam, Pelita Hati, Sembahyang Jumaat, Pedoman, Seruan Haji dan lain-lain lagi. Selain itu, Bahagian Agama dan Dakwah Radio juga menyiarkan rancangan-rancangan seperti Kursus Membaca Al-Quran, Muqaddam, Menuju Kesempurnaan Fardu 'Ain, Soal Jawab Agama, Renungan Sepintas Lalu, Ke Arah Kesejahteraan dan lain-lain lagi. Pada setiap malam Radio Satu rangkaian kebangsaan ada menyiarkan rancangan Nida Ul-Islam yang disiarkan secara langsung dari Makkah Al-Mukaramah dan siaran ini mendapat sambutan tinggi daripada pendengar bukan sahaja daripada Malaysia tetapi juga dari negara-negara jiran.

RTM memang dari semasa ke semasa mengkaji semula rancangan-rancangan terbitan untuk meningkatkan mutu persembahan dan keberkesanan demi kepentingan masyarakat Islam. Sejak merdeka hingga sekarang RTM telahpun berjaya dalam usahanya untuk meningkatkan mutu persembahan dan memperbanyakkan rancangan-rancangan agama selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan masyarakat dalam semua aspek kehidupan manusia.

Rancangan-rancangan agama sememangnya mendapat sambutan yang baik daripada penonton. Selain daripada program Muqaddam dan Nida Ul-Islam, promo tentang Asma-ul-Husna, Sifat 20 Allah dan Syukur Alhamdulillah juga mendapat sambutan dari masyarakat dalam dan luar negeri. Sebanyak lebih 30 negara telah memohon salinan video ini melalui PERKIM.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyaknya program-program agama sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi dan menyedari banyaknya rangkaian-rangkaian TV yang masih belum dipakai kecuali RTM 1, RTM 2 dan juga TV3 apakah pihak Kementerian

mempunyai cadangan ataupun rancangan untuk mengadakan satu saluran khas yang dikenali sebagai Saluran Radio/TV Agama? Kalau tidak, cuba minta alasan.

Yang kedua, menyedari golongan sasaran sebenarnya iaitu orang-orang Islam dan menyedari bahawa golongan muda yang suka hiburan merupakan target yang utama, apakah rancangan-rancangan baru pihak Kementerian dari segi pendidikan agama bagi menarik golongan-golongan yang suka berhibur ini - rock, ronggeng atau apa sahaja supaya cinta dan kasihkan agama.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak RTM tidak dapat mengadakan saluran agama yang berasingan kerana ia melibatkan banyak perkara. Antara lain ia melibatkan penonton, program, kepakaran, kewangan juga alat-alat yang berhubung dengan pemancaran radio dan studio. Sebagaimana yang kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kotak TV dan Radio itu sebenarnya adalah bukan milik Kerajaan tetapi adalah milik peribadi dan ia boleh buka dan boleh tutup sesuka hati pemilik berkenaan. Jadi, apa ertinya ada rangkaian sekiranya tidak ada penonton dan tidak ada pendengar. Buat sementara ini program-program agama banyak kita selitkan di antara dua program yang mendapat sambutan ramai dan melalui program itulah kita dapat menarik lebih ramai penonton-penonton. Dari segi membuat program ini sendiri khususnya di kalangan ahli-ahli agama kita tidak mencukupi pakar di dalam bidang yang berkenaan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sungguh berterima kasih kepada RTM yang telah menyiarkan siaran agama tetapi di dalam peningkatan program-program ini, saya juga ingin tahu mengapa tiap-tiap kali selepas ceramah-ceramah agama siaran berikutnya selalu akan menghilangkan penghayatan sesiapa yang telah mengikuti siaran

agama pada mulanya sesudah mengikuti pula siaran berikut iaitu seperti lagu-lagu rock dan lain-lain perkara yang boleh menghilangkan penghayatan yang dibuat pada mula tadi. Adakah ini suatu peningkatan ataupun suatu kemunduran di dalam penyampaian kita menerusi TV kita itu?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya agak sulit untuk menyusun program-program dan rancangan-rancangan TV dan Radio ini dan setiap penyusunan yang kita lakukan, kita mengambil kira semua perkara khususnya dari segi hendak menarik penonton dan pendengar supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada program-program yang kita susunkan itu. Program-program agama ini kita letak sebegitu rupa di tempat yang sebagaimana yang ada hari ini dapat membantu ke arah memperbanyakkan lagi penonton-penonton rancangan-rancangan yang berkenaan.

BEKALAN ELEKTRIK-GANGGUAN

4. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebabnya sentiasa tergendala bekalan elektrik dilakukan baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil sehingga setakat ini dan

- (a) terangkan projek-projek yang sedang dan akan diambil untuk mendapatkan bekalan elektrik yang mencukupi dari sekarang hingga menjelang tahun 2001, dan
- (b) sebutkan anggaran perbelanjaan dan sumber kewangan diperolehi bagi projek-projek tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat gangguan elektrik berlaku kerana:

- (i) beberapa bahagian sistem penghantaran telah terpelantik,

dengan izin, tripping, yang mengakibatkan bekalan elektrik terputus untuk sementara waktu; dan

- (ii) gangguan yang disebabkan oleh kerosakan pada kabel yang sedia ada.

Kerosakan-kerosakan tersebut di atas berlaku kerana talian membawa bebanan berlebihan, cuaca buruk, dahan pokok yang menimpa sesalur bekalan elektrik, sambungan haram dan lain-lain.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Lembaga Letrik Negara untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (1) usaha-usaha untuk mengawasi dan menjaga kawasan rentis talian penghantaran LLN dipergiatkan lagi. Tuan-tuan punya tanah dan penduduk-penduduk yang berhampiran tanah dina-sihatkan supaya jangan melakukan apa-apa pembakaran di dalam atau di luar kawasan yang berhampiran dengan talian penghantaran;
- (2) LLN juga sedang berusaha untuk membina talian-talian tambahan yang akan menggunakan laluan yang berasingan supaya kerosakan terhadap sesuatu talian akan dapat dikawal untuk mengelakkan kerosakan sistem selanjutnya;
- (3) LLN juga sedang berusaha untuk membaiki alat-alat dan cara hidup di stesen-stesen janakuasa utara supaya pemulihan di kawasan-kawasan dapat dilakukan dengan segera; dan
- (4) bagi mengatasi masalah kerosakan ke atas kabel yang sedia ada akibat dari kerja-kerja pembangunan seperti kerja-kerja cerucuk dan menggali tanah di merata-rata tempat LLN dan pihak lain seperti Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan peraturan yang ketat untuk mengawal penggalian jalan dan bahu jalan bagi mengurangkan kerosakan terhadap kabel-kabel elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 249 projek utama di tahap voltan tinggi iaitu 33kv, 22kv dan 11kv akan dilaksanakan dari sekarang hingga 1995 untuk memperkukuhkan rangkaian elektrik dan dengan demikian dapat menampung beban elektrik Semenanjung Malaysia hingga menjelang tahun 2001. Anggaran kos untuk membangunkan projek tersebut adalah \$992 juta dan pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>\$ Juta</i> |
|--------------|----------------|
| 1991 | 265 |
| 1992 | 168 |
| 1993 | 241 |
| 1994 | 88 |
| 1995 | 82 |

Semua projek pembahagian bagi memperkukuhkan rangkaian elektrik 1990 sehingga 1995 dibiayai dari sumber kewangan dalaman LLN sendiri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini di Bandaraya Kuala Lumpur kerap kali kawasan-kawasan tertentu termasuk pusat perdagangan dan kawasan kediaman menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik dan saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Lembaga Letrik Negara telah mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai masalah ini di Kuala Lumpur dan juga saya ingin mendapat tahu apakah rancangan jangka panjang dan juga jangka pendek yang akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi tujuan untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik untuk penduduk-penduduk di Kuala Lumpur?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih

kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana soalan yang sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pada 3hb Disember, 1985 yang mana Menteri telah menjawab iaitu LLN telah mengambil beberapa tindakan untuk mengadakan telecontrol. Walaupun kita telah membina telcontrol dan ada juga beberapa masalah di kawasan Kuala Lumpur khasnya kawasan di mana perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat telah berlaku iaitu di kawasan Pudu, kawasan Golden Triangle dan juga di kawasan Parlimen sendiri. Dalam masa enam bulan perkara itu telah berlaku beberapa kali dan saya telah meminta perhatian LLN dan pada pagi ini kita bernasib baik kerana telah dapat mengadakan mesyuarat khas berkenaan dengan beberapa aduan yang saya terima mengenai gangguan elektrik di kawasan Kuala Lumpur. LLN telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan ini oleh kerana banyak di antara kabel-kabel yang sedia ada di Kuala Lumpur adalah kabel lama di bawah tanah yang telah dirosakkan oleh perkara-perkara yang telah saya timbulkan tadi.

Saya percaya hal ini boleh diambil kira dan kita akan mengambil tindakan yang lebih cepat untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai lebih 200 projek yang sudah dirancang untuk 10 tahun yang akan datang yang memakan perbelanjaan sebanyak lebih \$900 juta. Soalan tambahan saya ialah apakah faedah yang akan diberikan kepada penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak yang mana kadar peratusan penduduk-penduduk yang dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas ini adalah kurang jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia sebab Yang Berhormat Menteri tadi sebutkan 200 projek ini untuk Semenanjung Malaysia sahaja?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan tugas

mereka itu, apakahimbangan akan diberi oleh LLN untuk memberikan bekalan elektrik kepada bandaraya besar sebab ianya menguntungkan, ketika menimbangkan tanggungjawab sosial kepada penduduk-penduduk luar bandar seperti kampung-kampung di kawasan pedalaman? Apakahimbangan akan dicapai, khasnya memandangkan bahawa cadangan sudah ada untuk menswastakan LLN. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan sedikit sebanyak pendahuluan terhadap rancangan menswastakan LLN, adakah ianya memberi faedah kepada penduduk-penduduk luar bandar sementara ianya juga menolong pembangunan industri-industri di bandar ini. Macam mana prospek rancangan besar ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat telah menjadi satu soalan yang lebih besar daripada soalan asal. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara dan masalah-masalah di Sabah telah diselesaikan oleh kerana kita telah menjalankan beberapa projek dan juga rancangan-rancangan baru. Kita telah dapat siapkan satu rancangan baru daripada Labuan, kita mengambil kuasa bekalan elektrik daripada Labuan ke Sabah. Ada juga satu rancangan baru iaitu satu cadangan daripada syarikat swasta ke Kementerian saya yang masih belum ditimbang lagi. Jikalau kita pertimbangkan perkara itu, saya percaya bekalan elektrik ke Sabah boleh dapat diselesaikan.

Tetapi berkenaan dengan bekalan elektrik ke negeri Sarawak, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa lembaga, syarikat atau agensi yang membekal elektrik di negeri Sarawak itu bukanlah di dalam kuasa Kementerian saya. Oleh kerana Kerajaan Sarawak belum memberi kuasa atau kita belum mengambil alih agensi pembekal elektrik itu oleh kerana masih ada banyak

masalah di antara Kerajaan Pusat dengan Sarawak berkenaan dengan gantirugi dan lain-lain. Gantirugi yang mereka minta dan juga hutang yang besar yang mereka hadapi sekarang adalah menjadi satu masalah yang besar sebelum kita mengambilalih agensi pembekal elektrik di Sarawak.

Berkenaan dengan perbezaan di antara bekalan elektrik kepada kawasan bandar dan luar bandar, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat bahawa LLN telah menukar syarat mereka sekarang. Pada masa dahulu bagi tiap-tiap rancangan luar bandar Kerajaan mestilah memberikan bantuan penuh untuk menjalankan kerja-kerja di luar bandar, tetapi sekarang LLN hanya akan membayar 5 peratus daripada kos projek itu, separuhnya lagi kita dapatkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jadi, inilah satu tindakan untuk meluaskan kawasan-kawasan di-bekalkan dengan lampu elektrik.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, di kawasan beliau sendiri, walaupun beliau bukanlah begitu kawan rapat saya, (*Ketawa*) saya telah berikan 400 keluarga kemudahan lampu elektrik dalam tempoh tiga bulan iaitu satu tempat yang mana tidak ada kemudahan lampu elektrik lebih dari 12 tahun. Saya tak kira sama ada kawasan itu di luar atau dalam bandar. Walau bagaimanapun, saya tahu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang merancangkan beberapa projek untuk memberikan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar dan saya telah mengarahkan Lembaga Letrik Negara sama ada bolehkah kita menimbangkan satu tarif yang khas kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Semuanya ada di dalam pertimbangan.

Mengenai perkara berkenaan dengan Sarawak, saya akan memberikan keterangan yang lebih lanjut kepada Ahli Yang Berhormat jika sekiranya Ahli Yang Berhormat menulis surat kepada

saya dan boleh juga saya terangkan masalah-masalah yang sedia ada.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Bekalan elektrik belum sampai lagi, itu hanya janji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Chen Man Hin.

(Soalan No. 5 Y.B. Dr. Chen Man Hin tidak hadir)

KAD PENGENALAN BARU-KOS

6. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah kad-kad pengenalan lama akan digantikan dengan kad-kad pengenalan baru; dan
- (b) berapakah kos atas persediaan bagi pengurus penggantian tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, proses penggantian kad pengenalan lama kepada kad pengenalan berbentuk baru sudahpun bermula. Sungguhpun demikian, keutamaan masa kini diberi kepada permohonan bagi:

- (i) kanak-kanak yang berusia 12 tahun;
- (ii) permohonan membaharui kad pengenalan bagi mereka yang berusia 18-21 tahun; dan
- (iii) permohonan ganti kerana rosak atau hilang.

Orang ramai diberi masa selama enam tahun untuk menukar kepada kad pengenalan baru.

Kos penukaran sistem manual sekarang kepada sistem berkomputer di-anggarkan sebanyak \$64 juta.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ciri-ciri baru yang terdapat di dalam kad pengenalan yang akan dikeluarkan beberapa ketika nanti dan memandangkan terjadinya pemalsuan-pemalsuan kad pengenalan khususnya di negeri Sabah. Adakah ciri-ciri mencegah pemalsuan kad pengenalan itu diambil kira dalam bentuk baru kad pengenalan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengemaskinikan bentuk, saiz dan ciri-ciri fizikal kad pengenalan baru ini ataupun kad pengenalan berbentuk KPT (kad pengenalan berbentuk tinggi) kita akan meningkatkan ciri-ciri keselamatan di mana adalah sukar untuk dipalsukan. Di mana gambar dan cap jari adalah diserapkan kepada kad tersebut mempunyai lambang Persekutuan yang tidak nampak kecuali jikalau sekiranya digunakan ultra-violet. Dan begitu juga ada bar code dan nombor ataupun angka bilangan kad itu sendiri ada mempunyai ciri-ciri keperibadian yang tidak boleh berfungsi dengan orang lain. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, pemalsuan tentu sekali dapat kita elakkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan penerangan Yang Berhormat tadi walaupun diberi tempoh enam tahun untuk menarik perhatian rakyat supaya menyegerakan pembaharuan kad, apakah boleh keutamaan itu diberi kepada pemimpin-pemimpin rakyat. Macam saya contohnya saya ada 41,000 orang yang taat setia kepada saya. Sebab itu pembangkang tidak boleh lawan dengan saya atau di kawasan saya. Jadi saya boleh pastikan yang mereka akan menyegerakan pembaharuan kad. Apakah boleh kita beri keutamaan sebagai pemimpin melalui teladan kepada pemimpin-pemimpin rakyat seperti Wakil Rakyat dan sebagainya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, atas permohonan wakil daripada Arau itu termasuk jugalah Wakil-wakil Rakyat dari DAP, saya akan memohon pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara untuk datang ke Bangunan Parlimen ini pada minggu hadapan untuk memberi kemudahan kepada semua Wakil-wakil Rakyat untuk menukar kad pengenalan baru. *(Tepuk)*

PERDAGANGAN SECARA 'COUNTER-TRADE' DENGAN MALAYSIA

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) negara-negara yang mengamalkan perdagangan secara 'Counter-Trade' dengan Malaysia;
- (b) apakah komoditi atau barang-barang pembuatan yang terlibat dalam 'Counter-Trade';
- (c) berapakah jumlah nilai perdagangan secara 'Counter-Trade' yang diperolehi oleh negara setiap tahun mulai dari tahun 1987; dan
- (d) apakah kesan positif dari perdagangan bentuk ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat 21 buah negara-negara yang mengadakan perdagangan secara 'counter-trade' dengan Malaysia. Negara-negara yang berkenaan adalah Australia, Austria, Belgium, Brazil, Canada, German Democratic of Republic, Finland, France, The Netherlands, Hungary, Indonesia, Italy, Negeri Jepun, Korea Selatan, Sweden, Switzerland, Taiwan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Yugoslavia.

- (b) Komoditi dan barang-barang pembuatan yang terlibat dalam perdagangan secara 'counter-trade' termasuklah barang-barang makanan laut yang disediakan; bijian koko dan barang-barang yang diperbuat dari koko iaitu cocoa butter, cocoa cake, cocoa powder, cocoa sugar dan chocolate; lada hitam dan lada putih; makanan ternakan; shortening; getah SMR; barang-barang dari getah iaitu kondom, sarong tangan dari getah, tayar, tiub, permainan kanak-kanak dan bola golf; kayu gergaji dan barang-barang yang diperbuat dari kayu iaitu veneer, papan lapis, pintu, tool handles dan mouldings; barang-barang ceramic; ilmenite; minyak sawit; palm fatty acid; methanol, urea, cement bonded board; wire rods; timah; metal containers; penghawa dingin; valve brass tube; mechanical handling equipment; rubber processing machinery; sanitary-wares; bantal dan tilam; kain baju dan kasut.
- (c) Jumlah nilai perdagangan secara 'counter-trade' yang diperolehi dari tahun 1987 hingga 1989 adalah seperti berikut:-
- | | |
|-------|------------------|
| 1987— | \$210.49 juta; |
| 1988— | \$471.18 juta; |
| 1989— | \$1,576.55 juta. |
- (d) Kesan-kesan positif hasil dari Kerajaan mengamalkan perdagangan secara 'counter-trade' ini adalah seperti berikut:-
- (i) dapat membentuk syarikat-syarikat perdagangan 'counter-trade' tempatan yang mahir di dalam selok belok perdagangan antarabangsa;
- (ii) dapat meluas dan memeninggikan lagi kepakaran dan pengalaman syarikat-syarikat per-

dagangan tempatan ini dalam bidang perdagangan antarabangsa;

- (iii) dapat menggalak dan membantu syarikat-syarikat perdagangan atau syarikat 'counter-trade' tempatan ini mempelbagaikan barang-barang pasaran mereka dan menerokai pasaran-pasaran baru;
- (iv) dapat menggalakkan pengeksportan terus kepada pengimport di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil soalan ini, saya mohon keizinan untuk membuat satu pembetulan iaitu angka yang terdapat dalam soalan ini iaitu \$2,000.00; angka sebenarnya ialah \$200,000.00. Tuan Yang di-Pertua, soalan No.8.

PROJEK MINI-HIDRO KIAU, SABAH

8. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa mengikut jawapan Menteri berkenaan kepada soalan saya di persidangan Parlimen tahun lalu bertarikh 8.11.1989, sebanyak \$300,000 tahun 1989 telah diperuntukkan kepada Lembaga Letrik Sabah untuk menjalankan kajian rekabentuk dan penyediaan spesifikasi dokumen tender untuk mini hidro Kiau, Sabah. Telah dinyatakan juga bahawa sejumlah \$200,000 telah diminta daripada Kerajaan bagi membolehkan pelaksanaan pembinaan projek tersebut dimulakan:

- (a) adakah permohonan peruntukan tersebut kepada Kerajaan itu telah diluluskan. Kalau tidak, apakah sebabnya; dan

- (b) kalau ia, bilakah kerja pelaksanaan pembinaan projek itu dimulakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud ialah seperti berikut:-

- (a) Peruntukkan projek mini hidro Kiau, Sabah telah pun diluluskan berjumlah \$3000,000 pada tahun 1989 dan \$2 juta pada tahun 1990.
- (b) Kerja pelaksanaan pembinaan projek ini belum lagi dilaksanakan disebabkan oleh pengalaman LLS (Lembaga Letrik Sabah) melaksanakan projek-projek mini hidro yang terdahulu adalah sangat tidak memuaskan. Di masa yang lalu LLS melaksanakan projek-projek mini hidro tanpa membuat kajian mendalam mengenai keadaan tanah-tanah (soil structure) di tapak projek. Dan perlantikan Juruperunding kerana beranggapan skop kerja adalah kecil dan boleh dilaksanakan sendiri (in-house) untuk mengurangkan kos projek. Sebaliknya, pengalaman lalu menunjukkan bahawa LLS terpaksa menanggung kenaikan kos dan tempoh pelaksanaan projek yang sangat panjang. Oleh itu LLS telah memutuskan supaya semua projek hidro yang akan dilaksanakan melalui proses kajian kemungkinan dan terperinci dari segi kesesuaian tapak, dengan izin, detail design dan sebagainya oleh Juru-perunding yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Lembaga Letrik Sabah sedang dalam proses melantik Juruperunding berkelayakan untuk mengkaji pelaksanaan projek mini hidro Kiau. Pelaksanaan projek ini akan dimulakan setelah Juruperunding mengemukakan hasil kajiannya.

JET PEJUANG TORNADO— PEMBELIAN

9. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan dan perbincangan beliau dengan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher dalam kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa bercuti baru-baru ini. Selain daripada masalah politik antarabangsa, kerjasama dan persahabatan bagi kedua-dua buah negara, apakah masalah pembelian alat-alat kelengkapan perang seperti Tornado dibincangkan sama. Dan adakah benar bahawa Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk membeli ala-alat kelengkapan perang tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sewaktu bercuti di London baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sempat bertemu dengan Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher. Kedua-dua Perdana Menteri telah membincangkan secara umum perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia sekarang termasuklah perubahan-perubahan di Eropah Timur dan penyatuan kedua-dua negara Jerman. Isu-isu ekonomi antarabangsa juga telah dibincangkan. Soal pembelian jet pejuang dari Britain masih dirundingkan dan ketetapan belum lagi dibuat oleh Kerajaan.

SKRIP HILANG

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa tiada sebarang siasatan dilakukan ke atas skandal 'skrip yang hilang' dan khasnya untuk memastikan sama ada benar sebab utamanya ialah kerana pemisahan secara terburu-buru dan tidak dirancang rapi Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) daripada Bursa Saham Singapura (SES), dan sama ada segala masalah yang timbul akibat skandal 'skrip yang

hilang' itu telahpun diselesaikan dan sama ada pelabur- pelabur kecil akan diberi layanan yang lebih adil sekiranya KLSE memakai semula kaedah pembayaran dan penerimaan yang lama dan juga perdagangan kontra.

13.6.90

28. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebab 8000 lebih skrip saham hilang, sepertimana dilaporkan oleh pengerusi BSKL baru-baru ini. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas firma-firma yang bertanggungjawab. Apakah implikasi kehilangan skrip yang sebegitu banyak terhadap kepercayaan pelabur terhadap BSKL.

15.6.90

54. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah 8,474 skrip saham Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bernilai \$18 juta yang disahkan masih hilang tidak diganti seperti yang dijanjikan oleh Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur, Encik Nik Din Nik Yusof pada 15-3-1990.
- (b) apakah kelemahan yang menyebabkan skandal ini berlaku dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya;
- (c) apakah tuduhan yang telah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab; dan
- (d) sama ada satu siasatan umum yang bebas akan diadakan untuk menyiasat penyelewengan-penyelewengan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur terutamanya kegagalan Bursa Saham Kuala Lumpur memberitahu syarikat broker dengan serta-merta arahan baru tentang 'margin trading' yang baru.

18.6.90

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab utama berlakunya kehilangan skrip di BSKL dalam tempoh Disember 1989 hingga Mac, 1990;
- (b) jumlah bilangan skrip yang 'hilang' dan amaun yang terlibat;
- (c) sama ada masalah 'skrip hilang' ini telahpun diselesaikan dengan sepenuhnya, jika tidak, berapakah banyak kes 'skrip hilang' yang masih belum diselesaikan;
- (d) adakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini;
- (e) siapakah yang bertanggungjawab membayar ganti rugi atas kerugian yang ditanggung oleh pelabur-pelabur; dan
- (f) apakah langkah yang telah diambil untuk mengelakkan berulangnya kejadian seumpama ini pada masa depan.

19.6.90

58. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sebarang siasatan diadakan untuk menyiasat mengapa satu arahan Bank Negara kepada Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai syarat perdagangan margin baru bertarikh 16hb Mac ditahan dan tidak diedarkan arahan ini kepada broker saham selama tiga minggu walaupun Bank Negara telah meminta supaya arahan itu diedarkan kepada broker saham dengan kadar segera, dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menyusun semula KLSE demi memperoleh keyakinan orang ramai.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah hampir serupa dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Kota Melaka dan Sandakan yang masing-masing dijadualkan untuk dijawab pada 13hb, 15hb dan 18hb Jun 1990, maka saya memohon menjawab keempat-empat pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Saya juga memohon menjawab bersama satu lagi soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang dijadualkan untuk dijawab pada 19hb Jun, 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu kehilangan skrip ini bukanlah satu skandal. Masalah ini timbul berpunca daripada jumlah dagangan yang di luar jangkaan terutama pada awal tahun ini dan bukannya kerana pemisahan secara terburu-buru dan tidak dirancang rapi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) daripada Bursa Saham Singapura (BSS). Peningkatan jumlah dagangan yang luar-biasa tingginya di BSKL telah menimbulkan satu tekanan yang amat besar terhadap tugas-tugas penyimpanan rekod-rekod, penyelesaian dan penyerahan sijil-sijil saham. Di dalam usaha untuk memenuhi masa yang ditetapkan bagi penyelesaian dagangan di dalam keadaan urusaniaga yang begitu tinggi, kesilapan rekod dan hantaran telah berlaku, baik di pihak broker-broker saham mahupun di pihak rumah penjelasan, iaitu Securities Clearing Automated Services (SCANS), dengan izin.

Jumlah skrip sebanyak 8,474 seperti yang diumumkan oleh BSKL pada 11hb Mei, 1990 adalah merupakan jumlah tuntutan bersih skrip belum diterima yang dibuat oleh broker-broker saham, iaitu setelah ditolak tuntutan tidak sah dan juga jumlah skrip lebihan yang terdapat di BSKL. Sungguhpun demikian, kesahihan angka ini masih lagi

diragui. Ini terbukti apabila ianya telah dapat dikurangkan lagi kepada 7,581 skrip pada 7hb Jun, 1990 bernilai kira-kira \$18 juta pada harga pasaran masa kini. Pihak BSKL tidak pernah mengisytiharkan bahawa skrip tersebut telah hilang.

Kelewatan BSKL membuat gantian terhadap tuntutan skrip belum diterima seperti yang dijanjikan adalah disebabkan terdapatnya keraguan terhadap kesahihan tuntutan-tuntutan tersebut. Proses membuat penyalarsan dan pengesahan tuntutan adalah satu proses yang memakan masa dan di samping itu apa-apa penyelesaian hanya dapat dibuat selepas beberapa isu teknikal dan undang-undang diatasi dan seterusnya gantian akan dibuat sebaik-baik sahaja perkara ini diselesaikan. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang seseorang boleh dipersalahkan, tindakan sewajarnya akan diambil oleh BSKL. Tetapi buat masa ini soal tindakan tersebut tidak timbul.

Langkah-langkah sedang giat diusahakan oleh BSKL untuk memastikan masalah yang sama tidak timbul lagi di masa-masa hadapan. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menggunakan komputer di dalam urusan penyerahan dan penyelesaian. Di samping itu satu sistem Simpanan Pusat Sijil akan diperkenalkan yang bertujuan menghapuskan penyerahan skrip dan untuk mempercepatkan penyelesaian urusan-urusan saham.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan arahan tentang Maju Trading, dengan izin, adalah dimaklumkan bahawa ianya telah dikeluarkan oleh Bank Negara pada 16hb Mac, 1990. BSKL mempunyai satu jawatankuasa yang dianggotai oleh 9 orang ahli dan mengikut amalan biasa BSKL, apa juga arahan-arahan dasar yang diterima akan dibentangkan di mesyuarat biasa bulanan Ahli Jawatankuasa BSKL terlebih dahulu sebelum ianya disebarkan kepada

syarikat anggota. Oleh yang demikian, arahan tersebut hanya dibentangkan di mesyuarat Ahli Jawatankuasa BSKL pada bulan Mac, yang diadakan pada 31hb Mac, 1990. Penyebaran arahan tersebut telah dibuat pada 3hb April, 1990.

Di dalam hal yang demikian, satu siasatan umum yang bebas tidaklah perlu kerana walaupun penyebaran arahan telah dibuat pada 3hb April, 1990, tarikh penguatkuasaan arahan tersebut ialah pada 15hb April, 1990 dan tempoh tiga bulan telah diberi kepada syarikat anggota untuk melaksanakan arahan baru tersebut.

Berhubung dengan sama ada pelabur-pelabur kecil akan diberi layanan yang lebih adil sekiranya BSKL memakai semula kaedah pembayaran dan penerimaan yang lama dan juga perdagangan kontra tidak timbul. Kaedah baru yang diperkenalkan oleh BSKL pada bulan Februari, 1990 adalah untuk melicinkan lagi urusniaga saham dan untuk kebaikan industri sekuriti keseluruhannya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bukankah benar bahawa sampai kini masih ada skrip-skrip yang dibeli dalam bulan Februari yang belum diterima oleh pelabur-pelabur kecil yang menunjukkan bahawa masalah ini sampai sekarang masih menjadi satu masalah yang mengakibatkan kerugian kepada pelabur-pelabur kecil?

Kedua, adakah Bursa Saham Kuala Lumpur dalam keadaan untuk memikul semua tanggungjawab dan membayar semua kerugian yang dihadapi oleh pelabur-pelabur kecil akibat daripada skandal skrip yang hilang ini?

Ketiga, bukannya kaedah baru untuk pembayaran dan penerimaan yang termasuk mengenai kaedah perdagangan kontra diadakan untuk menghadapi satu krisis masa itu oleh kerana jumlah dagangan luar biasa yang tinggi yang

muncul dan oleh kerana sekarang jumlah dagangan sudah balik kepada sebelum krisis itu berlaku, bahawa ada tuntutan-tuntutan daripada pihak pelabur-pelabur kecil bahawa kembali kepada kaedah yang lama oleh kerana kaedah baru ini akan memberi faedah dan untung broker-broker sahaja.

Akhirnya, bukannya Bursa Saham Kuala Lumpur, keanggotaan KLSE adalah satu keanggotaan yang tidak adil, yang tidak sihat, yang tidak dapat menjaga kepentingan pelabur-pelabur kecil oleh kerana KLSE adalah satu gang-up broker-broker besar menentang broker-broker kecil dan keduanya pun adalah satu gang-up broker-broker menentang pelabur-pelabur kecil.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat yang pertama itu, adakah sehingga sekarang ini masalah itu masih berlaku, sebenarnya seperti saya sebutkan dalam penjelasan yang panjang tadi, bahawa segala tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tentang menuntut kesahihan tuntutan, untuk makluman Dewan ini, ada setengah syarikat broker yang menuntut kadang-kadang sijil saham itu sebenarnya tidak ada di dalam peredaran tetapi sebaliknya dicagarkan kepada bank-bank yang berkenaan-ada juga tuntutan yang begini. Jadi, bila kita sesuaikan dengan senarai tuntutan dengan sijil-sijil saham, ada yang kita dapati sijil saham ini berada di bank, dicagarkan oleh yang berkenaan-itupun juga dituntut, dan hari demi hari kita mendapati sijil-sijil ini ada, cuma kadang-kadang dalam urusan ini mungkin ada di pihak bank dan setengah-setengahnya ada di tempat-tempat yang lain.

Yang kedua berkenaan dengan adakah BSKL akan menanggung, ini pastilah bahawa BSKL akan bertanggungjawab

pada semua sekali jika terdapat kehilangan. Satu sistem pembayaran akan dibuat di antara BSKL dengan broker yang mana tentu akan ada orang yang bertanggungjawab kalau sekiranya ada kehilangan tersebut.

Yang ketiga berkenaan dengan marginal trading, marginal trading ini bukan diadakan kerana masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ianya dibuat untuk melicinkan pasaran saham kita. Oleh sebab itu buat pada masa ini kita tidak akan melayan tuntutan untuk menghapuskan sistem ini sebaliknya mengekalkan sistem yang kita telah perkenalkan.

Berkenaan dengan yang keempat, itu adalah pandangan Yang Berhormat dan Yang Berhormat bebas untuk membuat pandangan apa Yang Berhormat suka tentang Kuala Lumpur Stock Exchange, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.

(Soalan No. 11 Y.B. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar tidak hadir)

KOKO—SUBSIDI BAJA

12. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) sama ada selain daripada mengurangkan kos pengeluaran yang tinggi bagi koko Malaysia dan meningkatkan hasil dan kualiti biji koko, Kerajaan mempunyai apa-apa tujuan untuk memberikan subsidi baja kepada pengusaha-pengusaha kecil bila terdapat kejatuhan harga baru-baru ini; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil untuk menggunakan penjagaan secara biologi selain daripada menggunakan cara 'pesticide'

biasa di dalam penjagaan ulat koko.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai program untuk memberi subsidi baja kepada penanam koko. Pengusaha-pengusaha kecil adalah digalakkan mengamalkan pengurusan kebun yang efisien dalam proses pengeluaran koko, supaya mereka boleh berdayasaing dalam keadaan kejatuhan harga pasaran, manakala FAMA terus membantu meningkatkan mutu dan pemasaran koko pekebun kecil.

Selain daripada menggunakan 'pesticide' dalam penjagaan ulat koko, Kerajaan juga sedang mengkaji potensi menggunakan 'natural enemies', dengan izin, atau serangga yang boleh mengatasi makhluk perosak itu sendiri, sebagai agen dalam kawalan biologi. Kawasan secara biologi ini, setelah ianya didapati berkesan dan kos efektif akan digalakkan penggunaannya kepada pengusaha-pengusaha kebun koko.

BIASISWA KEPADA PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI - KAJIAN

13. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pendidikan menyatakan biasiswa yang diberikan kepada penuntut kita luar negeri seperti di Amerika Syarikat adalah tidak mencukupi sehingga mereka terpaksa berkongsi tempat tinggal yang sempit dan makan makanan yang tidak berzat. Masalah ini akan menjatuhkan semangat dan konsentrasi mereka dalam pelajaran mereka. Apakah tindakan Kementerian supaya masalah ini dapat diperbaiki bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi di negara-negara lain juga.

19.6.90

34. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah segera Kementerian

untuk mengatasi beban pembiayaan pelajaran penuntut-penuntut kita di luar negeri sama ada yang di bawah tajaan JPA, MARA, PETRONAS, LLN atau lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab sekali gus soalan yang serupa juga oleh Yang Berhormat dari kawasan Pagoh yang dijadualkan pada 19 Jun mengenai kos sara hidup yang tinggi yang dialami oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, elaun sara hidup bagi pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negeri memang kita kajikan dari masa ke semasa mengikut keperluan. Ini termasuk lagi bagi pelajar-pelajar tajaan kita di Amerika Syarikat. Jadi, berkaitan dengan ini dimaklumkan Kerajaan sedang menimbang untuk tujuan menaikkan elaun sara hidup kepada pelajar-pelajar tajaan di Amerika Syarikat hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh satu Jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri dari pihak Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Tuan Mutang Tagal: Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan atas Jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk membuat satu kajian mengenai dengan masalah sara hidup penuntut kita di luar negeri dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada siasatan itu sudah siap ataupun dalam proses dan kalau sudah siap apakah ciri-ciri penting yang telah diambil kira oleh Jawatankuasa ini supaya satu keputusan dapat dibuat untuk membantu penuntut kita yang menghadapi masalah yang besar ini di luar negeri.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian inipun telah dijalankan dan selepas kita telah selesai dengan pengajian untuk pelajar-pelajar kita di Britain di mana kita telah menambahkan kadar pemberian biasiswa di Britain dan di kawasan Australia semenjak tahun 1988 dan tahun dahulu iaitu tahun 1989. Sekarang kajian untuk pelajar kita di Amerika Syarikat pun telah dibuat dan cuma kita mengkaji dari segi formula-formula supaya ia tidak memerlukan kita untuk menambahkan kadar ini tiap-tiap tahun, misalnya kalau kita mengambilkira kadar kenaikan dalam tiga hingga lima tahun kita tidak perlu membuat kajian tiap-tiap tahun untuk mengemaskinikan kadar-kadar pemberian biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 11 dan 14 hingga 67 adalah diberi di bawah ini)

TAUN DAN KEPIALU— PENCEGAHAN

5. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa perkhidmatan kesihatan awam gagal mencegah wabak penyakit Taun dan Kepialu yang berlaku baru-baru ini di seluruh negara dan sama ada langkah-langkah serius sedang diambil untuk mengawal wabak tersebut untuk melindungi kesihatan rakyat serta mengadakan Kempen Tahun Melawat Malaysia daripada dilemahkan.

11. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) dari manakah datangnya punca penyakit demam kepialu yang telah merebak di Negeri Johor.
- (b) bilakah ianya dilaporkan berlaku dan bilakah Kementerian

Kesihatan mengambil tindakan; dan

- (c) bagaimanakah penyakit ini boleh merebak dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelak wabak penyakit ini dari merebak.

13-6-90

61. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah kes kolera dan tifoid yang telah dilaporkan bagi tahun 1989 dan hingga 31.5.1990. Dan berapakah kes tersebut telah membawa maut dalam tempoh yang sama. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau supaya penyakit-penyakit tersebut tidak merebak.

14-6-90

31. Tuan Chew Kam Hoy Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) jumlah kes demam kepialu dan taun yang telah dikesani serta jumlah mereka yang menjadi mangsa kedua-dua penyakit tersebut semenjak bulan Januari hingga hari ini mengikut negeri;
- (b) apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak berkuasa untuk mencegah merebaknya kedua-dua penyakit itu; dan
- (c) memandangkan kedua-dua penyakit ini adalah merbahaya, adakah Kerajaan akan membuat kajian atau penyelidikan yang mendalam mengenainya untuk mengetahui punca penyakit tersebut serta cara-cara untuk menghapuskan kuman penyakit.

35. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kes penyakit demam kepialu di seluruh negara setakat hari ini. Apakah yang menyebabkan penyakit ini berleluasa dan apakah langkah-langkah

yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengawal penyakit tersebut.

15-6-90

64. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah penyakit demam kepialu telah merebak di negara kita. Namakan kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan bahaya bagi penyakit tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memerangi penyakit itu.

18-6-90

39. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada penyakit-penyakit Taun dan Kepialu sudah menjadi satu wabak kepada negara. Apakah sebab-sebab wabak tersebut terjadi dan apakah langkah-langkah pencegahan berterusan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengelak wabak tersebut dari berulang.

19-6-90

56. Tuan Haji Bujang bin Haji Uli minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal penyakit taun dan kepialu dengan lebih berkesan.

20-6-90

41. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kadar penyakit AIDS di negara kita sekarang; dan
- (b) berapa ramai yang terlibat dengan penyakit Taun dan Kepialu di seluruh negara sekarang.

51. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes dan kematian yang berlaku akibat penyakit taun di (i) Semenanjung Malaysia, (ii) Sarawak dan (iii) Sabah, apakah sebab-sebabnya berjangkitnya

penyakit ini yang tidak dapat dikawal pada peringkat awal dan dibiarkan merebak begitu sahaja; sila jelaskan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal wabak ini daripada merebak lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Pada sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan penyakit Kolera dan Kepialu seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Mereka ialah:-

- (1) Yang Berhormat Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar pada 12.6.1990.
- (2) Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean pada 13.6.1990.
- (3) Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit pada 14.6.1990;
- (4) Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy pada 14.6.1990;
- (5) Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan pada 15.6.1990;
- (6) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim pada 18.6.1990;
- (7) Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis pada 19.6.1990;
- (8) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yaacob pada 20.6.1990;
- (9) Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing pada 20.6.1990.

Oleh yang demikian izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa wabak penyakit-penyakit Taun dan Kepialu telah berlaku di seluruh negara atau Perkhidmatan Kesihatan Awam telah gagal mencegah kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit Taun dan Kepialu adalah endemic (sentiasa berlaku) di negara kita. Baru-baru ini wabak penyakit Taun berlaku hanya di dua buah negeri sahaja iaitu di Kelantan dan di Sabah. Di kedua-dua negeri tersebut wabak berlaku di beberapa kawasan tertentu sahaja dan bukan melibati seluruh negeri atau negara. Kawasan-kawasan yang terlibat dengan Taun di Sabah ialah kawasan pantai dan pendalaman di timur negeri tersebut iaitu di Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Wabak Taun di Kelantan pula terhad kepada tiga daerah sahaja di delta Sungai Kelantan iaitu di Tumpat, Kota Bahru dan Pasir Mas.

Untuk makluman Yang Berhormat, wabak demam Kepialu di negeri Johor berlaku di mukim Plentong sahaja dan terhad dan terkawal di kawasan asal yang terlibat iaitu di FELDA Cahaya Baru, Masai, Pasir Gudang dan Pandan. Wabak Kepialu di Kedah pula terhad kepada beberapa buah kampung di sekitar pekan Kuala Nerang. Di negeri Selangor wabak Kepialu yang terjadi di Pekan Subang di daerah Petaling adalah lebih kecil daripada yang terjadi di Johor dan Kedah. Ketiga-tiga wabak penyakit Kepialu tersebut adalah berasing dan tidak ada kaitan di antara satu dengan lain.

Wabak Taun dan Kepialu di Semenanjung Malaysia mula berlaku pada bulan April 1990. Dengan tindakan-tindakan cepat dan proaktif yang telah diambil oleh kakitangan kesihatan dan kerjasama orangramai, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain, wabak telah pun berakhir. Di Sabah, wabak Taun bermula pada awal tahun ini dan telah pun dapat dikawal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan sebaik sahaja wabak dikenal pasti.

Selain daripada wabak-wabak tersebut kes-kes Kepialu dan Taun juga telah dilaporkan dari kawasan-kawasan lain yang menunjukkan keadaan endemic

penyakit-penyakit tersebut di Malaysia. Bagi setiap kes yang dikesan langkah-langkah kawalan serta-merta telah diambil dan sehingga sekarang ini tidak ada perebakan berlaku di dalam daerah-daerah tersebut.

Jelas sekali wabak-wabak ini adalah kejadian tempatan dan terbandung kepada beberapa kawasan sahaja dan dengan itu tidak benar bahawa ianya telah merebak ke seluruh negara.

Jumlah kes Taun yang dilaporkan sejak awal tahun ini hingga 31.5.90 mengikut negeri adalah seperti berikut:-

| <i>Negeri</i> | <i>Kes</i> | <i>Pembawa</i> |
|-------------------------------------|---------------|----------------|
| Kelantan | 300 | 232 |
| Sabah - | | |
| (i) Sabahan | 478 | 625 |
| (ii) Pemandang dari negara asing | 832 | 969 |
| Pahang | 46 | 75 |
| Kedah | 28 | 25 |
| Pulau Pinang | 8 | 13 |
| Terengganu | 6 | 8 |
| Perak | 3 | 8 |
| Selangor | 2 | 0 |
| Wilayah Persekutuan | 1 | 0 |
| Perlis | | |
| Negeri Sembilan | 0 | 0 |
| Melaka | 0 | 0 |
| Johor | 0 | 0 |
| Sarawak | 0 | 0 |
| JUMLAH | 1,704* | 1,955 |

* Termasuk 832 kes dikalangan pemandang dari negara asing yang dilaporkan oleh Sabah.

Bagi penyakit Kepialu pula, jumlah kes yang dilaporkan sejak awal tahun ini mengikut negeri adalah seperti berikut:-

| <i>Negeri</i> | <i>Kes</i> | <i>Pembawa</i> |
|---------------|------------|----------------|
| Johor | 546 | 5 |
| Kedah | 86 | 4 |
| Selangor | 34 | 6 |
| Kelantan | 41 | 0 |
| Perak | 30 | 0 |
| Pahang | 14 | 0 |

| <i>Negeri</i> | <i>Kes</i> | <i>Pembawa</i> |
|---------------------|------------|----------------|
| Terengganu | 18 | 0 |
| Perlis | 10 | 0 |
| Pulau Pinang | 7 | 0 |
| Wilayah Persekutuan | 5 | 0 |
| Negeri Sembilan | 5 | 0 |
| Melaka | 3 | 0 |
| Sabah | 16 | 0 |
| Sarawak | 102 | 0 |
| Jumlah | 917 | 15 |

Bilangan kematian akibat taun ialah:

| <i>Negeri</i> | <i>KEMATIAN</i> | |
|------------------------------------|----------------------------------|---------------------------------|
| | <i>Yang disahkan akibat taun</i> | <i>Yang disyaki akibat taun</i> |
| Kelantan | 1 | 0 |
| Sabah | | |
| (a) Sabahan | 6 | 4 |
| (b) Pemandang dari negara asing | 23 | 0 |
| Semua negeri lain | 0 | 0 |

Empat kematian yang disyaki taun ialah bagi mereka yang dibawa mati ke hospital dan sebab kematian tidak dapat dipastikan atau diselidik dengan jelas.

Bagi penyakit Kepialu pula, terdapat 4 kematian di Johor dan 2 kematian di Kedah. Hampir kesemua kematian yang dilaporkan bagi taun dan demam kepialu adalah kerana pesakit-pesakit telah dibawa lambat ke hospital dan dalam keadaan teruk sungguhpun doktor-doktor telah bertungkus-lumus untuk menyelamatkan mereka, tetapi mereka tidak dapat diselamatkan.

Berkenaan dengan pengisytiharan secara gazetting bagi kawasan yang terlibat dengan wabak kepialu, saya suka menerangkan bahawa gazetting adalah tidak perlu kerana langkah yang telah diambil adalah mencukupi dan dapat mengawal dengan berkesannya wabak tersebut. Saya juga suka memaklumkan bahawa kedua-dua penyakit taun dan

demam kepialu adalah disebabkan oleh makanan dan minuman yang telah dicemari oleh kuman penyakit tersebut. Faktor-faktor yang memudahkan merebaknya penyakit-penyakit ini termasuklah pembuangan najis yang tidak sempurna seperti melalui saluran air, tidak mengamali kebersihan diri, pengendalian makanan yang tidak bersih dan kekurangan bekalan air yang selamat. Semasa wabak baru-baru ini, faktor-faktor lain seperti musim kemarau, pergerakan orang ramai semasa bercuti, dan amalan memakan makanan yang dibeli daripada penjaja-penjaja dan gerai-gerai yang tidak mengamalkan kebersihan turut memainkan peranan.

Kementerian Kesihatan memandang serius tentang kejadian wabak penyakit-penyakit ini. Untuk mengawal dan mencegah kedua-dua penyakit ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah dan tindakan tertentu. Langkah-langkah dan tindakan-tindakan tersebut ialah:

- (i) Mengesan kes secara aktif di kalangan masyarakat untuk diagnosis dan rawatan awal kes-kes yang disyaki. Untuk maksud ini, beberapa pasukan mencari kes telah diwujudkan di tempat-tempat yang terlibat;
- (ii) Penyiasatan kes yang segera untuk mengenalpasti punca jangkitan dan cara penularan. Kaedah siasatan ini merupakan kajian-kajian atau penyelidikan dan beberapa pasukan siasatan telah diwujudkan;
- (iii) Pengasingan dan rawatan kes untuk mencegah perebakan dan menghalang pencemaran;
- (iv) Pengesanan kontek untuk mengenalpasti serta memeriksa orang-orang lain yang mungkin telah terdedah kepada jangkitan. Seramai 105,511 orang kontek telah diperiksa untuk mengesan tanda-tanda jangkitan;
- (v) Disinfeksi premis-premis untuk membunuh kuman dan mencegah orang lain daripada mendapat jangkitan. Sebanyak 3,071 buah rumah dan 4,525 buah tandas telah disembur pembunuh kuman. Juga 32,172 buah perigi telah dibubuh ubat klorin;
- (vi) Pendidikan kesihatan kepada orang awam serta kumpulan-kumpulan sasaran tertentu mengenai cara-cara pencegahan dan kawalan penyakit tersebut. Sebanyak 98,117 sesi Pendidikan Kesihatan telah dijalankan kepada lebih daripada 195,000 penduduk di tempat-tempat yang terlibat;
- (vii) Bekerjasama dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan berkaitan termasuk media-massa untuk memastikan pengambilan makanan dan minuman yang selamat dan untuk mendidik masyarakat;
- (viii) Kakitangan-kakitangan di peringkat negeri dan daerah yang tidak terjejas dengan wabak taun dan kepialu telah dihantar untuk membantu mengawal wabak di kawasan-kawasan yang terlibat. Pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kesihatan juga telah melawat kawasan-kawasan yang terlibat untuk meninjau keadaan dan untuk memastikan segala usaha dijalankan untuk mengawal wabak-wabak tersebut; dan
- (ix) Jabatan Kesihatan di peringkat negeri dan daerah yang terlibat dan juga Kementerian Kesihatan telah membekukan cuti kakitangan-kakitangan tertentu semasa hari raya supaya kerja-kerja kawalan wabak tidak terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama dan sumbangan daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat, jabatan-jabatan

lain, dan juga komuniti sendiri telah memainkan peranan penting di dalam kejayaan kami mengawal dan membendung wabak-wabak ini.

**SYARIKAT HARRIS ADVANCED
TECHNOLOGY SDN. BHD.
PENUBUHAN KESATUAN**

14. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) setakat manakah perjanjian yang diadakan antara NUPW dan MAPA itu berkesan melindungi kebajikan para pekerja ladang;
- (b) bagaimanakah pula dengan usaha-usaha para pekerja syarikat Harris Advanced Technology Sdn. Bhd. (HAT) dalam penubuhan kesatuan in house mereka;
- (c) sejauh manakah dakwaan-dakwaan yang dikemukakan bahawa HAT enggan memperakui kesatuan sekerja Harris Solid State Workers Union itu benar.

15-6-90

29. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) pendirian Kerajaan terhadap percubaan Harris Solid State dan Harris Advanced Technology Sdn. Bhd. untuk menggagalkan usaha mendirikan sebuah kesatuan sekerja; dan
- (b) tindakan yang akan diambil terhadap kedua-dua syarikat ini.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Perjanjian Bersama yang baru ditandatangani di antara NUPW dan MAPA pada 6hb April, 1990 mengandungi syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik bagi pekerja-pekerja ladang jika dibandingkan dengan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja

1955, ataupun dengan perjanjian bersama yang lama di antara dua pihak itu.

Antara faedah-faedah baru yang dapat dinikmati oleh para pekerja ialah kenaikan gaji harian sebanyak lebih kurang 7%, serta bayaran galakan pengeluaran yang lain, tambahan kepada bilangan hari cuti am serta cuti sakit lanjutan dan kenaikan kadar faedah persaraan. Pelaksanaan gaji terjamin bagi 24 hari setiap bulan juga telah disetujui, walaupun pelaksanaan faedah ini telah menimbulkan pelbagai interpretasi dan sedang ditafsirkan sepenuhnya di Mahkamah Perusahaan.

Adalah diharapkan bahawa faedah-faedah ini akan dapat dinikmati oleh lebih kurang 250,000 pekerja ladang, iaitu lebih luas daripada pekerja-pekerja yang sekarang ini dalam pekerjaan estet-estet di bawah MAPA yang mengikat janji dengan NUPW.

Mengenai soalan (b) dan (c), perkara ini sebenarnya adalah perkara lain dan tidak berkait dengan soalan (a). Walau bagaimanapun saya memohon untuk menjawabnya bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Ahli Kota Melaka pada 15hb Jun, 1990 mengenai perkara yang sama, iaitu berkaitan dengan penubuhan kesatuan sekerja oleh pekerja-pekerja Syarikat Harris Advanced Technology Sdn. Bhd.

Setakat ini pekerja-pekerja Harris Advanced Technology Sdn. Bhd. belum mengemukakan sebarang permohonan untuk menubuhkan kesatuan di tempat kerja. Bagi pekerja-pekerja Harris Solid-State (M) Sdn. Bhd. pula, kesatuan dalam mereka telah didaftarkan. Seperti skop perlembagaan kesatuan tersebut, keahlian kesatuan itu hanya terhad kepada pekerja-pekerja Syarikat Harris Solid-State (M) Sdn. Bhd. sahaja.

Oleh yang demikian soal pengiktirafan kesatuan pekerja-pekerja Harris Solid-State (M) Sdn. Bhd. oleh Harris Advanced Technology Bhd. tidak timbul sama sekali.

MPEN—LAPORAN JAWATANKUASA

15. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan terbaru berhubung dengan Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN) dan nyatakan samada MPEN telah menghantar sebarang laporan kepada pihak Kerajaan. Jika ya, beritahu apakah laporan yang dihantarkan. Jika tidak, apakah sebabnya dan bilakah MPEN dijangkakan menyerahkan laporan kepada pihak Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sehingga kini, MPEN telah bersidang sebanyak 13 kali dan telah selesai membahaskan kesemua laporan yang disediakan oleh 6 buah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis. Setakat ini, MPEN telah menyediakan draf laporan yang mengambil kira semua isu dan pandangan ahli MPEN, termasuk perkara-perkara yang terkandung di dalam laporan Jawatankuasa-jawatankuasa dan isu-isu yang dibahaskan dalam sidang pleno Majlis. Draft laporan tersebut sedang dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pemandu sebelum ianya dikemukakan untuk kelulusan Majlis. Saya tidak dapat menyatakan bilakah pihak MPEN akan menyerahkan laporan akhirnya kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya yakin pihak MPEN sedang giat menyiapkan laporannya dan kita berharap laporan tersebut akan diterima dalam sedikit masa lagi.

LESEN JUDI—BILANGAN

16. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah Lesen Berjudi telah dikeluarkan hingga sekarang; dan
- (b) dapatkah cabutan untuk Lesen seperti Sarawak Turf Club BIG-4

dan Magnum 4-D, dikurangkan kepada sekali seminggu; atau adakah kemungkinan Kerajaan membatalkan semua Lesen Perjudian.

14-6-90

40. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jenis lesen dan bilangan lesen judi yang diluluskan oleh Kerajaan;
- (b) samada sedar atau tidak pada hari ini hampir tiap-tiap hari ada sahaja cabutan diadakan oleh syarikat-syarikat judi; dan
- (c) kesan terlampau banyak judi di kalangan masyarakat kita dan samada Kerajaan akan mengurangkan bilangan lesen judi diberikan kepada syarikat atau seseorang individu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang pada 14hb Jun, 1990 kerana perkara yang dipersoalkan adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya berikan dalam Mesyuarat Dewan ini pada 14hb Mac, 1990.
- (b) Kerajaan memang sedar pada masa ini terdapat cabutan BIG-4 anjuran Sarawak Turf Club, yang dijalankan tiap-tiap hari kecuali pada hari Rabu. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa jenis pertaruhan, ini adalah dilesenkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian terserahlah kepada Kerajaan Negeri untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya. Bagi pertaruhan 4-D anjuran Magnum Corporation Sendirian

Berhad, Kerajaan Persekutuan telah menghadkan cabutannya kepada 3 kali sahaja dalam seminggu.

- (c) Kerajaan Persekutuan juga telah membuat keputusan untuk mengawal dengan lebih ketat lagi dan mengurangkan aktiviti-aktiviti perjudian. Walau bagaimanapun adalah tidak sesuai bagi Kerajaan membatalkan semua lesen perjudian memandangkan kepada penduduk negara kita yang terdiri daripada berbilang kaum dan menganuti agama yang berlainan. Sebaliknya jika semua jenis perjudian tidak dibenarkan maka ianya akan menggalakkan perkembangan judi bawah tanah (illegal gambling). Ini akan menimbulkan beberapa masalah keselamatan kelak.

PADI - PENANAMAN DI CHINA

17. Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah nilai comparative advantage yang boleh didapati melalui usaha penanaman padi di Republik Rakyat China yang diura-urakan oleh LPN. Bilakah rancangan ini hendak dilaksanakan.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Idea menanam padi di negara China telah timbul dalam perbincangan Menteri Pertanian dengan pegawai-pegawai semasa lawatannya ke negeri China kerana menghadiri Persidangan Wilayah bagi Pertubuhan Makanan Sedunia. Keluasan tanah yang dibincangkan untuk dipajak ialah sekitar 70,000 ekar untuk jangkamasa 70 tahun.

Kementerian Pertanian mendapati idea sebegini menarik dan wajar diberi pertimbangan memandangkan secara perbanding ianya memberi beberapa faedah ekonomi kepada negara.

Selain daripada boleh menggalakkan pertukaran perdagangan di antara kedua

buah negara projek ini dijangka akan dapat mengurangkan kos mengimport beras kerana sebahagian daripada beras untuk keperluan negara boleh diimport daripada projek ini dengan harga yang lebih rendah disebabkan kos pengeluaran terutama kos buruh dan sewa tanah di negara China adalah lebih murah. Melalui projek ini negara boleh menghasilkan padi dari jenis berkualiti tinggi dengan kos yang lebih rendah tanpa penambahan perbelanjaan untuk subsidi baja dan harga padi serta tidak perlu membuka tanah lebih banyak untuk pengeluaran padi. Selain daripada itu, dengan adanya projek ini, sumber bekalan beras import negara akan lebih terjamin dan harganya juga stabil jika dibandingkan dengan sumber bekalan import sekarang.

Idea cadangan projek ini masih di peringkat awal perbincangan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada perundingan formal dengan pihak Kerajaan China. Beberapa orang pegawai dari China akan melawat negara ini sedikit masa lagi. Dari segi comparative advantage, kajian yang mendalam masih belum dibuat. Selain dari pertimbangan ekonomi pihak Kerajaan juga perlu menimbangkan implikasi politik dan aspek-aspek teknikal, kesesuaian tanah, tenaga kerja, kepakaran dan kewangan.

PENGIRAAN UNDI— PENYELEWENGAN

18. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan/atau akan diambil oleh Pesuruhjaya Pilihanraya untuk menjamin bahawa sesiapa tidak boleh menyalahgunakan sistem kiraan yang baru di setiap polling station pada masa yang akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman Malaysia (Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tidak mungkin berlaku penyalahgunaan atau penyelewengan

oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan sistem pengiraan undi di tempat mengundi. Calon-calon yang bertanding boleh melantik agen-agen mengira undi untuk ditempatkan di tempat-tempat pengiraan bagi mengawasi proses pengiraan undi. Dalam masa yang sama pengiraan undi juga dijalankan secara terbuka dalam mana agen-agen mengira undi boleh mengambil bahagian sama dalam pengiraan tersebut dengan menggunakan helaiian kira (tally sheet) yang dibekalkan. Begitu juga agen-agen mengira undi juga akan menandatangani borang-borang iaitu Borang Penyata Kertas Undi dan Borang Penyata Pengiraan Undi.

PROTON SAGA - LIMOUSINE

19. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kereta limousine Progon Saga untuk dipasarkan kepada orang ramai di dalam dan di luar negeri, bagaimana sambutan orang ramai terhadapnya.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Pada masa ini Edaran Otomobil Nasional (EON) bercadang untuk memasarkan kereta 'limousine' di dalam negeri sahaja. Reaksi awal pasaran adalah menggalakkan di mana EON banyak menerima pertanyaan-pertanyaan khususnya daripada 'fleet operators', pengusaha-pengusaha teksi dan 'limousine', syarikat-syarikat korporat dan pegawai-pegawai Kerajaan.

HUTAN SIMPANAN KAYU BAKAU

20. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah meminta Menteri Perusahaan Utama ataupun Menteri yang ada kaitannya menyatakan jumlah hutan-hutan simpanan Kayu Bakau di seluruh pantai dan perairan pantai di

seluruh Semenanjung serta Sabah dan Sarawak dan cara manakah pengawasannya terhadap hutan ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Jumlah hutan-hutan simpanan Kayu Bakau adalah seperti berikut:

| <i>Kawasan</i> | <i>Luas (hektar)</i> |
|----------------------|----------------------|
| Semenanjung Malaysia | 110,000 |
| Sabah | 320,000 |
| Sarawak | 170,000 |
| | <hr/> |
| Malaysia | 600,000 |
| | <hr/> |

Hutan-hutan simpanan Kayu Bakau ini diawasi melalui cara-cara seperti berikut:-

- (i) *Program pengurusan dan pemeliharaan kawasan hutan semulajadi*

Di bawah program ini tumpuan diberikan ke arah mengekalkan produktiviti hutan menerusi sistem tebangan memilih (iaitu memilih hanya pokok-pokok yang telah matang sahaja ditebang, dan meninggalkan bilangan pokok yang cukup untuk proses pertumbuhan semulajadi). Menjalankan rawatan hutan selepas tebangan dengan memastikan pokok-pokok pilihan boleh membesar dengan cepat dan tidak ternaung berlebihan dan menjalankan tanaman pengayaan terutama bagi kawasan yang tidak mempunyai cukup bekalan benih semula jadi. Bagi memelihara sumber hutan bakau untuk kegunaan tempatan, Semenanjung Malaysia tidak lagi membenarkan eksport kayu bakau keluar negeri sejak tahun 1985.

(ii) *Penyelidikan dan pembangunan*

Pihak Kerajaan akan terus mengawas dan meningkatkan khidmat penyelidikan, pembangunan dan pengurusan bagi menentukan bekalan sumber hutan (kayu bakau) terus terjamin dan berkembang di masa hadapan bagi memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— BILANGAN PELANCONG

21. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakah jumlah pelancong-pelancong yang dicatatkan telah melawat Malaysia sejak bulan Januari hingga bulan Mei selepas pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990; dalam tempoh tersebut, berapa pelancong-pelancong telah melawat Sabah dan Sarawak dan dalam jumlah tersebut pelancong-pelancong dari negara manakah yang paling ramai melawat Malaysia. Golongan apa yang mendapat manfaat dari industri pelancongan ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Jabatan Imigresen, jumlah pelawat asing yang melawat Semenanjung Malaysia sehingga bulan April, 1990 adalah seramai 5,548,094 orang (termasuk 4,363,130 pelawat yang masuk melalui Tambak Johor) jika dibandingkan dengan 3,472,347 orang pada tahun 1989. Mengikut anggaran Kementerian, bilangan pelancong adalah dikira berdasarkan kepada nisbah 36% pelawat Singapura dan 74% pelawat negara-negara lain adalah pelancong. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada perkiraan di atas, bilangan pelancong yang melawat Semenanjung Malaysia bagi tempoh empat bulan pertama tahun 1990 ialah lebih kurang 2.5 juta orang

berbanding 1.5 juta pelancong bagi tempoh yang sama pada tahun 1989, iaitu pertambahan sebanyak 67%.

Jumlah pelancong yang melawat Sarawak bagi tempoh empat bulan pertama 1990 pula adalah dianggarkan berjumlah 140,300 orang berbanding dengan 97,200 orang bagi tempoh yang sama pada tahun 1989 iaitu pertambahan sebanyak 44%. Bagi Negeri Sabah pula jumlah pelancong yang melawat negeri tersebut antara bulan Januari-Februari, 1990 ialah 9,538 iaitu pertambahan sebanyak 15% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1989 iaitu berjumlah 8,295 orang.

Bilangan pelancong mengikut negara asal paling ramai sekali melawat Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut::

| | |
|----------------------------|-----------|
| Singapura | 1,583,816 |
| Negeri Thai | 167,313 |
| Jepun | 165,442 |
| Taiwan | 69,575 |
| United Kingdom dan Ireland | 67,744 |
| Amerika Syarikat | 53,232 |

Dari segi kadar pertambahan berbanding dengan tahun 1989, kadar yang tinggi adalah dari Negara Jepun, Taiwan, Australia, United Kingdom, Jerman Barat, Amerika Syarikat dan Negara-negara Scandinavia.

Bilangan pelancong mengikut negara asal yang paling ramai melawat Negeri Sarawak ialah:-

| | |
|------------------------|--------|
| Brunei | 67,359 |
| Indonesia | 22,266 |
| Eropah Barat | 6,426 |
| United Kingdom/Ireland | 6,321 |
| Jepun | 2,184 |
| Australia/New Zealand | 2,733 |

Bilangan pelancong mengikut negara asal yang paling ramai melawat Negeri Sabah ialah:

| | |
|----------------|-------|
| Korea Selatan: | 1,302 |
| Jepun: | 1,252 |
| Singapura: | 1,006 |
| Hong Kong: | 923 |

Pihak-pihak yang mendapat manfaat secara langsung dari industri pelancongan ini ialah mereka yang menjalankan perniagaan dalam bidang pelancongan seperti syarikat pengembara, pengusaha-pengusaha hotel, chalet, tempat-tempat peranginan, kraftangan, pengangkutan pelancongan dan restoran/gerai makanan. Disamping itu dengan berkembangnya perniagaan-perniagaan tersebut diatas, akan memberi peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat tempatan.

PUSAT KESIHATAN/KLINIK DESA—PEMBINAAN

22. Tan Sri Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina banyak lagi pusat-pusat kesihatan dan kakitangan perubatan khususnya di luar-luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Kesihatan memang ada cadangan untuk membina pusat kesihatan dan klinik desa di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keenam. Cadangan ini telah disediakan dan menunggu kelulusan Kerajaan.

Kementerian Kesihatan juga sedang meningkatkan keupayaannya untuk melatih kakitangan yang sesuai bagi menampung keperluan tenaga manusia.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

23. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia menyatakan:

- (a) berapa banyak industri kecil yang sudah didirikan di seluruh negara?
- (b) apakah hasil yang telah diperolehi daripada industri tersebut?

22-6-90

29. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah perkembangan dan prestasi sektor industri kecil dan sederhana (SMI) dalam mempercepatkan proses pertumbuhan industri di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mewujudkan integrasi syarikat gergasi antarabangsa dengan sektor perusahaan, industri kecil dan sederhana (SMI) tempatan.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Labuan yang dijadualkan pada 22.6.1990 kerana semua soalan ini adalah berkaitan dengan perkembangan industri kecil dan sederhana.

Bilangan industri kecil dan sederhana adalah dianggarkan berjumlah 20,571 buah dan 17,083 buah darinya adalah industri kecil. Dari 17,083 ini pihak Kementerian telah mengenalpasti 13,992 buah industri kecil yang modal berbayar antara \$5,000 hingga \$5,000,000 pada tahun 1988/89.

Mengikut kajian Pelan Tindakan IKS, sektor ini menunjukkan prestasi yang baik dari segi nilai tambah yang mana telah meningkat dari 29% pada tahun 1987 kepada 32% di tahun 1990 dan dijangka akan terus meningkat kepada 35% pada tahun 1995. Dari segi peluang pekerjaan, sektor ini telah menyediakan 40% daripada peluang pekerjaan di sektor perkilangan pada tahun 1987 dan dijangka meningkat kepada 42% pada tahun 1990 dan seterusnya kepada paras 45% pada tahun 1995. Dari segi modal, jumlah pelaburan modal di sektor ini dijangka akan meningkat dari 38% di tahun 1987 kepada 40% pada tahun 1990 dan seterusnya dijangka meningkat kepada 42% pada tahun 1995.

Perkembangan yang pesat di sektor ini telah membawa kepada hasil-hasil yang positif, yang mana antara lain adalah:-

- (a) Sektor ini boleh dijadikan asas untuk dikembangkan sebagai industri yang lebih besar dan memberi 'industrial inputs' dan perkhidmatan kepada sektor industri besar.
- (b) Membantu dalam mewujudkan industri di luar bandar dan secara langsung telah dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dari segi sosio-ekonomi.
- (c) Perkembangan sektor industri ini juga telah dapat membantu meningkatkan keusahawanan di kalangan pengusaha-pengusaha melalui pengalaman dan latihan yang mana penting untuk perkembangan ekonomi negara selanjutnya.

Untuk mewujudkan integrasi diantara syarikat industri besar (asing ataupun tempatan) dengan syarikat industri kecil tempatan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (a) Menubuhkan Pusat 'Sub-contracting Exchange' di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- (b) Memberi Galakan Pengurangan Pendapatan Larasan sebanyak 5% bagi pembelian dari industri kecil.
- (c) Menjalankan R & D bagi meningkatkan mutu dan daya pengeluaran industri kecil dan sederhana.
- (d) Menempatkan industri kecil berhampiran dengan industri besar. Pada masa ini terdapat sebanyak 98 kawasan perindustrian industri kecil dan sederhana yang telah dimajukan,

dan kebanyakannya terletak berhampiran dengan industri besar.

FILEM DAN SARIKATA DI TV— GARISPANDUAN

24. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan garis—garis panduan yang sedia ada bagi penapisan filem-filem untuk tayangan di TV dan juga nyatakan garis-garis panduan untuk sarikata bagi program-program atau filem-filem bukan Melayu yang ditayangkan di TV.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Suka saya maklumkan di sini sebelum sesuatu filem tersebut ditayangkan melalui TV ianya akan ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem untuk menentukan kesesuaiannya bagi tontonan rakyat negara selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Pada masa ini Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem yang dihaskan untuk tugas tersebut ditempatkan di RTM. Penapisan rancangan-rancangan dibuat berdasarkan kepada garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga tersebut.

Mengenai sarikata filem-filem bukan Melayu pula sama ada bagi filem-filem cereka, mini siri, rencana mahupun dokumentari ianya dibuat berpandu kepada skrip bagi filem-filem yang mempunyai skrip. Bagi filem-filem yang tidak mempunyai skrip ianya dibuat melalui 2 cara, pertama suara daripada filem-filem tersebut dirakamkan ke pita audio dan penterjemah mendengar rakaman tersebut sambil membuat terjemahan atau kedua ianya dibuat secara transkripsi iaitu penterjemah menonton filem-filem tersebut sambil menterjemahkannya. Penterjemahan ini dibuat secara ringkas berdasarkan kepada dialog-dialog yang disiarkan dan bukan diterjemah perkataan demi perkataan supaya para penonton dapat mengikuti jalan cerita. Terjemahan ini akan disemak terlebih dahulu sebelum disiarkan melalui TV.

CUKAI PENDAPATAN PERSENDIRIAN DAN SYARIKAT

25. Dr. Nicholas Munong anak Ibau minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah cukai persendirian dan cukai syarikat-syarikat tahunan yang telah dikutip oleh Jabatan Cukai di negara ini dalam tempoh tahun 1986, 1987, 1988 sejak ianya melancarkan gerakan mengutip cukai tahunan yang bermula beberapa tahun yang lalu;
- (b) dari jumlah cukai yang dikutip itu adakah ianya jauh lebih bertambah jika dibanding dengan tahun-tahun sebelumnya;
- (c) untuk menjalankan tugas mengutip cukai dari perseorangan atau syarikat adakah ianya benar kakitangan Jabatan Cukai membawa senjata perlindungan diri dan sebutkan senjata yang mereka pernah bawa.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai pendapatan persendirian dan cukai pendapatan Syarikat yang telah dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

| Tahun | Cukai Pendapatan Persendirian | Cukai Pendapatan* Syarikat |
|-------|-------------------------------------|----------------------------------|
| 1986 | \$1,796.5 juta | \$3,464.4 juta |
| 1987 | \$1,812.7 juta | \$2,796.5 juta |
| 1988 | \$1,802.2 juta | \$3,166.3 juta |

*tidak termasuk Cukai Pendapatan petroleum

- (b) Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah cukai pendapatan yang dipungut

setiap tahun adalah tertakluk kepada keadaan ekonomi, sistem pentadbiran cukai yang bertambah baik dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Diantara fakta-fakta ini, keadaan ekonomi merupakan fakta utama yang menyebabkan kutipan cukai bertambah atau berkurang dari satu tahun ke tahun yang lain.

- (c) Di dalam menjalankan tugas biasa, pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak membawa apa-apa senjata. Pegawai-pegawai kanan di Jabatan berkenaan hanya akan membawa senjata apabila kes yang disiasat itu disyaki akan membahayakan nyawa.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— PERUNTUKAN

26. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakan perbelanjaan Kerajaan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha kempen Tahun Melawat Malaysia 1990. Secara anggaran berapa lamakah dapat Kerajaan mendapat balik jumlah wang yang telah dibelanjakan berdasarkan pendapatan negara setiap pelancong untuk setiap hari mereka berada di Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Peruntukan yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi program Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah berjumlah \$92 juta bagi jangkamasa 3 tahun (1989, 1990 dan 1991).

Mengikut maklumat yang didapati daripada Jabatan Imigresen, jumlah kemasukan pelancong asing ke Malaysia bagi jangkamasa 4 bulan pertama tahun ini dianggarkan berjumlah 2.6 juta orang iaitu pertambahan sebanyak 66% berbanding dengan tahun 1989 bagi jangkamasa yang sama.

Dengan anggaran bahawa purata setiap pelancong akan berbelanja sebanyak \$585.00 jumlah hasil dari segi pertukaran wang asing yang didapati dianggarkan berjumlah \$1.5 billion.

PROTON SAGA—PENGELUARAN DAN KEUNTUNGAN

27. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kereta Proton Saga yang mampu dikeluarkan dalam sehari oleh Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON). Adakah beliau sedar bahawa ramai pembeli di Sabah terpaksa menunggu sehingga 4 bulan untuk mendapatkan kereta mereka. Sudahkan syarikat berkenaan mencatat keuntungan ataupun masih lagi mengalami kerugian.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Pada masa ini PROTON mengeluarkan sebanyak 330 unit kereta Proton Saga sehari atau 20.7 unit sejam. Kapisiti kilang PROTON adalah 80,000 unit setahun berdasarkan 2 syif kerja.

Berhubung dengan jangkamasa tempahan kereta Proton Saga, pada amnya masa menunggu untuk mendapatkan Proton Saga di Sabah adalah tidak melebihi dua bulan bergantung kepada tempat tempahan dibuat, model kereta dan warna yang dipilih.

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON telah mula mencatat keuntungan kira-kira \$32 juta dalam tahun kewangan 1989/90 PROTON dijangka akan mendapat keuntungan yang lebih besar.

AKHBAR "THE OBSERVER"—TINDAKAN MAHKAMAH

28. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau selaku Presiden Parti UMNO mahupun selaku Perdana Menteri akan membawa tindakan mahkamah ke atas akhbar 'The Observer' di England kerana mengeluarkan satu rencana khas dalam akhbarnya keluaran 7 Mei 1989 di mana

satu tuduhan bahawa parti Perdana Menteri, iaitu UMNO Baru, akan menerima wang komisyen atau 'kickback' berjumlah lebih \$300 juta daripada pembelian senjata 'TORNADO' dari United Kingdom, jika tidak, mengapa memandangkan apa yang ditulis itu membawa kesan yang buruk ke atas nama Perdana Menteri dan juga partinya sekiranya UMNO Baru tidak dijadual akan menerima komisyen atau 'kickback' itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu adalah suatu yang mustahil dan tidak timbul sama sekali kerana cadangan pembelian TORNADO telahpun dibatalkan oleh Kerajaan.

GURU MENGIDAP SAKIT JIWA

29. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru yang dihantar untuk rawatan sakit jiwa dalam tempoh tiga tahun yang lepas. Nyatakan bilangan yang dapat dirawat serta bilangan yang bersara dari perkhidmatan demi kepentingan orang ramai.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru yang dilaporkan menghadapi masalah sakit jiwa ialah seramai 164 orang dan guru yang bersara dalam tempoh 3 tahun atas sebab-sebab sakit jiwa ialah seramai 38 orang (1987-1989). Guru-guru yang menghidap penyakit sakit jiwa ini mendapat rawatan sakit jiwa secara persendirian sama seperti sakit-sakit biasa.

URUSNIAGA WANG ASING

30. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan institusi-institusi kewangan yang baru-

- baru ini terpilih untuk mengurusniaga dalam pertukaran asing. Dengan 'perlantikan' terbaru ini, apakah jumlah institusi kewangan yang mengurusniagakan pertukaran asing di dalam negara;
- (b) apakah faktor-faktor yang biasanya mendorong Kerajaan sama ada menambah atau mengurangkan bilangan institusi kewangan yang dibenarkan mengurusniaga dalam pertukaran asing. Apakah pula faktor-faktor utama bagi 'perlantikan' baru-baru ini;
- (c) apakah bentuk kajian semula yang dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas institusi-institusi ini bagi menentukan sama ada ianya harus terus diberi kebenaran mengurusniaga pertukaran asing atau tidak. Pernahkah dalam sejarah kewangan negara kebenaran ditarik balik daripada sesebuah institusi kewangan. Jika ada, apakah butir-butir mengenai kejadian berkenaan; dan
- (d) bagaimana pula dengan pilihan institusi kewangan bagi memperdagangkan bil-bil Perbendaharaan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) sebenarnya tidak ada institusi-institusi kewangan yang baru diberi kebenaran untuk mengadakan perkhidmatan urusanniaga wang asing kepada orang awam. Apa yang telah diluluskan kepada sebuah institusi kewangan baru-baru ini, adalah merupakan kelulusan untuk menjalankan urusanniaga wang asing secara terhad sahaja. Kelulusan ini hanya membenarkan bank berkenaan iaitu Bank Industri Malaysia Berhad untuk menjalankan

urusan jual beli wang asing untuk keperluan sendiri sahaja dan bukan untuk menyediakan perkhidmatan urusanniaga wang asing kepada orang awam. Dengan demikian, bilangan peniaga wang asing yang ada sekarang ini masih kekal kepada 38 buah bank perdagangan dan Bank Islam.

- (b) Buat masa ini Kerajaan berpendapat bahawa semua bank perdagangan termasuk Bank Islam adalah sesuai dan layak menjadi peniaga-peniaga wang asing di negara ini. Mereka dirasakan berkemampuan dan berkeupayaan untuk menampung keperluan orang awam ke atas wang asing. Dengan demikian, soal untuk menambah dan mengurangkan bilangan peniaga wang asing adalah tidak berbangkit. Mengenai Bank Industri Malaysia Berhad, kelulusan terhad untuk menjalankan urusanniaga wang asing yang diberikan baru-baru ini adalah memandangkan bahawa bank itu terlibat secara langsung dengan pelaksanaan skim-skim yang berkaitan dengan eksport dan import termasuk Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport dan Skim Pembiayaan Perdagangan Import.
- (c) Peranan sebagai peniaga wang asing adalah sesuai dengan aktiviti bank-bank perdagangan dan Bank Islam. Mereka telah menunjukkan keupayaan dan kemampuan yang baik untuk menampung kehendak orang ramai ke atas wang asing. Dengan demikian, kajian semula bagi menentukan sama ada mereka harus terus diberikan kebenaran untuk mengurusniaga wang asing adalah tidak berbangkit.
- (d) Mengenai urusanniaga bil-bil Perbendaharaan pemilihan

institusi-institusi kewangan sebagai peniaga-peniaga utama adalah dibuat berasaskan kepada prestasi dan kekukuhan kedudukan kewangan mereka. Ini adalah untuk menggalakkan pasaran yang aktif dalam bil-bil perbendaharaan keranapeniaga-peniaga utama adalah terlibat dalam penentuan sebut harga dua hala dalam pasaran bil-bil perbendaharaan dan juga menjamin keluaran bil-bil perbendaharaan dalam tender mingguan.

PERLEMBAGAAN - PERSEKUTUAN

31. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan tentang kekerapan Perlembagaan Negara dipinda:-

- (a) berapa kalikah pindaan di buat sejak beliau mengambil alih pentadbiran negara;
- (b) jika dibandingkan dengan Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelum ini adakah pindaan-pindaan itu seimbang, keterlaluan atau tidak sebanyak mana yang berlaku di bawah tiap-tiap Perdana Menteri;
- (c) apakah yang mendorongkan pindaan-pindaan itu terlalu acap; dan
- (d) bersetujukah Perdana Menteri bahawa acapnya pindaan dibuat telah menjadikan perundangan utama negara itu ibarat secebis kertas usang.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sejak bukan Julai tahun 1981, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda sebanyak enam kali. Kesemua pindaan-pindaan itu telah dibuat selepas keperluan-nya dikaji dengan teliti dan mendalam. Soal utama dalam perkara ini bukanlah sama ada pindaan-pindaan

kepada Perlembagaan itu ialah terlalu acap, tetapi sama ada dalam perkembangan negara demi keadaan yang berubah, pindaan itu adalah perlu untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

KONTRAK BEKALAN AYAM KE SEKOLAH BERASRAMA

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa kontrak membekalkan ayam kepada semua sekolah-sekolah asrama di negeri Sarawak telah diberi kepada sebuah syarikat yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia TANPA TENDER TERBUKA, apakah syarat-syarat telah dikenakan untuk kontrak untuk bekalan dan anggaran harga kontrak tersebut bagi setiap tahun. Adakah pihak Kerajaan merumuskan dasar tertentu untuk memastikan supaya kontraktor-kontraktor berasal dari Negeri Sarawak dapat keupayaan untuk projek-projek yang dijalankan di Negeri Sarawak bagi semua Jabatan-jabatan Persekutuan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sukacita saya menyatakan di sini bahawa makluman di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Sebenarnya, kontrak membekal ayam ke sekolah-sekolah berasrama di Negeri Sarawak telah diberikan kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Pejabat Kewangan Persekutuan Sarawak. Peraturan dan Syarat ini telahpun dikuatkuasakan sejak beberapa tahun lepas. Kontrak-kontrak seperti ini adalah diberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor di Sarawak. Berhubung dengan pemberian kontrak, ingin juga dijelaskan di sini bahawa pada dasarnya sesuatu kontrak Persekutuan itu boleh ditandingi oleh manamana kontraktor di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam negeri-negeri tertentu, khususnya bagi kontrak kecil seperti pembekalan makanan dan sebagainya, keutamaan diberi kepada

penender-penender tempatan. Ini adalah untuk menggalakkan penubuhan pengusaha-pengusaha daripada kawasan-kawasan di mana tender dilaksanakan. Polisi seperti ini telah juga diamalkan oleh Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu.

Syarat-syarat yang telah dikenakan untuk kontrak bekalan ayam adalah seperti berikut:-

- (i) Bekalan hendaklah dikeluarkan dari ladang ternakan sendiri. Syarikat berkenaan diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk memulakan pengeluaran. Jika syarikat gagal berbuat demikian, maka kelulusan ini adalah terbatal.
- (ii) Syarikat hendaklah melantik agensi/anak payung dikalangan Syarikat Bumiputera.
- (iii) Syarikat/agen dilarang mengalibabakan kontrak tersebut.

Anggaran kontrak setahun ialah \$4.6 juta.

LOTERI PERKHIDMATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT— PEMBERHENTIAN OPERASI

33. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menerangkan kebijaksanaan tindakan Kerajaan menamatkan perkhidmatan Loteri Kebajikan Masyarakat dan dengannya juga Kerajaan kehilangan \$150 juta sumber kewangan untuk usaha-usaha kebajikan dan sukan. Terangkan juga kebijaksanaan Kerajaan membenarkan syarikat-syarikat Loteri yang lain pada masa yang sama meneruskan operasinya.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Mustaffa bin Mohammad): Sebagaimana diterangkan dalam kenyataan akhbar pada 4hb April, 1990,

tujuan Kerajaan memberhentikan operasi Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti perjudian. Ini adalah juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian. Pada masa ini Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan adalah satu-satunya kegiatan perjudian yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung. Dengan pemberhentian operasi loteri tersebut Kerajaan tidak lagi terlibat secara langsung dalam menganjurkan loteri. Dengan pemberhentian loteri ini Kerajaan akan kehilangan hasil kira-kira \$50 juta setahun dan bukannya \$150 juta sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan masih membenarkan operasi syarikat-syarikat loteri yang lain kerana Kerajaan tidak terlibat secara langsung dalam menganjurkan loteri-loteri tersebut. Sebagai sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa dan agama, adalah tidak sesuai bagi pihak Kerajaan untuk memberhentikan semua operasi perjudian. Tambahan pula, jika semua jenis perjudian tidak dibenarkan maka ianya akan menggalakkan perkembangan judi bawah tanah (illegal gambling). Ini akan menimbulkan beberapa masalah keselamatan kelak.

PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT—PEBIAYAAN

34. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai penuntut-penuntut Malaysia yang dibiayai oleh Kerajaan masih berada di seberang laut dan berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam satu tahun bagi mereka. Dari jumlah itu berapa ramai yang kembali ke tanahair dan berkhidmat dengan Kerajaan. Apa yang berlaku kepada selebihnya.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Bilangan penuntut-penuntut tajaan Kementerian Pendidikan yang masih berada di seberang laut seperti pada Mei, 1990 adalah seramai 665 orang;
- (ii) Jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan untuk membiayai pelajar-pelajar ini pada tahun 1989 adalah sebanyak \$16.64 juta.
- (iii) Pelajar-pelajar ini akan kembali ke tanahair berperingkat-peringkat apabila mereka menamatkan pengajian. Kesemua mereka yang kembali akan diambil untuk berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan.

LEPAI—PENYELARASAN KURIKULUM

35. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan langkah dan usaha yang telah dicapai oleh LEPAI bagi menyelaraskan kurikulum dan pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh Malaysia;
- (b) bagaimanakah sambutan yang telah diberi oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri di Malaysia; dan
- (c) adakah mana-mana negeri telah melaksanakan keputusan yang telah dibuat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Pihak LEPAI sentiasa berusaha untuk menyelaraskan kurikulum dan

pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara. Sehingga kini, satu bentuk kurikulum telahpun dibentangkan dalam bengkel yang dihadiri oleh wakil negeri-negeri. Perbincangan di antara negeri-negeri akan diadakan dari semasa ke semasa.

Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri telah memberi sambutan yang menggalakkan dalam usaha ke arah penyelarasan ini.

Pada masa ini, belum ada lagi mana-mana negeri yang melaksanakan kurikulum yang diselaraskan oleh LEPAI.

LOTERI ASING—MENCEGAH KEMASUKAN

36. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kemasukan loteri-loteri asing Australia, Loteri 6/49 dari Canada dan Suddentbohe Klassen Lotteries dari German Barat ke dalam negara ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Menurut siasatan Kementerian Kewangan loteri-loteri asing telah di bawa masuk ke negara ini melalui dua cara, pertama, yang melalui terbitan luar negeri yang dipasarkan di Malaysia; dan kedua, melalui 'mailing services' yang berpusat di Malaysia. Kerajaan akan mengetatkan lagi kawalan ke atas penerbitan-penerbitan yang mengandungi promosi terhadap loteri-loteri asing di Malaysia. Di samping itu Kerajaan akan menjalankan siasatan yang rapi untuk mengesan syarikat 'mailing services' yang terlibat membantu promosi loteri-loteri asing untuk diambil tindakan mengikut undang-undang.

(Soalan No. 37—Sila Lihat Jawapan No. 1)

INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR

38. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa peratuskah kemudahan asas telah tercapai bagi penduduk luar bandar; dan
- (b) adakah peranan Kemas bersungguh untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk luar bandar dan apakah langkah yang lebih berkesan ke arah itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

- (a) Pencapaian pelaksanaan bagi program infrastruktur luar bandar seluruh negara sejak ianya mula dilaksanakan sehingga tahun 1989 adalah seperti berikut:
 - (i) bekalan air luar bandar 63%
 - (ii) bekalan elektrik luar bandar 81%
 - (iii) jalan luar bandar 65%
 - (iv) menaikkan taraf jalan kampung 38.4%

Pihak Kementerian sedang mempergiatkan usaha bagi melaksanakan program-program berkenaan agar penduduk luar bandar di negara ini dapat menikmati kemudahan asas sepenuhnya.

- (b) Kemas akan terus berusaha sedaya upaya untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk luar bandar menerusi aktiviti pendidikan dan kemahiran. Program seperti ini telah diperluaskan dari semasa ke semasa merangkumi penerapan budaya niaga selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan ekonomi tempatan dan

negara. Usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi akan terus dipertingkatkan. Pada masa ini pengusaha kecil yang telah terlibat dengan projek penambahan pendapatan telah digalakkan untuk berdikari.

Disamping itu, langkah yang lebih berkesan ke arah peningkatan taraf ekonomi penduduk luar bandar ialah proses pendidikan seumur hidup. Pendidikan non-formal dan pendidikan informal boleh menjadi 'instrument' yang cukup berkesan kepada penduduk luar bandar yang sudah terkeluar dari bangku sekolah. Kurikulum pendidikan sosio-ekonomi yang digembelingkan dengan kemahiran ekonomi pertanian dan industri boleh menolong penduduk luar bandar keluar dari cengkaman kemiskinan.

Pada masa sekarang pihak Kemas sedang merancang projek dan aktiviti seperti ini dalam usaha membantu Kerajaan untuk membangun sumber manusia di negara ini.

TADIKA—PERUNTUKAN KERAJAAN

39. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan tambahan yang akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengadakan kelas-kelas Tadika dalam sekolah-sekolah luar bandar kita. Jika sekolah-sekolah Tadika diadakan dalam semua sekolah di negara kita berapakah jumlah peruntukan yang harus ditambah Kementerian. Untuk mengurangkan beban Kerajaan adakah cadangan untuk mengutip sedikit sebanyak peruntukan dari ibu-bapa untuk mengadakan kelas-kelas Tadika tersebut;

- (b) berapakah jumlah peruntukan yang harus dibelanja oleh Kementerian jika umur permulaan persekolahan oleh anak-anak kita diturunkan kepada umur 5+ ataupun 4+. Adakah Menteri sedar banyak negara-negara lain memulakan persekolahan pada umur 5+ dan oleh yang demikian, apakah sebabnya negara kita tidak menggunakan umur kurang ini; dan
- (c) apakah kelebihanannya untuk mengadakan sistem pelajaran Tadika yang akan dilaksanakan dalam semua sekolah kita jika dibandingkan dengan permulaan persekolahan oleh murid-murid pada umur 5+ iaitu satu cara yang lebih baik untuk meningkatkan intellectual level bagi semua anak-anak kita.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang adanya beberapa negara yang telah mengamalkan umur kemasukan sekolah yang lebih rendah daripada yang diamalkan sekarang (6 tahun+), tetapi buat masa ini dasar untuk menurunkan umur permulaan persekolahan di negara ini dari 6+ ke 5+ belum diputuskan dan masih di peringkat perbincangan oleh Jawatankuasa Kabinet.

Untuk makluman Yang Berhormat, menjelang tahun 1991 bilangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 5+ adalah seramai 490,800 orang dan sekiranya dilaksanakan umur permulaan persekolahan ini sekali gus akan memerlukan pertambahan kira-kira 14,000 bilik darjah atau 779 buah sekolah pada tahun pertama persekolahan di sekolah rendah. Pembangunan fizikal ini akan melibatkan anggaran kos hampir 1 billion ringgit tidak termasuk kos pengurusan seperti perkhidmatan dan latihan guru, buku teks dan lain-lain khidmat sokongan.

Sebenarnya Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengadakan kemudahan prasekolah bagi kanak-kanak berumur 5 tahun lebih di tempat-tempat yang tidak ada kemudahan seumpamanya. Keutamaan akan diberikan kepada kawasan luar bandar dan kawasan sesak di bandar. Ini adalah untuk memberi semua kanak-kanak, terutama yang miskin di bandar dan luar bandar menikmati peluang pembelajaran yang sama. Dalam masa yang sama juga, Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan badan-badan atau agensi-agensi lain yang mengadakan pusat-pusat prasekolah untuk menyelaraskan hal-hal yang berkaitan supaya program prasekolah ini dapat diadakan dengan jayanya.

AIDS DI KALANGAN PENAGIH DADAH

40. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh kerana terdapat lebih kurang 110 orang penagih dadah disahkan mengidapi penyakit AIDS, sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk mengasingkan pengidap-pengidap tersebut. Jika tidak, mengapa dan jika ia, sama ada kawasan yang sesuai telah diperolehi untuk mendirikan sebuah Pusat kuarantin untuk mangsa-mangsa tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Yang Berhormat, 110 orang penagih yang telah dikesan itu adalah pembawa kuman AIDS (Carrier) dan bukan pengidap penyakit AIDS.

Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengasingkan mereka dan tindakan susulan untuk mewujudkan sebuah Pusat Khas sedang diuruskan.

HOSPITAL DESA DI BUKIT SERAMPANG, MUAR

41. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian akan membina sebuah

Hospital Desa di kawasan Durian Condong/Bukit Serampang Muar sebagaimana yang telah dipersetujui dan dirancang dalam RMS.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Kesihatan sedang dalam proses pengambilan tanah bagi pembinaan satu pusat kesihatan di Bukit Serampang, Muar. Setelah tanah ini diperolehi Kementerian akan memohon peruntukan untuk pembinaan pusat kesihatan tersebut.

PKM—PERJANJIAN DAMAI

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Parti Komunis Malaya (PKM) yang dibenarkan pulang ke Malaysia ekoran Perjanjian Damai yang dimeteraikan oleh Kerajaan Malaysia dengan PKM di Haadyai pada bulan Disember lalu, dan sama ada lain-lain perjanjian dan persediaan dibuat untuk membenarkan baki pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PKM yang lain untuk pulang ke Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini kita masih belum menerima sebarang permohonan dari mana-mana bekas pemimpin dan ahli-ahli Parti Komunis Malaya (PKM) yang ingin memohon untuk kembali ke negara ini. Dengan demikian kita tidak dapat memastikan bilangan mereka seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang telah dimaklumkan dalam sidang lalu Dewan ini, semua permohonan-permohonan sedemikian adalah tertakluk kepada saluran undang-undang dan peraturan negara dan proses tapisan dari segi keperluan keselamatan.

KEMPEN 'ANTI CIGARETTE SMUGGLING' DI SABAH

43. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kesan segera mengenai

kempen 'Anti Cigarette Smuggling' yang telah dijalankan baru-baru ini di Sabah terutamanya di Tawau.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah sukar untuk menyatakan kesan segera mengenai kempen 'Anti Cigarette Smuggling' yang telah dijalankan baru-baru ini di Sabah terutamanya di Tawau. Walau bagaimanapun mengikut kenyataan Gabungan Pengilang-Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM) penjualan rokok-rokok keluaran mereka telah meningkat sejak kempen itu dilancarkan pada 20-24 Mac 1990. Begitu juga penjualan rokok-rokok seludup di tempat-tempat awam telah berkurangan.

KEMALANGAN JALANRAYA DI MUSIM PERAYAAN

44. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) jumlah kemalangan jalan raya yang telah berlaku semenjak musim perayaan Hari Raya baru-baru ini mengikut pecahan negeri;
- (b) adakah Kerajaan pernah menjalankan kajian mengenai sebab-sebab kenapa kecenderungan berlakunya kemalangan jalan raya ketika di musim perayaan; dan
- (c) setakat manakah segala langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk mencegah kemalangan jalan raya itu benar-benar berkesan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):

- (a) Tempoh yang diambilkira sebagai musim perayaan Hari Raya bagi tahun 1990 adalah di antara 19.4.1990 hingga 3.6.1990.

Jumlah kemalangan yang telah berlaku bagi tempoh tersebut adalah 4,881. Jumlah kematian

adalah 195 sedangkan 57 orang telah cedera parah dan 1,114 orang telah cedera ringan.

- (b) Daripada kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan punca pertama berlakunya kemalangan semasa musim perayaan adalah seperti berikut:
- (i) Jumlah kenderaan di atas jalan raya bertambah sehingga semua jalan-jalan dan lebuh raya sesak.
 - (ii) Dengan bertambahnya kenderaan begitu banyak di jalan raya, pemandunya tidak sabar dan hanya ingat untuk tiba di destinasi sahaja dengan tidak menghiraukan keselamatan.
- (c) Sungguhpun kadar kemalangan, kematian dan kecederaan telah meningkat pada tahun 1989 berbanding dengan angka pada tahun 1988, akan tetapi ini tidak semestinya merupakan langkah-langkah yang telah diambil tidak berkesan. Majlis Keselamatan Jalan Raya berhasrat untuk menjalankan lebih banyak lagi penyelidikan pada masa depan untuk mengenalpasti apa-apa faktor lain selain daripada faktor-faktor yang telah diketahui agar langkah-langkah (countermeasures) yang lebih sesuai dapat dilaksanakan.

BAHASA MANDARIN DAN TAMIL SEBAGAI BAHASA PENGANTAR

45. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kedudukan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di SRJK(C) dan SRJK(T) masing-masing boleh dianggap melanggar dasar

pendidikan Kerajaan Barisan Nasional. Jika tidak, nyatakan:

- (a) kenapa jawapan 'tidak' kepada soalan tersebut yang diberikan oleh guru-guru yang menghadiri suatu temuduga bagi mengesahkan jawatan guru-guru C1 dan D1 yang diadakan di Kolej Perguruan Sri Pahang pada bulan Mac lalu dianggapkan salah oleh pegawai temuduga dari Kementerian Pendidikan;
- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan supaya guru-guru yang menghadiri temuduga tersebut yang memberi jawapan 'tidak', tidak akan terjejas peluang mengesahkan jawatan mereka oleh Kementerian; dan
- (c) senaraikan pegawai-pegawai yang mengendalikan temuduga tersebut dengan memberi nama dan pangkat jawatan mereka.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya temuduga yang diadakan pada bulan Mac 1990 di Maktab Perguruan Sri Pahang, Pulau Pinang dijalankan bukan untuk tujuan Pengesahan Dalam Jawatan guru-guru tertentu, tetapi tujuannya ialah untuk memilih calon-calon yang layak dilantik ke dalam Perkhidmatan Pendidikan mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditentukan dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengesahan dalam jawatan merupakan proses peringkat kedua dalam urusan perkhidmatan kakitangan awam. Urusan untuk pengesahan dalam jawatan bagi guru-guru tidak memerlukan mereka menjalani ujian temuduga. Menurut skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diamalkan sekarang seorang guru itu setelah

dilantik boleh disahkan dalam jawatannya setelah ianya:

- (i) menjalani tempoh percubaan selama satu hingga tiga tahun, dari tarikh ianya mula dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mengikut perkara 144 (1) Perlembagaan;
- (ii) telah lulus peperiksaan yang disyaratkan;
- (iii) telah berkhidmat dengan memuaskan; dan
- (iv) diperakukan oleh Ketua Jabatannya.

Oleh yang demikian tidak ada temuduga untuk mengesahkan dalam jawatan, mengikut sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan, pada bulan Mac 1990 di Maktab Perguruan Sri Pahang.

NILAI RINGGIT MALAYSIA— KEJATUHAN

46. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab utama nilai Ringgit jatuh berbanding dengan matawang Singapura. Apakah langkah-langkah diambil untuk meneguhkan nilai matawang Malaysia.

18-6-90

19. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa nilai Ringgit Malaysia masih merosot berbanding dengan nilai wang Singapura walaupun Kerajaan telah mendakwa bahawa pelaburan-pelaburan asing berjumlah berbilion-bilion ringgit telah dilaburkan di negara ini dalam setahun kebelakangan ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Di dalam persidangan Dewan Rakyat ini, saya menerima beberapa soalan berkenaan nilai ringgit

berbanding dengan nilai matawang Singapura. Sebenarnya soalan-soalan ini telahpun dibangkitkan sebelum ini dan jawapan telah diberi dalam sidang Parlimen yang lepas. Oleh kerana tidak ada apa-apa perkembangan yang baru, saya tidak ada apa-apa hendak menambah kepada jawapan-jawapan yang diberikan sebelum ini.

PEMISAHAN BSKL DENGAN BSS

47. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan prestasi KLSE setelah dipisahkan dengan KLSE Singapura.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Pada 1hb Januari, 1990, 53 buah syarikat Singapura telah menarik diri daripada senarai Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan penarikan balik kesemua 182 buah syarikat Malaysia yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura (BSS). Berikutan daripada pemisahan ini, syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL berjumlah 254 pada 1hb Januari, 1990 berbanding dengan 307 buah syarikat pada hujung tahun 1989. Modal pasaran (market Capitalisation) juga telah jatuh sebanyak \$46.1 ribu juta kepada \$110 ribu juta pada 2hb Januari, 1990. Walau bagaimanapun, indeks komposit BSKL telah meningkat kepada 571.88 mata pada 2hb Januari, 1990 atau 1.7% lebih tinggi daripada paras pada akhir tahun 1989, iaitu 562 mata.

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1990 selepas pemisahan dengan BSS, jumlah urusan saham yang telah dicatat oleh BSKL adalah 6.3 ribu juta unit bernilai \$13.2 ribu juta. Sekiranya dibandingkan dengan tempoh masa yang sama pada tahun 1989, iaitu sebelum pemisahan dengan BSS di mana urusan saham berjumlah 2.3 ribu juta unit bernilai \$4.2 ribu juta, nyata bahawa urusan dalam tahun 1990 adalah lebih baik, dengan peningkatan jumlah urusan sebanyak 174% dan nilai urusan sebanyak 214%.

Pada akhir bulan Mei 1990, jumlah syarikat yang disenaraikan di BSKL telahpun meningkat kepada 262 buah syarikat, akibat penyenaian baru lapan (8) buah syarikat. Tambahan, modal pasaran berjumlah \$123.8 ribu juta yang mencerminkan peningkatan \$13.8 ribu juta ataupun 12.5% berbanding dengan modal pasaran pada 2hb Januari, 1990, iaitu selepas pemisahan dengan BSS. Indeks komposit BSKL juga telah naik kepada 586.50 mata pada 5hb Jun, 1990.

Pada kesimpulannya, berdasarkan pada penyenaian baru di BSKL, modal pasaran, indeks komposit BSKL dan jumlah urusniaga saham selepas pemisahan BSKL dengan BSS, prestasi BSKL adalah sungguh membanggakan.

IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA

48. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Imbangan Bayaran negara setakat Jun tahun ini;
- (b) sama ada benar atau tidak Imbangan Bayaran tersebut tidak menguntungkan Kerajaan (unfavourable) jika Imbangan Bayaran Tak Ketara diambil kira; dan
- (c) usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki Imbangan Bayaran Tak Ketara ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Sehingga kini kedudukan rasmi mengenai imbangan pembayaran negara yang paling kemaskini ialah sehingga akhir tahun 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran negara pada akhir tahun 1989 adalah sungguh menggalakkan dengan mencatat lebih banyak \$3.3 bilion berbanding dengan

kurangan sebanyak \$1.1 bilion tahun 1988. Ini terutamanya disebabkan oleh kedudukan akaun modal yang bertambah baik hasil daripada kemasukan pesat pelabur-pelabur asing. Kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran telah mengambil kira kedudukan kedua-dua akaun semasa dan akaun modal.

Pada tahun 1989 akaun semasa imbangan pembayaran telah mencatat kurang sebanyak \$0.4 bilion berbanding dengan lebih sebanyak \$4.9 bilion pada tahun 1988. Ini adalah hasil dari kurangan lebih akaun dagangan dan pertumbuhan dalam defisit akaun perkhidmatan ataupun perdagangan tak ketara. Penurunan dalam lebih akaun dagangan adalah disebabkan oleh pertumbuhan pesat import barang-barang modal dan perantaraan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan berbanding dengan pertumbuhan pendapatan eksport negara.

- (b) Memang benar kedudukan akaun perkhidmatan negara adalah tidak begitu menggalakkan. Keadaan ini merupakan perkara asas yang berlaku kepada sesebuah ekonomi terbuka disebabkan aliran masuk dan keluar barang-barang dan perkhidmatan yang begitu mudah. Dalam tahun 1989, negara terus mencatat aliran keluar bersih akaun perkhidmatan sebanyak \$10.8 bilion berbanding dengan \$10 bilion pada tahun 1988. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh bayaran perkhidmatan kapal dan insuran, bayaran keluar keuntungan dan dividen oleh pelabur-pelabur asing yang beroperasi di Malaysia dan juga bayaran perjalanan luar negeri

Malaysia. Antara faktor-faktor tersebut, pendapatan pelaburan bersih yang meliputi bayaran faedah pinjaman dan bayaran keluar keuntungan serta dividen adalah merangkumi hampir sebanyak 45 peratus daripada kurangan dalam akaun perkhidmatan. Bayaran keluar keuntungan dan dividen yang banyak adalah kesan biasa daripada dasar pengawalan pertukaran wang asing yang longgar dan usaha-usaha menggalakkan aliran masuk pelaburan asing. Di samping itu, bayaran tambang dan insuran yang merangkumi sebanyak 26 peratus daripada kurangan akaun perkhidmatan dalam tahun 1989 adalah merupakan faktor kedua terbesar yang menyebabkan kurangan akaun perkhidmatan. Peningkatan bayaran tambang dan insuran adalah selari dengan pertambahan jumlah urusan perdagangan.

(c) Kerajaan memang menyedari masalah kurangan yang besar dalam akaun perkhidmatan. Kita telah mengkaji dengan begitu teliti dan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan masalah kurangan dalam akaun perkhidmatan. Jika sekiranya Kerajaan tidak melaksanakan langkah-langkah tersebut, masalah defisit akaun perkhidmatan akan menjadi lebih besar lagi. Sehingga kini Kerajaan telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah berikut bagi memperbaiki kedudukan akaun perkhidmatan atau perdagangan tak ketara:

(i) menggalakkan perkembangan industri pelancongan dalam negeri dengan menyediakan berbagai-bagai insentif percukaian;

(ii) menggalakkan penggunaan perkhidmatan perkapalan dan insuran tempatan di kalangan pengeksport dan pengimport;

(iii) menambahkan peluang-peluang pendidikan dalam negeri dengan memperkenalkan konsep 'universiti-kembar' (twin-university); dan

(iv) mengurangkan jumlah hutang negara melalui pembayaran awal hutang luar negeri dan mengurangkan jumlah pinjaman luar negeri.

PENDATANG HARAM INDONESIA DAN FILIPINA

49. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia dan Filipina di Malaysia dan berikan pecahan dari segi negeri;
- (b) bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia dan Filipina yang telah didaftarkan oleh Petugas Khas Majlis Keselamatan Negara;
- (c) mengapakah gerakan sedemikian tidak dilakukan untuk pendatang-pendatang haram di Semenanjung Malaysia; dan
- (d) sama ada benar bahawa 60,000 pendatang haram di Sabah telah diberikan kad pengenalan berwarna biru seperti yang didakwa oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Pada masa ini bilangan pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina di Sabah tidak dapat ditentukan dengan tepat, kerana tidak ada kajian yang menyeluruh dibuat di

masa lalu. Walau bagaimanapun, tindakan bancian dan pendaftaran sedang berjalan sekarang.

- (b) Setakat ini Pasukan Petugas Khas telah mendaftar seramai 14,800 pendatang asing daripada Indonesia dan Filipina. Kerja-kerja bancian masih lagi diteruskan.
- (c) Tindakan mendaftar pendatang tanpa izin di Semenanjung sedang dijalankan demi memenuhi kehendak sektor perladangan yang memerlukan tenaga buruh.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa pendatang tanpa izin di Sabah diberi kad pengenalan biru adalah tidak benar.

AIR—BEKALAN TERGENDALA

50. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah tindakan akan diambil untuk menjamin bekalan air tidak diganggu atau terganggu khasnya di negeri Perak, dan

- (a) bilakah bekalan air bersih dapat dibekalkan dengan sepenuhnya;
- (b) apakah langkah-langkah akan diambil bagi kawasan-kawasan di tepi pantai di mana air tidak dibekalkan tetapi bil air dikenakan tiap-tiap bulan.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kementerian Kerjaraya sentiasa menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan bekalan air di peringkat negeri untuk menjamin bekalan air tidak terganggu atau tergendala. Di negeri Perak tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Lembaga Air Perak untuk memastikan loji-loji air di dalam keadaan baik di samping mengadakan 'standby gang' untuk membaiki paip pecah dan kerosakan-kerosakan kecemasan yang berlaku dari semasa ke

semasa. Lembaga juga telah menambah jumlah pegawai dan kakitangan dan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan daya pengeluaran, operasi dan penyelenggaraan loji air Greater Ipoh telah diswastakan. Untuk jangkamasa sederhana dan panjang, program-program mengesan dan mengawal kebocoran, membaikpulih sistem agihan bekalan air, membaikpulih dan meningkat taraf loji-loji air dan juga program meningkatkan bekalan air ke kawasan industri telah dirancang untuk dilaksanakan dalam RM6. Hasil dari langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Air Perak saya difahamkan keadaan bekalan air terganggu ataupun tergendala secara besar-besaran tidak lagi berlaku di negeri itu pada masa ini. Walau bagaimanapun saya diberitahu bahawa pada suatu ketika dahulu kawasan bandar Taiping telah mengalami sedikit kekurangan bekalan air tetapi masalah ini telahpun diatasi.

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat Kerajaan ialah supaya bekalan air yang bersih kepada semua rakyat di seluruh negara akan dapat dicapai menjelang tahun 2015.
- (b) Mengenai kawasan-kawasan di tepi pantai yang dikenakan bayaran bil air walaupun tidak dibekalkan air, keadaan sebenarnya adalah kawasan-kawasan tersebut sememangnya dibekalkan air. Kawasan-kawasan yang terlibat ialah Bagan Datoh (Hilir Perak) Pantai Remis (Lumut), Krian dan Larut di mana masalah yang dihadapi adalah kekurangan air dan tekanan rendah. Walaupun bekalan air tidak dapat dibekalkan sepenuhnya secara berterusan, bil air tetap dikenakan terhadap kuantiti air yang digunakan. Sekiranya penggunaannya kurang daripada 10 meter padu sebulan, maka bayaran minima sebanyak \$3.00 dikenakan. Bayaran ini adalah

untuk menampung kos penadbiran membaca meter air dan kos penyelenggaraan.

Untuk mengatasi masalah kekurangan air dan tekanan rendah tersebut beberapa langkah telahpun diambil. Di kawasan Bagan Datoh (Hilir Perak) tekanan rendah di siang hari disebabkan oleh paip lama buatan jenis simen asbestos dan berlakunya kebocoran. Tindakan sedang diambil untuk membaikpulih paip-paip tersebut secara berperingkat di bawah peruntukan negeri dan program ini dijangka siap pada tahun 1991. Juga skim bekalan air Hilir Selatan yang berkecupsayaan sebanyak 26 juta gelen sehari (JGH) telah siap dilaksanakan pada tahun 1988. Di kawasan pantai Remis (Lumut) tindakan telah diambil di bawah peruntukan negeri juga untuk memasang paip di bawah skim Bruas. Di kawasan Krian dan Damar Laut tindakan telah diambil di bawah projek bekalan air luar bandar melalui skim Krian dan skim Damar Laut. Sebanyak 7.6 JGH akan dibekalkan ke kawasan Krian dan skim tersebut dijangka siap pada tahun 1991. Di Damar Laut satu pump penggalam (booster pump) dan tangki sedutan (suction tank) telahpun dibina untuk memperbaiki penekanan air.

EKONOMI SERANTAU DAN EKONOMI DUNIA— PERKEMBANGAN

51. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi regional dan ekonomi global di tengah-tengah arus perkembangan dunia akhir-akhir ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Secara amnya, empat perkara utama iaitu peningkatan dasar perlindungan, jurang pembangunan di antara negara maju dan negara membangun, kemunculan kumpulan ekonomi di kalangan negara-negara tertentu dan pembangunan ekonomi Eropah Timur selepas runtuhnya regim haluan kiri mempunyai

implikasi yang luas dalam penggubalan strategi Kerajaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi serantau dan ekonomi dunia.

Mengenai perkara yang pertama iaitu peningkatan dasar perlindungan, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia mengambil peranan aktif dalam Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala di GATT untuk mengukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala dengan cara memperketatkan peraturan-peraturan dan disiplin di GATT bagi menjamin perdagangan bebas serta mengelakkan daripada tindakan perdagangan (trade sanctions) dua hala yang akan memburukkan keadaan. Dalam masa yang sama juga rundingan bagi menyelesaikan masalah dua hala dilakukan bagi menentukan pasaran terbuka bagi eksport barang-barang utama dan barang-barang perkilangan Malaysia.

Dalam menghadapi masalah berkaitan dengan jurang perbezaan di antara negara-negara maju dan negara membangun, pendekatan yang diambil ialah bagi menyedarkan negara-negara membangun terhadap pentingnya digubal dan dihayati dasar ekonomi yang boleh menentukan kecekapan sektor-sektor tertentu bagi mencapai pertumbuhan ekonomi dan menarik pelabur dari dalam dan dari luar untuk mempertingkatkan pembangunan industri, daya saingan barangan pengeluaran dan pendapatan eksport. Dalam masa yang sama negara-negara membangun digalakkan untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi di kalangan mereka di samping usaha mempertingkatkan urusan perdagangan dengan negara-negara maju. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sidang Kemuncak Kumpulan 15 yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur telahpun memberi perhatian utama kepada perkara-perkara ini.

Malaysia sentiasa peka terhadap cabaran-cabaran yang perlu dilalui

dalam menghadapi kemunculan ekonomi di kalangan negara-negara tertentu terutama negara-negara maju yang menjadi pasaran utama barangan eksport negara. Selain daripada projek dan aktiviti galakan eksport dan galakan pelaburan yang dilakukan secara berterusan, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rundingan-rundingan dasar di peringkat pegawai dan peringkat Menteri diadakan secara dua hala dan secara berkumpulan bersama negara-negara ASEAN dengan kumpulan seperti Kesatuan Ekonomi Eropah bertujuan mengukuhkan hubungan ekonomi dan mempertingkatkan perdagangan.

Projek dan aktiviti galakan eksport akan juga dipergiatkan untuk menerokai pasaran Eropah Timur dan menghadapi era pembangunan baru. Di samping itu juga, Kerajaan sentiasa waspada terhadap kemungkinan pertumbuhan pelaburan asing mendapat saingan dengan peralihan tumpuan Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah ke Eropah Timur.

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA (ANGKASA)

52. Tuan P. Patto minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sungutan-sungutan di kalangan kakitangan Kerajaan terhadap ANGKASA (National Co-operative Organisation of Malaysia) yang mengutip lebih daripada \$600 juta melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA sebagai potongan daripada gaji mereka untuk membayar balik pinjaman mereka atas pembelian barang-barang melalui kedai-kedai koperasi yang menjadi anggota ANGKASA kerana ANGKASA menjadi orang tengah untuk mengutip ansuran bagi syarikat-syarikat swasta yang memperalatkan koperasi untuk menjual barang-barang mereka yang tidak termasuk pinjaman untuk kereta dan rumah, jika ya, bagaimanakah

Kementerian beliau bercadang untuk membersihkan ANGKASA supaya penyelewengan tidak berlaku demi menjaga kepentingan peminjam-peminjam yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia atau ANGKASA adalah berfungsi sebagai badan yang menguruskan potongan gaji kakitangan Kerajaan bagi pihak koperasi dengan Jabatan-jabatan Kerajaan. Potongan gaji adalah satu kemudahan yang diberikan oleh ANGKASA kepada kakitangan Kerajaan yang menjadi ahli koperasi untuk membolehkan ahli-ahli membayar balik pinjaman, bayaran yuran, saham dan sebagainya. Dalam urusan potongan gaji ini, ANGKASA telah dapat membantu Kerajaan serta meringan dan memudahkan kerja-kerja pemotongan dari lembaran-lembaran gaji di Jabatan-jabatan Kerajaan dengan cara menyatukan semua potongan koperasi ke dalam satu bil sebelum dihantar ke Jabatan Kerajaan setiap bulan. ANGKASA bukanlah merupakan orang tengah yang mencari keuntungan seperti dakwaan Yang Berhormat tetapi semata-mata bertujuan memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, tiap-tiap potongan yang dibuat akan dikenakan kos perkhidmatan 1% ke atas amaun yang dipotong bagi bukan ahli ANGKASA dan 0.8% kepada ahli-ahlinya. Sehingga kini semua koperasi bersetuju dengan kadar yang ditetapkan itu.

BALASUNDRAM A/L BALAKRISHNAN—SIASATAN PEMBUNUHAN

53. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan dalam penyiasatan mengenai pembunuhan seorang bayi bernama Balasundram a/l Balakrishnan yang meninggal dunia pada 15.5.1990. Nyatakan langkah-langkah berkesan

yang diambil bagi membanteras penyiksaan kanak-kanak di dalam negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penyiasatan mengenai pembunuhan seorang bayi bernama Balasundram a/l Balakrishnan yang meninggal dunia pada 15.5.1990 yang lalu telahpun selesai dijalankan. Pada 31-5-1990, 6.8.1990 hingga 10.8.1990, Manakala seorang lagi yang disyaki telah dibebaskan kerana tiada keterangan yang boleh melibatkan beliau di dalam kes ini dan dijadikan sebagai saksi pihak polis.

Beberapa langkah-langkah yang berkesan untuk membasmi penganiayaan kanak-kanak telahpun diambil antaranya mengadakan berbagai-bagai seminar/woksyop dengan tujuan menyedarkan masyarakat dan Kerajaan supaya memandang berat terhadap kes-kes penganiayaan kanak-kanak dan menggubal undang-undang baru iaitu Bill Perlindungan Kanak-kanak yang bertujuan memberikan lebih kuasa kepada pihak berkuasa untuk bertindak terhadap sipenganiaya.

KESATUAN SEKERJA— PERGERAKAN

54. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sebab-sebab mengapa pekerja-pekerja di Malaysia kurang dipersatukan, sama ada benar ini adalah hasil dari buruh yang menahan mereka daripada dipersatukan. Sila menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan gerakan bebas pertubuhan-pertubuhan sekerja di Malaysia, jika tidak, mengapa?

Dato' Lim Ah Lek: Dasar buruh di negara kita sejak merdeka dahulu jelas memberi tempat yang utama kepada penggalakan pergerakan kesatuan sekerja dan kegiatan bebas mereka untuk merunding dan menyelesaikan dengan

majikan-majikan mengenai syarat-syarat pekerjaan dan masalah-masalah yang mungkin timbul di antara majikan dan pekerja. Sejak awal itu lagi, Kerajaan telah mewujudkan sistem tripartism dalam membincangkan perkara-perkara buruh yang berkepentingan bersama.

Sekatan-sekatan dan penyeliaan yang diadakan hanyalah untuk menjamin bahawa pergerakan kesatuan sekerja ini tidak diperalatkan oleh orang luar yang tidak terlibat dalam industri-industri yang berkenaan, serta menentukan seberapa yang boleh, kegiatan yang bertanggungjawab dan demokratik dalam pergerakan itu.

Tidak ada dasar atau perundangan yang mencegah pekerja-pekerja daripada menubuhkan ataupun menganggotai kesatuan-kesatuan yang sesuai.

Perlindungan penuh juga diberi dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kepada pekerja-pekerja dari tindakan-tindakan penindasan oleh majikan dalam menubuhkan atau menjalankan kesatuan sekerja.

Sejajar dengan dasar dan undang-undang tersebut, pergerakan kesatuan sekerja kita telah berkembang dengan baik, sehingga ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kita dapat menjadi Presiden Sedunia ICFTU dan orang-orang yang dihormati di dalam masyarakat kita dan forum-forum antarabangsa.

Tidak ada apa-apa tanda bahawa dasar buruh kita telah menjelaskan perkembangan pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia. Sebaliknya peraturan pekerja-pekerja kita yang menjadi ahli kesatuan sekerja iaitu lebih kurang 20% adalah ditahap yang agak sama dengan setengah-setengah negara yang maju, walaupun peraturan pekerja kita dalam perusahaan kecil adalah tinggi.

Kerajaan akan terus memberi apa-apa bantuan dan galakan yang perlu kepada pergerakan kesatuan sekerja dalam konteks dasar buruh yang saya nyatakan itu

**RANCANGAN MALAYSIA
KEENAM—PERUNTUKAN
PEMBANGUNAN**

55. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Menjelang bulan Mei 1990, bilangan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta Kementerian yang telah memohon untuk mendapat peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Apakah jumlah wang yang diminta oleh setiap satu; dan
- (b) Apakah kriteria yang diguna untuk menentukan sama ada jumlah yang diminta itu akan diperuntukkan atau nilai asal dikurangkan. Bagaimanakah penilaian dibuat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

- (a) Setakat ini Kerajaan telah menerima permohonan peruntukan pembangunan berjumlah lebih kurang \$94.73 ribu juta daripada agensi-agensi Kerajaan untuk melaksanakan berbagai program/projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Permohonan-permohonan ini sedang dikaji dan ditapis oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan perbincangan-perbincangan sedang diadakan di antara Unit tersebut dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.
- (b) Semasa menentukan sama ada jumlah peruntukan yang diminta untuk melaksanakan sesuatu program/projek itu boleh diluluskan atau perlu dikurang/ditambah, beberapa kriteria akan diambilkira. Kriteria-kriteria ini,

di antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) kesediaan projek untuk dilaksanakan;
- (ii) kemampuan agensi berkenaan melaksanakan program/projek tersebut;
- (iii) skop program/projek yang diluluskan;
- (iv) jadual pelaksanaan program/projek; dan
- (v) kos program/projek keseluruhannya.

**SEKOLAH MENENGAH
KERAJAAN PADAWAN—
TENDER**

56. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah Kementeriannya memanggil semula tender untuk siap membina semula sekolah Menengah Kerajaan Padawan yang sudah terbengkalai akibat dari kegagalan Jabatan Kerjaraya melaksanakan projek asal tersebut;
- (b) jika tender tersebut sudah diberi, sila beritahu nama kontraktor baru itu dan harga kontrak berkenaan, serta tarikh sasaran untuk projek ini disiapkan; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk murid-murid sekolah ini terus dengan pendidikan mereka masa sementara ini sebelum bangunan sekolah baru siap dibina.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tender semula projek pembinaan Sekolah Menengah Kerajaan Padawan Sarawak yang telah terbengkalai akibat daripada kegagalan Jabatan Kerjaraya

Sarawak melaksanakan projek asal tersebut telah dipanggil pada 2hb Disember, 1989.

- (b) Nama kontraktor yang baru itu ialah Syarikat Sim Liang Eang dengan harga kontrak sebanyak \$4.3 juta. Tarikh mula kerja ialah April, 1990 dan tarikh dijangka siap ialah 6hb Januari, 1991.
- (c) Langkah yang telah diambil untuk membolehkan murid-murid sekolah ini meneruskan pelajaran mereka ialah dengan menempatkan mereka di bangunan sementara dalam kawasan Sekolah Rendah Bantuan St. Michael.

PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

57. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan menerangkan perkembangan Sistem Pendidikan Vokasional dan Teknik hingga kini. Adakah Kerajaan puas hati dengan perkembangannya. Apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk mempertingkatkan pengeluaran pelajar-pelajar dari jurusan ini sebagai usaha mempertingkatkan pengeluaran tenaga buruh mahir dan semi mahir dalam negara.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendidikan Teknik dan Vokasional sedang berkembang pesat. Sebanyak 58 buah Sekolah Menengah Vokasional dan 9 buah Sekolah Menengah Teknik sedang beroperasi. Manakala 12 buah SMV sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 1990 dan 1991. Di samping itu, penambahan kemudahan-kemudahan Pendidikan Teknik dan Vokasional sedang diatur untuk sekolah-sekolah menengah akademik biasa dan dijangka dapat dipergunakan pada awal 1991. Sebanyak 56 buah sekolah akademik lagi sedang dirancang untuk mendapatkan

kemudahan tambahan bagi Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi tahun-tahun yang akan datang. Sebanyak 24 buah SMV yang sedang beroperasi sekarang akan dipertingkatkan kemudahannya untuk memastikan mutu pendidikan yang lebih tinggi. Proses peningkatan tersebut sedang berjalan dan dijangka selesai pada pertengahan tahun hadapan (1991). Antara peningkatan kemudahan tersebut termasuklah membesarkan dan menambah bilangan dan keluasan bengkel-bengkel latihan termasuk penggantian dan penambahan peralatan.

Institusi-institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional di negara ini mempunyai kelengkapan terkini bagi memastikan tenaga mahir dan separuh mahir yang bermutu dihasilkan. Di samping kelengkapan peralatan, tenaga pengajar menjadi penggerak utama. Program-program peningkatan kualiti tenaga pengajar sedang berjalan di dalam dan di luar negeri.

Kementerian Pendidikan sedang merancang lebih banyak lagi Sekolah Menengah Vokasional di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dengan ini pengeluaran tenaga mahir dan separuh mahir dapat ditambah dan ditingkatkan.

ANGGOTA TENTERA DINAFIKAN HAK MENGUNDI

58. Tuan M.G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar dakwaan setengah pihak kononnya anggota tentera tidak diberikan hak mengundi, tetapi dilakukan oleh pegawai atasan bagi pihak mereka. Adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan wakil-wakil Pesuruhjaya Pilihanraya untuk memasuki kem-kem tentera untuk menjalankan tugas semasa pilihanraya supaya penyelewengan tidak berlaku.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Dakwaan kononnya pengundian bagi anggota-anggota tentera tidak berjalan secara bebas dan bersih adalah dakwaan yang liar yang tidak berasas sama sekali. Tuduhan-tuduhan seumpama ini telah dibuat berulang kali untuk tujuan politik tanpa sebarang bukti yang konkrit. Kerajaan tidak ada halangan untuk membenarkan ahli-ahli dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya memasuki kem-kem tentera untuk menyaksikan pembahagian undi pos kepada anggota-anggota tentera.

PROGRAM TAKMIR MASJID

59. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah Dasar Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan program Takmir di masjid-masjid di seluruh negara. Adakah Kerajaan berpuashati bahawa niat dan hasrat Kerajaan terlaksana dengan memuaskan. Tidakkah terdapat unsur-unsur negatif yang mengeksploitasi pelaksanaan Takmir itu untuk kepentingan mereka.

Dasar Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan Program Takmir Masjid di seluruh negara adalah bertujuan seperti berikut:-

- (i) untuk memberikan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat dalam usaha untuk melahirkan anggota masyarakat Islam yang bertaqwa dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar;
- (ii) untuk membanteras penyebaran ajaran-ajaran agama Islam yang menyeleweng dan ajaran sesat;
- (iii) untuk menghidupkan masjid-masjid dan surau-surau sebagai pusat ilmu pengetahuan Islam; dan
- (iv) untuk mengetengahkan tokoh-tokoh agama Islam yang berwibawa sebagai benteng perpaduan dan ketahanan umat.

Dengan terlaksana program tersebut berasas kepada prestasi yang diperlihatkan, Kerajaan berpuashati dengan program tersebut. Walau bagaimanapun, mana-mana kelemahan dan kekurangan yang masih boleh diperbaiki, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil tindakan sewajarnya dari semasa ke semasa.

Pada masa ini tidak terdapat mana-mana unsur negatif atau pihak yang cuba mengeksploitasi pelaksanaan rancangan tersebut bagi kepentingan mereka.

AIDS DI KALANGAN PELANCONG

60. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah untuk memastikan pelancong-pelancong yang datang bebas dari AIDS; dan
- (b) adakah Kementerian ini bercadang untuk menempatkan doktor-doktor pakar di klinik-klinik Kerajaan di luar bandar.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak mewujudkan langkah-langkah khas bagi memastikan pelancong-pelancong yang datang bebas dari AIDS. Ini adalah kerana langkah-langkah yang boleh diambil seperti ujian darah didapati tidak praktik dan berkesan jika dikenakan kepada pelancong-pelancong. Tindakan serupa ini tidak diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) oleh sebab ianya tidak dapat mencegah kemasukan penyakit AIDS ke satu-satu negara. WHO telah menekankan bahawa cara-cara yang paling berkesan sekali untuk mencegah kemasukan penyakit AIDS ke

satu-satu negara itu ialah melalui pendidikan kesihatan tentang cara-cara jangkitan penyakit AIDS dan juga menentukan darah yang digunakan dalam negeri atau hasil darah yang diimport daripada luar negeri adalah bebas daripada kuman AIDS. Kedua-dua strategi yang disyorkan oleh WHO ini telah dan terus dilaksanakan oleh Kementerian.

- (b) Pada masa sekarang ini Kementerian Kesihatan hanya menempatkan doktor-doktor pakar di Hospital-hospital Besar dan di Hospital-hospital Daerah yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, buat masa kini, dengan adanya sistem rujukan yang baik di antara klinik-klinik Kerajaan di kawasan luar bandar dengan hospital, maka penduduk-penduduk luar bandar boleh mendapatkan kemudahan perkhidmatan doktor-doktor pakar yang tertentu.

MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH PERSIDANGAN ANTARABANGSA

61. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah faedah-faedah yang diperolehi daripada persidangan-persidangan antarabangsa dari sudut imej 'negara-negara di kacamata dunia, untuk mempengaruhi negara-negara lain berkenaan pendirian kita dalam berbagai-bagai isu dan menggalakkan pelaburan asing di negara kita dan memperkenalkan barangan Malaysia di luar negeri memandangkan Kerajaan Malaysia telah menganjurkan persidangan-persidangan antarabangsa seperti CHOGM, Persidangan Palestin dan lain-lain serta akan menganjurkan persidangan Group 15 tidak lama lagi dengan menelan belanja yang besar.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Langkah Malaysia menganjurkan persidangan-persidangan antarabangsa seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat bukanlah kerana semata-mata hendak menjadi tuanrumah kepada persidangan-persidangan berkenaan. Kita hanya memilih persidangan-persidangan tertentu dalam konteks dasar luar negeri maupun dari segi politik atau ekonominya, yang mana kita dapat membuat sumbangan yang berkesan dan bermakna.

Kejayaan kita untuk dapat menjadi tuanrumah persidangan-persidangan tersebut juga menunjukkan kepercayaan masyarakat antarabangsa ke atas kemampuan kita mengelolakan persidangan-persidangan besar seperti ini. Ini dengan sendirinya telah menonjolkan nama Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa. Malahan, masyarakat antarabangsa telah menerima hakikat bahawa melalui pengelolaan persidangan-persidangan antarabangsa seperti ini negara-negara seperti kita bukan sahaja dapat menampili diri ke hadapan tetapi dapat menyuarakan pendirian-pendiriannya dengan lebih berkesan.

Beberapa tahun yang lalu, Malaysia tidak begitu dikenali. Alhamdulillah, keupayaan yang kita tunjukkan dalam mengelolakan persidangan-persidangan antarabangsa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalnya, telah membuat Malaysia lebih dikenali di merata ceruk rantau dunia ini.

Sebagai contoh, di Persidangan Antarabangsa mengenai Palestin dalam tahun 1983 dan juga di Seminar mengenai isu yang sama pada tahun lalu, kedua-duanya diadakan di Kuala Lumpur, kita telah dapat menghasilkan satu Rancangan Tindakan mengenai penyelesaian isu Palestin, termasuklah mengenai Persidangan Antarabangsa

mengenai Asia Barat. Sungguhpun penyelesaian yang diharapkan masih belum tercapai, unsur-unsur Rancangan Tindakan yang dihasilkan di Kuala Lumpur itu, pasti akan menjadi satu asas kepada penyelesaian isu ini kemudian kelak.

Pengisytiharan Langkawi yang dihasilkan semasa CHOGM, atas inisiatif negara kita juga merupakan satu lagi contoh bagaimana kita dapat mempengaruhi pemikiran dunia mengenai isu yang penting kepada manusia sejagat. Pengisytiharan tersebut hari ini telah diakui sebagai satu dokumen yang berkesan yang mengambil kira kepentingan kesemua pihak sama ada negara-negara membangun ataupun negara-negara maju.

Dari segi faedah-faedah ekonominya pula, pengiktirafan yang telah kita capai menerusi pengelolaan persidangan antarabangsa telah membawa kepada peningkatan jumlah perdagangan. Saya ingin mengambil hubungan dagangan kita dengan negara-negara anggota G-15 sebagai contoh. Pada tahun lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan negara-negara berkenaan berjumlah \$4.3 billion (\$4,323.7 juta). Jumlah eksport Malaysia ke negara-negara tersebut ialah \$2.3 billion (\$2,253.6 juta) berbanding dengan jumlah import sebanyak \$2.1 billion (\$2,070.1 juta) yang memberi kita lebihan dagangan sebanyak \$184 juta). Ini merupakan peningkatan perdagangan sebanyak hampir tiga kali ganda berbanding dengan tahun 1980 yang hanya mencatatkan jumlah dagang sebanyak \$1.4 billion sahaja, iaitu satu peningkatan dagangan sebanyak 300% dalam masa 9 tahun.

Akhir kata, memang jelas sekali langkah kita mengelolakan persidangan-persidangan utama seperti ini amat berfaedah dan penuh bermakna kepada imej dan kepentingan-kepentingan ekonomi negara di samping membolehkan kita

memberi sumbangan yang berkesan dalam perkembangan-perkembangan antarabangsa.

PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND— PENUBUHAN

62. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan terakhir operasi Lembaga Pembangunan Bersama (JDA) yang ditubuhkan oleh Malaysia dan Thailand untuk pembangunan sumber semula jadi seperti minyak dan gas dalam kawasan bertindih dalam Teluk Siam. Apakah masalah-masalah yang wujud berkaitan operasi JDA yang perlu dibincangkan dan diselesaikan secara damai bagi faedah kedua-dua negara.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Seperti Yang Berhormat termaklum Malaysia dan Thailand telahpun menandatangani perjanjian Mengenai Perlembagaan dan lain-lain perkara berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) pada 30hb Mei baru-baru ini. Perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua Menteri Luar Malaysia dan Thailand merupakan persetujuan kedua-dua negara terhadap penubuhan PBBMT, struktur pentadbiran dan operasinya di kawasan 2,700 batu persegi yang dipertikaikan bersama oleh kedua-dua negara di luar pantai Kelantan dan Selatan Thailand.

Untuk makluman Yang Berhormat semasa perundingan-perundingan serta mesyuarat-mesyuarat bagi mencapai persetujuan seperti di perjanjian di atas, masalah-masalah telah timbul dari segi bidang pengagihan kuasa jenayah dan sivil serta tuntutan kedaulatan kedua-dua negara di kawasan berkenaan serta isu sumber hidup/tidak hidup untuk dieksploitasi oleh PBBMT. Ini telah diselesaikan apabila kedua-dua negara bersetuju untuk membahagikan bidang kuasa jenayah dan sivil mengikut suatu

garis tengah (median line) di mana Malaysia akan menguatkuasakan undang-undang di Selatan garis berkenaan dan Thailand di Utara garis yang sama, kecuali dalam perkara Kastam dan Eksais dan Percukaian di mana kedua negara mempunyai bidang kuasa bertindih (overlapping jurisdiction). Dari segi tuntutan kedaulatan, kedua-dua negara telah bersetuju supaya tuntutan-tuntutan ini tidak diketepikan walaupun persetujuan telah dicapai mengenai kerjasama bagi mengeksploitasikan sumber-sumber hidrokarbon terutamanya minyak dan gas di kawasan berkenaan. Perjanjian PBBMT tidak meliputi sumber hidup di kawasan itu yang masih tertakluk kepada persefahaman dan peraturan sedia ada. Selain daripada itu kedua negara akan terus berbincang bagi mendapat kata-sepakat mengenai organisasi untuk mengendalikan usahasama ini. Perbincangan juga akan diadakan dengan kontraktor-kontraktor yang akan dilantik di kawasan berkenaan mengenai syarat-syarat terperinci Sistem Perkongsian Pengeluaran yang akan diamalkan di kawasan berkenaan. Adalah dijangka perkara-perkara ini akan dapat diselesaikan dalam semangat kerjasama Malaysia-Thailand.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— PENSWASTAAN

63. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha penswastan Lembaga Letrik Negara telah dilaksanakan sehingga hari ini;
- (b) siapakah pihak yang terlibat dalam usaha penswastan tersebut serta bahagian kepentingan masing-masing;
- (c) adakah penswastan LLN itu akan menyusahkan para pengguna dari segi kos elektrik yang lebih tinggi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya telah memaklumkan di Dewan yang mulia ini pada 15.3.90 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Ahli dari Kluang bahawa Kerajaan akan memperbadankan Lembaga Letrik Negara (LLN) dalam tahun 1990. Berhubung dengan ini dua Rang Undang-undang berikut iaitu:

- (a) Akta Perbekalan Elektrik 1990;
- (b) Akta Syarikat Pengganti 1990,

akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam sesi ini juga. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Bacaan Kali Yang Pertama kedua-dua Rang Undang-undang tersebut telahpun dibuat pada 11.6.90.

Mengikut keputusan Kerajaan pada mulanya 100% saham Syarikat Pengganti LLN akan dimiliki oleh Kerajaan. Sebahagian dari saham ini akan diuntukkan kepada staf LLN sekarang yang memilih untuk menerima opsyen yang ditetapkan. Oleh itu setakat ini hanya Kerajaan dan staf sahaja yang terlibat dalam proses ini.

Penswastan LLN tidak akan menyusahkan pengguna kerana melalui Akta Perbekalan Elektrik 1990 Kerajaan akan seterusnya memainkan peranan kawalselia industri elektrik bagi menjaga kepentingan pengguna-pengguna. Akta tersebut mengandungi peruntukan tertentu untuk menjamin perbekalan elektrik yang bermutu dan dibekalkan dengan harga yang berpatutan, pengawasan ke atas pemasangan, penjanaan kuasa dan peralatan elektrik. Oleh itu Kerajaan mempunyai kuasa-kuasa yang cukup untuk memastikan kepentingan pengguna-pengguna tenaga elektrik tidak diabaikan.

JET PEJUANG TORNADO

64. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan membatalkan rancangan untuk

membeli jet-jet Pejuang Tornado dan akan membeli jet-jet pejuang yang lain; dan

- (b) apakah jenis jet-jet pejuang yang lain akan dibeli itu.

19-6-90

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan Kerajaan telah membatalkan rancangannya untuk membeli dua-belas (12) jet pejuang Tornado berharga \$2 billion dari Britain. Jika betul, nyatakan sebab-sebab.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang dijadualkan pada 19.6.1990 kerana kedua-dua soalan ini bertanyakan perkara yang lebih kurang sama.

- (a) Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan pembelian jet-jet pejuang Tornado.
- (b) Perkara ini masih lagi di dalam kajian Kerajaan.

LESEN IMPORT/EKSPORT (AP)

65. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah permit jenis AP-AP yang sedang digunakan oleh Kementeriannya untuk menguruskan perdagangan negara kita dengan lain-lain negara. Apakah sebabnya untuk mengadakan berbagai jenis AP ini dan apa kesan oleh AP-AP seperti ini dan berapa lamakah masa yang diambil oleh Kementerian untuk meluluskan AP ini. Berapakah kakitangan yang terlibat dalam dasar AP ini dan apakah kos bagi Kerajaan untuk menguruskan melalui sistem AP-AP tersebut.

18-6-90

40. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah kereta

yang diimport ke negara kita tanpa permit (AP) yang sah atau permit palsu bagi tahun 1989 dan hingga 31.5.90. Berapa buah kereta tersebut telah dijual. Sama ada Kementerian beliau akan mengambil tindakan terhadap penyeludupan yang terbabit. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mencergaskan kegiatan ini.

21-6-90

11. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peniaga Bumiputera yang terlibat di dalam perniagaan jualan kereta sama ada baru atau terpakai di seluruh negara. Adakah Kerajaan puashati kemajuannya dibandingkan dengan pengusaha-pengusaha bukan Bumiputera yang menjalankan perniagaan yang serupa. Daripada jumlah tersebut berapa ramai yang dilantik menjadi pengedar bagi kereta 'Proton Saga', dan berapa pula yang mendapat permit mengimport kereta terpakai dari Kementerian. Adakah Kerajaan puashati dengan kemajuan ini dan nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu pengusaha Bumiputera dalam lapangan ini.

41. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebabnya pengusaha-pengusaha motor kereta sukar untuk mendapat permit-permit untuk membawa masuk kereta-kereta dari luar negeri dan berapa permitkah diberi pada tiap-tiap pengusaha dan bagaimana pula prestasi-prestasi mereka.

Dato' Kok Wee Kiat: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean yang dijadualkan dijawab pada 18.6.90, Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan dan Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan yang dijadual di jawab pada 21.6.90.

Untuk makluman Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini tidak mengeluarkan apa-apa permit berhubung dengan perdagangan dengan negara lain. Walau bagaimanapun, ketika ini Kementerian ini sememangnya ada mengeluarkan lesen-lesen import dan eksport yang biasanya dikatakan AP. Kementerian ini bertanggungjawab mengeluarkan lesen import bagi 39 jenis item dan lesen eksport bagi 19 jenis item yang disenaraikan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988.

Lesen-lesen yang bergantung kepada tujuan kawalan boleh dikeluarkan secara bebas atau tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Antara lesen import yang penting adalah bagi item-item seperti kenderaan bermotor, billets, gula dan clinker. Sementara bagi lesen eksport pula item-item adalah scrap, bar dan rods of iron or steel dan cement clinker.

Tujuan dikenakan lesen import/eksport bagi barangan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) untuk memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan. Contohnya, pengimportan kereta dikenakan syarat lesen import bagi memperlindungi industri pembuatan dan pemasangan kereta Malaysia;
- (b) untuk memastikan bekalan tempatan bagi sesuatu barangan adalah mencukupi. Contohnya gula bertapis dikenakan syarat lesen import dan eksport untuk membolehkan Kementerian mengawal bekalan dalam negeri. Pengeksportan boleh dibenarkan sekiranya bekalan dalam negeri berlebihan dengan mengeluarkan lesen import/eksport dan sekiranya terdapat gangguan bekalan, lesen tidak dikeluarkan; dan

- (c) atas sebab-sebab keselamatan, contohnya syarat lesen import dikenakan bagi pengimportan peluru dan senjata api.

Sekiranya permohonan lesen import/eksport yang dikemukakan adalah lengkap, dan lesen bagi item tersebut boleh dikeluarkan secara bebas, kelulusan untuk mendapat lesen boleh diberi pada hari permohonan dibuat. Bagi item-item tertentu; yang dikenakan syarat tambahan, misalnya perlu mendapatkan surat pengesahan tiada halangan daripada pengeluar tempatan, kelulusan lesen adalah bergantung kepada surat pengesahan berkenaan.

Kementerian berpendapat, lesen import/eksport adalah cara yang berkesan untuk mengawal pengimportan dan pengeksportan sesuatu barangan bagi tujuan tertentu seperti yang telah dimaklumkan.

Berhubung dengan bilangan kakitangan yang bertanggungjawab pada ketika ini, terdapat seramai 79 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam pemerosesan dan memberi kelulusan lesen import/eksport. Perbelanjaan kakitangan dan pentadbiran yang terlibat adalah lebih kurang \$1.6 juta setahun.

Mengenai jumlah kereta yang diimport ke negara ini dengan menggunakan lesen AP palsu, adalah dimaklumkan mengikut laporan Jabatan Kastam dan Eksais, sebanyak 638 unit kereta telah diimport tanpa AP yang sah. Kepada syarikat-syarikat pengimport dan pengedar kereta yang telah disyaki terlibat, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telahpun mengambil tindakan untuk menghadapkan mereka ke mahkamah dan perbicaraan ke atas mereka akan diadakan tidak lama lagi. Untuk mencegah kegiatan ini berterusan, Kementerian telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperketatkan

peraturan pengeluaran AP kereta. Langkah ini sebenarnya dijalankan serentak dengan tindakbalas yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini jumlah syarikat Bumiputera yang bergiat cergas dalam perniagaan pengimportan kereta-kereta baru dan terpakai adalah 45 buah di Semenanjung Malaysia, 12 buah syarikat di Sabah dan 31 buah di Sarawak. Dalam usaha untuk memastikan syarikat-syarikat pemegang kuota ini berjaya dalam perniagaan mereka, tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk mengulangkaji kuota syarikat-syarikat berkenaan dari masa ke semasa. Bagi syarikat-syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian tindakan menark balik kuota syarikat telah dan akan diambil seterusnya. Dari jumlah 65 wakil pengedar Bumiputera EON yang telah diluluskan, terdapat seramai 19 buah syarikat yang merupakan syarikat pemegang kuota import kenderaan bermotor. Setakat ini kemajuan yang dicapai oleh syarikat pemegang kuota dan syarikat wakil pengedar Bumiputera EON adalah menggalakkan dan memandangkan segala peluang dan kemudahan telahpun disediakan oleh Kerajaan, maka usaha seterusnya hendaklah diambil oleh syarikat sendiri untuk memastikan mereka terus berjaya dalam bidang ini.

Mengenai pengusaha-pengusaha motor kereta yang mendapati sukar untuk mengimport kereta dari luar negeri, keadaan yang berlaku adalah disebabkan oleh dasar sekatan kuota yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi melindungi industri kereta pemasangan tempatan. Pada ketika ini, Kementerian telah membekukan pengeluaran kereta import kepada syarikat-syarikat baru dengan tujuan mengurangkan jumlah permit (AP) dikeluarkan dari tahun ke tahun selaras dengan keputusan

Kerajaan mengawal paras kuota pada tahap 10% dari jumlah pengeluaran kuota yang dipasang dalam negeri.

FIJI—BANTUAN LATIHAN TENTERA

66. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia telah bersetuju untuk memberi kemudahan latihan tentera kepada Tentera Fiji. Jika benar, nyatakan butir-butirnya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pada masa ini Kementerian Pertahanan telah menawarkan bantuan kepada Fiji di mana Maktab Turus Angkatan Tentera menawarkan seorang pegawai tiap-tiap tahun mulai tahun 1988 untuk mengikuti Kursus Turus di Maktab tersebut. Manakala 2 orang pegawai telah menghadiri Kursus Ketua Kompeni di PULADA, Johor Bahru pada tahun 1988.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Fiji juga memohon untuk meluaskan lagi bidang kerjasama ketenteraan Malaysia-Fiji yang meliputi kursus, latihan dan tumpangan. Butir-butir yang dipohon ialah seperti berikut:

- (1) Menambah lagi tempat kursus kepada pegawai tentera Fiji di Maktab Turus Angkatan Tentera untuk tiga tahun berturut-turut mulai 1991.
- (2) Kursus Kerjaya/Naik Pangkat.
- (3) Kursus Ketua Platun.
- (4) Latihan Kadet untuk ketiga-tiga perkhidmatan.
- (5) Kursus menyelam dan kemahiran pelaut.
- (6) Latihan Juruterbang.
- (7) Tumpangan anggota tentera Fiji di pasukan-pasukan tentera Malaysia.
- (8) Tumpangan 'consultant' ATM di Fiji.

Semua butir-butir permohonan ini masih dalam kajian Kerajaan.

PASARAN TUNGGAL EROPAH— PENUBUHAN

67. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan strategi-strategi Kementeriannya untuk meningkatkan lagi daya persaingan barangan buat kita di pasaran Eropah, khususnya ekoran perubahan politik yang pesat di Eropah Timur tahun lepas. Apakah pula langkah-langkah kita untuk menghadapi penubuhan pasar tunggal EC menjelang tahun 1992.

19-6-90

48. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah strategi untuk mula bertapak di bidang perdagangan dan perindustrian di negara-negara Eropah Timur dan negara-negara komunis lain yang mula mengubah dasar dan ideologi mereka.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Hashim Safin pada 19 Jun 1990 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa perkembangan yang berlaku di Eropah Barat dan di Eropah Timur, bukan sahaja memberi cabaran, tetapi juga peluang-peluang perdagangan dan pelaburan kepada Malaysia dalam tahun 90an dan seterusnya. Dengan hakikat ini Malaysia menyertai dengan secara aktif perbincangan-perbincangan antara-bangsa bukan sahaja mengenai Pasaran Tunggal Eropah 1992 tetapi juga mengenai kemasukan barangan eksport Malaysia ke pasaran antarabangsa, umpamanya dalam mesyuarat-mesyuarat Uruguay Round.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perubahan-perubahan politik yang berlaku di negara-negara Eropah Timur dan USSR masih lagi dalam proses perubahan dan perkembangan. Namun demikian, Malaysia akan terus merapatkan hubungan perdagangan duahala dengan negara-negara tersebut, selaras dengan dasar perdagangan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional.

Adalah diharapkan perubahan politik di Eropah Timur akan mendorong perubahan Sistem Ekonomi Pusat mereka kepada Sistem Ekonomi Pasaran Bebas, sealiran dengan Sistem Ekonomi Eropah Barat. Ini akan menjadikan keseluruhan kawasan Eropah satu pasaran yang besar dan berpotensi bagi barangan eksport negara. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan mutu barangan keluaran mereka, bukan sahaja untuk pasaran Eropah tetapi bagi keseluruhan pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, ini terpulang kepada pihak swasta untuk bertindak ke atas cabaran ini, kerana mereka adalah pihak yang bertanggungjawab di dalam pengeluaran barangan untuk pasaran tertentu. Dari segi pasaran eksport, Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta untuk menyertai misi perdagangan dan pameran perdagangan ke negara-negara Eropah Timur yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Selain dari itu, Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di negara-negara Eropah Timur dan USSR juga menjalankan aktiviti-aktiviti galakan eksport barangan Malaysia di sana.

Bagi menghadapi penubuhan Pasaran Tunggal Eropah (EC Single Market) 1992, Malaysia sentiasa mengadakan pertukaran maklumat melalui rangka kerjasama ASEAN-EC dan Malaysia-EC di mana keutamaan adalah diberi

kepada isu-isu dan masalah berkaitan dengan pasaran, kerjasama perindustrian dan usaha meningkatkan pelaburan EC ke Malaysia. Seminar-seminar dan bengkel-bengkel yang bertujuan meningkatkan kemahiran usahawan tempatan mengenai implikasi Pasaran Tunggal Eropah akan terus diadakan dari masa ke semasa. Adalah diharapkan dengan maklumat-maklumat yang diperolehi, usahawan-usahawan tempatan akan lebih peka dan dapat mengambil langkah yang sesuai mengikut arus perubahan agar kepentingan Malaysia di EC tidak terjejas dengan penubuhan Pasaran Tunggal Eropah, 1992 itu. Di samping itu, pasaran EC juga boleh dijadikan sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah Timur dan USSR.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemebadanan, pendaftaran dan pentadbiran Syarikat Luar Pesisir dan Syarikat Luar Pesisir Asing dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT AMANAH LABUAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran syarikat sebagai syarikat amanah di Labuan, mengenai penetapan kuasa-kuasa dan tugas-tugas syarikat amanah itu dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG URUSAN BANK LUAR PESISIR

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pelesenan, pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubung dengan insurans luar pesisir dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir di atau dari Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BERITA NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb. Jun, 1990).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung.

3.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyentuh mengenai kekurangan kredibiliti dan kekurangan akauntabiliti BERNAMA dan saya pun telah meneliti radio dan televisyen dan akhbar tempatan hari ini dan liputan mengenai pihak Pembangkang mengenai apa yang disebutkan di sini kurang, sangat kurang, yang menunjukkan pihak BERNAMA masih memerlukan masa untuk mengubah sikap dan dasarnya.

Memang saya nampak ada berita mengenai durian daripada Thailand semalam di dalam RTM kerana durian daripada Thailand ini telah menguasai pasaraya Malaysia. Mungkin berpunca daripada sinilah mereka buat penyiasatan dan kemudian keluarkan berita seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kekurangan akauntabiliti-akauntabiliti memang perlu diwujudkan, perlu digalakkan, perlu diadakan dengan BERNAMA kerana sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan yang banyak, misalnya pada tahun 1985, sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan \$6.64 juta dan 1986 pun lebih kurang begitu juga.

Yuran daripada perkhidmatan berita dalam negeri, Tuan Yang di-Pertua, pada 1985—\$1.18 juta dan 1986—\$1.2 juta. Jadi tidak banyaklah pendapatannya sendiri dan yuran dari tele-rates misalnya lebih kurang \$1.08 juta sahaja dan dengan keadaan kewangan yang sedemikian, memang sumbangan dan subsidi masih diperlukan untuk menjalankan agensi berita tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan betapa pentingnya pertubuhan seperti BERNAMA bertanggungjawab kepada rakyat kerana memerlukan bantuan daripada rakyat. Ada satu kekurangan lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kekurangan profesionalisme. Profesionalisme bukan sahaja dengan sistem perlantikan BERNAMA yang tidak begitu kemas, tidak begitu teratur, saya pun tidak tahulah sama ada perlantikan itu berdasarkan kepada merit ataupun faktor-faktor yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada profesionalisme yang merupakan satu perkara yang penting bagi BERNAMA dan juga media massa yang lain, kita hendak menekankan di sini apakah peranan dan fungsi BERNAMA sejak tertubuhnya tahun 1967. Kita perlulah kaji semula apakah fungsi dan peranan

ini kerana pihak Kerajaan sentiasa tekankan, ia hendak BERNAMA ini melaporkan berita dan cerita kerajaan sahaja kerana hendak mementingkan pembangunan, jadi hendak berita pembangunan sahaja, tidak kiralah berita itu sama ada mengikut dan berdasarkan kepada fakta-fakta ataupun tidak, asalkan berita pembangunan, cukup sudah. Apakah yang dimaksudkan oleh berita pembangunan ini?

Memang saya setuju hak kebebasan akhbar, kebebasan media massa, kebebasan maklumat yang sentiasa ditekankan oleh pihak Kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru-baru ini sahaja menyebutkan bahawa di dalam negara ini ada kebebasan akhbar, ada kebebasan maklumat dan sebagainya, tetapi dari pihak kami, kebebasan itu memang tidak wujud-memang tidak wujud. Saya setuju bukan sahaja kita hendak tekankan kebebasan akhbar dan kebebasan maklumat dan sebagainya, kita perlu meneliti di kawasan-kawasan bukan sahaja bandar, kawasan-kawasan pendalaman, perlu kita menyiasat, mengadakan berita-berita mengenai kawasan-kawasan ini, tetapi ini tidak bermakna kita boleh menjejaskan kebebasan akhbar. Hanya kita menekankan satu keseimbangan yang perlu diwujudkan di dalam masyarakat majmuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi, iaitu dengan adanya BERNAMA, dengan adanya pindaan yang dibentangkan pada semalam dan hari ini, kita perlu menekankan negara ini hendaklah wujudkan satu sistem penerangan umum yang membolehkan maklumat diperolehi dengan mudah. Setakat ini, daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai ke bawah sentiasa menggunakan Akta Rahsia Rasmi untuk melindungi, untuk menyekat dari disebarkan penerangan dan maklumat.

Saya berharap keadaan seperti ini boleh berubah sehingga kita dapat

wujudkan satu sistem penerangan umum yang membolehkan maklumat diperolehi dengan mudah. Kalau tidak, jadi apa yang disebutkan oleh kebebasan akhbar dan kebebasan maklumat oleh pihak Kerajaan itu tidak bermakna-langsung tidak bermakna dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, institusi rasmi seperti BERNAMA mempunyai satu fungsi untuk mewujudkan kebudayaan bagi menginsafi dan mentafsirkan nilai maklumat di negara ini.

Setakat ini kebudayaan ini sangat kurang, tetapi kalau kita tidak mengemaskinikan, mengkaji semula fungsi dan peranan BERNAMA, kita tidak dapat mewujudkan kebudayaan yang telah saya sebutkan tadi. Jadi, marilah kita hari ini mengkaji semula keadaan yang terdapat sekarang supaya pada masa akan datang kita dapat mewujudkan satu kebudayaan di mana rakyat Malaysia dapat menginsafi dan mentafsir serta menilai nilai-nilai maklumat yang diwujudkan di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang.

4.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk turut membahaskan suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan semalam, tujuan Akta Pertubuhan Berita Nasional ini dicadangkan adalah antara lain untuk memperkemas lagi beberapa peruntukan di dalam Akta, terutamanya tafsiran kepada berita dan bahan-bahan berita. Ianya juga untuk mengelakkan kesamaran dalam pemakaian istilah tersebut. Di samping itu juga dicadangan bertujuan untuk tidak membataskan kegiatan agensi berita yang tunggal di

negara ini daripada mencari keuntungan perniagaan dan juga untuk menggugurkan perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1948 dan mengubah komposisi majlis penyeliaan BERNAMA.

Sebelum pada itu, kita telah dengar macam-macam pandangan, khususnya pandangan-pandangan yang bersikap negatif daripada Pembangkang seperti contohnya Ahli dari Kepong tadi. Sukalah saya menyatakan di sini sebelum kita pergi dengan lebih lanjut mengenai dengan pandangan-pandangan tersebut, kita sedari bahawa BERNAMA merupakan satu badan ataupun Pertubuhan Berita Nasional Malaysia yang besar, yang tunggal dan telah ditubuhkan semenjak tahun 1967, yang hari ini kalau ditolak telahpun berusia lebih daripada 20 tahun, iaitu kira-kira 23 tahun. Persoalannya sejauh manakah peranan ataupun fungsi ini dapat dimainkan supaya menjadi suatu Pertubuhan yang dapat mempelbagaikan aktiviti berita dan juga maklumat dalam negara ini. Apa yang telah dinyatakan oleh pihak Kementerian dalam mencadangkan Rang Undang-undang ini untuk dipindakan, jelas sekali memperlihatkan satu sikap yang bertanggungjawab bagi membesarkan aktiviti berita dan maklumat supaya BERNAMA ini akan betul-betul menjadi suatu Pertubuhan yang dapat merangkumi citarasa negara, citarasa rakyat yang diselaraskan, berita-berita itu daripada luar negeri mahupun dalam negeri.

Pada Fasal 4 seksyen 3 Akta itu dinyatakan bahawa BERNAMA hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menerima masuk ke dalam Persatuan berita atau bahan berita daripada agensi berita luar negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dengan berita atau bahan berita.

Saya sangat setuju pemindaan subseksyen 3 ini dengan apa yang telah

saya bacakan tadi. Kita lihat hari ini berita-berita luar negeri banyak diterima oleh BERNAMA, bukan suratkhbar kecil-kecil seperti HAKAKAH atau sebagainya—tidak ada. Jadi berita-berita luar negeri ini saya mengharapkan akan mendapat suatu jaminan supaya berita-berita ini perlulah diambil, dikutip, disalin dan ditafsirkan, kemudian dimasukkan dalam berita-berita tempatan sesuai dengan falsafah serta tuntutan negara, cita-cita dan aspirasi rakyat. Berita-berita ini tidak seharusnya dalam bentuk yang sangat sembrono, dalam bentuk yang lebih kurang sahaja. Tetapi bila saya menyebut ianya perlu diselaras dan disesuaikan dengan falsafah dan cita-cita kebangsaan, cita-cita negara hendaknya ianya menjurusi semua bidang sama ada politik, sosio-ekonomi atau apa juga. Sebagai contoh kalau dewasa ini kita banyak menekankan soal pembangunan, soal kemiskinan, soal penderitaan, soal kedaifan rakyat negara ini dan juga soal menyusun semula masyarakat, soal perang membasmi buta huruf dan seumpamanya, maka berita-berita dari BERNAMA sehendaknya, seharusnya mestilah diasaskan kepada falsafah, bukan terikut-ikut, terbawa-bawa oleh citarasa Pembangkang khususnya, yang sentiasa dan mahu melihat negara ini dalam keadaan yang susah, yang boleh memening, menambahtokok lagi para pemimpin kita yang sentiasa berusaha supaya negara ini terarah dan terbawa kepada suatu jujuk yang menghendakkan negara ini sentiasa dalam aman, bahagia dan sejahtera.

Perkara yang kedua saya melihat iaitu pembahagian tugas, pembahagian kuasa, membahagi-bahagikan berita atau bahan berita yang diterima menurut subseksyen 3 kepada pelanggan-pelanggan di Persekutuan. Dalam aspek ini saya mencadangkan supaya pembahagian berita itu juga diwajibkan pada seluruh akhbar-akhbar termasuklah akhbar-akhbar nyamuk yang mempunyai (KDN), keluaran dalam negeri iaitu termasuklah WATANKah,

HARAKAHkah iaitu wajib sekurang-kurangnya memakai berita-berita daripada BERNAMA ini sekurang-kurangnya 1/3, kerana saya melihat dan sedar dewasa ini terlalu luas dan bebas berita-berita yang dimainkan oleh akhbar-akhbar ini, sehingga begitu baik sikap kita, maka banyaklah kenyataan-kenyataan diputarbelit, kenyataan-kenyataan daripada pemerintah, daripada Kerajaan dipusingkan. Maka saya percaya dan yakin dengan pembahagian berita-berita yang diwajibkan pada akhbar-akhbar ini mendapat KDN sekurang-kurangnya 1/3, maka rakyat tidak akan mudah terikut-ikut dan tertawan dengan dakyah dan fitnah yang dipakai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan point yang ketiga, iaitu yang disebut sebagai pindaan ini dibuat untuk menggugurkan perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1948 dan mengubah komposisi Majlis Penyeliaan BERNAMA.

Saya sangat setuju kerana pemakaian ini adalah pemakaian yang telah lapuk, yang dipakai semenjak sebelum merdeka 1957, iaitu dipakai pada tahun 1948 dan khabarnya dalam pembentangan yang telah dibentangkan oleh pihak Kementerian semalam menyatakan bahawa ada negara-negara yang tidak hadir kerana perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu itu mungkin lembek, lemah dan tidak bermaya. Maka seharusnya pindaan Rang Undang-undang ini disokong kerana yang penting bagi kita bukanlah mendasarkan seluruh berita, kehendak dan aspirasi negara ini kepada kehadiran beberapa kerat ahli-ahli di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu, tetapi mestilah didasarkan kepada citarasa, falsafah, kehendak, tuntutan dan juga matlamat negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan dalam hal ini biarlah kita membanyakkan berita-berita yang

bersifat tempatan, yang mempunyai berita-berita yang boleh dijadikan garis dan panduan. Umpamanya, berita-berita mengenai dengan pembangunan yang boleh dimainkan oleh wartawan, yang boleh kita fikir dan istilahkan kepada kewartawan pembangunan.

Saya juga mengesyorkan berita-berita biarlah banyak yang bersifat investigative, dengan izin, ataupun penyelidikan. Janganlah berita-berita ini banyak yang bercorak yang rasmi, yang *berstatus quo*, yang mementingkan kebesaran, yang mementingkan pingat-pingat, yang mementingkan lebel-lebel dan simbol-simbol sahaja. Biarlah pemikiran rakyat diarahkan ke arah pembangunan, ke arah menggunakan mental, ke arah menggunakan pemikiran, bukan ke arah mengagungkan sesuatu.

Kita sering melihat berita-berita memaparkan hiburan, berita-berita yang memaparkan keghairahan, berita-berita yang memaparkan pemujaan kepada sesuatu golongan sering dijadikan satu bahan yang utama. Kalaulah ini yang sering disogokkan kepada rakyat, kalaulah sering dihantui kepada rakyat maka saya kira otak rakyat, pemikiran rakyat tidak akan menjadi suatu pemikiran yang kreatif. Kita tidak mahu suatu hari nanti bila Kerajaan mungkin tidak berfungsi, bila segala-galanya diserahkan kepada rakyat, maka rakyat tidak tahu hendak buat apa akibat daripada sogokan-sogokan ataupun berita-berita yang bersifat sensasi, yang dipenuhi dan dicitarasakan kepada emosi semata-mata maka jadilah rakyat ini berfikiran pasif dan juga berfikiran beku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa BERNAMA ini mempunyai pelanggan yang agak terhad. Setahu saya hanya beberapa buah negeri sahaja yang menggunakan berita-berita nasional ataupun BERNAMA ini, antaranya Singapura, Indonesia dan juga Amerika, manakala BERNAMA yang dibuka di

Thailand telah ditutup, di Manila khabarnya tidak buka lagi.

Saya mencadangkan kalau berita-berita seperti Reuter, AP, UPI mendapat tempat yang begitu hebat dan juga mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja di tempatnya sendiri, di pejabatnya sendiri tetapi dapat menguasai secara global dunia ini, maka apa salah sekiranya BERNAMA ini juga dikisar dan diperhentikan berita-beritanya ke luar negeri. Banyak berita-berita Malaysia yang menarik, yang boleh orang Amerika, yang boleh orang Eropah, yang boleh orang Afrika mahupun orang Timur Tengah melihat serta menghayati berita ini. Contohnya, berita bagaimana Yang Berhormat Jelutong lempar buku Standing Order kepada Speaker Pulau Pinang.

Jadi, berita-berita yang seumpama ini boleh dijadikan panduan bagaimana biadapnya seorang tokoh yang dianggap tokoh oleh rakyat telah menggunakan budi bicara yang dangkal dan tidak baik untuk memuaskan hawa nafsu dan tindakannya ini. Berita-berita ini akan menjadi satu panduan, satu renungan kepada orang lain. Begitu jugalah bagaimana citarasa sebuah pertubuhan politik yang bernama APU—ataupun Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir gelar BT (Barisan Tiruan), dapat kita kemundangkan berita-berita ini disibar dengan secara meluas ke negara-negara lain seperti negara-negara yang telah saya sebutkan tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua yang baru, tahniah. Saya juga ingin menarik perhatian supaya berita-berita ini juga dikirimkan dari Malaysia ini ke negara-negara komunis, termasuklah negara Vietnam. Kalau Vietnam telahpun memulakan dagangan dengan kita, telahpun bekerjasama dari segi pengangkutan udara, minggu lepas kita lihat serombongan ahli-ahli

penerbangan Vietnam datang ke negara kita dan pihak Pengurusan MAS telah bersetuju untuk menambah bilangan penerbangan ke negara komunis, maka saya kira ideologi kita, demokrasi kita, boleh juga disalin dan disampaikan kepada mereka supaya komunis di negara itu janganlah terlalu subur, supaya teori 'Domino' mereka janganlah mengalir tumpah ke negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa dalam BERNAMA ada negeri-negeri yang mempunyai biro dan juga pewarta, tetapi bukanlah semua negeri-negeri itu mempunyai biro. Yang saya tahu di Kuala Terengganu ada bironya, di Johor Bahru pun ada bironya, di Kelantan pun ada bironya, di Kuching pun ada bironya, dan saya juga sedar ada beberapa biro tidak ada di negeri-negeri lain, maka kalau boleh janganlah hanya negeri-negeri tertentu sahaja yang mempunyai biro-biro tetapi di negeri-negeri yang lain juga diadakan biro ini. Tujuan saya menyebutkan ini supaya pemberita-pemberita kita di BERNAMA itu, kalau naik biarlah sama, kalau mendaki gunung, biarlah sama, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, tidak ada satu bentuk diskriminasi ataupun ketidak-samaan di dalam soal-soal kenaikan pangkat, pembahagian dan juga kecemerlangan masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, pada *Fasal 5*, Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen baru 3A yang berbunyi:

"3A. BERNAMA, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan boleh:

- (a) membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan menyatukan kepentingan-kepentingan, bekerjasama atau berusahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau
- (b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan

syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.”

Saya rasa kalau inilah satu hasrat murni, kenapa Akta ini dipinda?. Kalau kita lihat selama ini, bila disebut BERNAMA, tidak lain kerjanya hanya setakat buat berita, tulis berita, buat berita, tulis berita digelarkan pemberita. Tetapi tujuannya jelas, Akta ini dipinda iaitu untuk mencari laba, mencari keuntungan, untuk berniaga dan mengambil peluang-peluang yang didedahkan oleh Kerajaan pada hari ini. Ini satu hal yang sungguh baik, maka saya kira adalah sangat elok, sangat sesuai kiranya peluang ini digunakan sebaik mungkin. Saya mencadangkan supaya BERNAMA akan tubuh satu Jawatankuasa. Ini bukan kerja pemberita, nanti kalau pemberita hendak jadi peniaga, jadi hancur. Kalau pemberita sama hendak buat berita, lepas itu hendak berniaga balik, hendak berita, hendak berniaga, berita, berniaga—itu tidak boleh. Macam orang politik jugalah, tidak boleh - hendak berniaga, hendak politik, hendak berniaga, hendak politik, hancur. Politik, politik; berniaga, berniaga; pemberita, pemberita; berniaga, berniaga.

Apakah yang saya hendak maksudkan ialah dalam BERNAMA itu ada satu Jawatankuasa, atau ada satu badan, di mana BERNAMA boleh memfokuskan, boleh melibatkan diri dalam soal-soal perniagaan, misalnya membeli saham-saham, melibatkan diri dalam Bursa Saham Besar di Kuala Lumpur ataupun apa-apa contoh yang lain, tetapi jangan biarkan BERNAMA ini secara totalnya, secara induknya melibatkan diri keseluruhannya dalam berniaga, nanti dia lupa hendak buat berita, dia dok kejar keuntungan, kalau untung, lupa berniaga, kalau bankrap lupa juga berita-habis. Jadi, biarlah peluang-peluang ini diambil sokongan, diambil perhatian dan di samping itu saya mengesyorkan kepada pihak Menteri Kewangan, turutlah, berilah modal-modal, bantuan-bantuan yang tertentu seperti launching

grant atau berilah apa-apa geran sahaja supaya BERNAMA ini akan jadi satu badan yang tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan.

Saya begitu bersimpati dengan hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan yakni sudah sampai masanya pihak BERNAMA tidak lagi bergantung kepada Kerajaan. Setelah 23 tahun iaitu semenjak tahun 1967, pergantungannya sangat hebat. Kita tidak mahu kalau orang ramai sudah jadi subsidi, akhbar juga jadi subsidi. BERNAMA juga hendak bergantung kepada yang ada, maka peluang-peluang saingan perniagaan ini adalah terdedah di depan kita, maka jadikan Akta 3A di bawah Fasal 5 ini sebagai suatu yang boleh dimanfaatkan oleh BERNAMA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat dan juga sedar bahawa ANEX, iaitu sebuah agensi pertukaran berita-berita ASEAN tidak begitu berkesan. Hari ini kerjasama dalam bentuk ekonomi, di bawah konsep ASEAN adalah agak sederhana, kalau tidak lemah ataupun membanggakan. Tetapi dari segi ANEX, ataupun agensi pertukaran berita-berita ASEAN ini, kita lihat ianya tidak boleh dikatakan pada suatu tahap yang memuaskan, kecuali dalam bentuk berita. Tetapi dalam bentuk salinan fotografi, dalam bentuk salinan data ekonomi, komoditi dan kewangan, bahan-bahan ini masih lagi di tahap yang agak rendah, iaitu kurang daripada apa yang diharapkan. Ini boleh ditingkatkan, kerana kita dalam konteks kerjasama ASEAN, saya kira peranan akhbar begitu penting. Peranan akhbar bagi mempengaruhi masyarakat setempat dan juga serantau begitu penting. Malahan saya turut mengesyorkan supaya data ekonomi, komoditi dan kewangan, sebagaimana yang disarankan di bawah Fasal 3, Seksyen 2 ini biarlah disentuh betul-betul.

Kita hari ini tidak perlu lagilah banyak berita sahaja, tetapi kita kekurangan

data-data ataupun sumber-sumber rencana yang boleh menyokong bahan-bahan ilmiah yang boleh dijadikan skrip-skrip intelektualisme ataupun skrip-skrip yang intelek untuk diberikan kepada rakyat kita yang dahagakan pemikiran-pemikiran yang tinggi tahapnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pada Fasal 7, Seksyen 7 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (d) subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(d) Naib Canselor mana-mana satu Universiti dalam Persekutuan;"

Masa Akta ini digubal ketika itu dinyatakan bahawa hanya satu sahaja Universiti yang ada iaitu Universiti Malaya. Maka di bawah Universiti Malaya inilah digunapakai seorang yang tarafnya duduk pada taraf Naib Canselor dilantik menjadi anggota Majlis Penyeliaan BERNAMA. Hari ini bukan satu Universiti. Kita ada 8 Universiti kalau campur dengan ITM, dia telah jadi 9. Orang pandai ini bukan seorang—ramai, Naib Canselor bukan seorang—ramai. Tambah-tambah kalau hendak harapkan kepada Naib Canselor Universiti Malaya sekarang ini, saya persoalkan kredibilitinya. Jadi, saya menyokong penuh agar seluruh Naib Canselor-Naib Canselor yang ada seperti daripada UTM, UKM, USM, UUM, ITM, UIA turut ditokok-tambah menjadi sebahagian anggota Majlis Penyeliaan BERNAMA. Hendaknya Majlis ini bukan berfungsi untuk menjadi rubber stamp semata-mata ataupun bahan "stamp pad", tempelan semata-mata. Tetapi disyor dan digalakkan supaya turut. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta

penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya dengar tadi beliau mengatakan beliau kurang bersetuju kalau Naib Canselor Universiti Malaya dipilih menganggotai Majlis yang bakal ditubuhkan mengenai dengan Pertubuhan Berita Nasional ini. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Marang apakah beliau bersetuju kalau Profesor Dr. Syed Hussein Alatas yang menjadi Naib Canselor Universiti Malaya itu dipilih dan kalau tidak bersetuju, kenapa, sebagaimana yang disebutkan tadi kerana Profesor ini sekarang ini menjadi Naib Canselor sebuah Universiti yang besar dan BERNAMA ini saya kira lebih kecil kalau hendak dibandingkan dengan Universiti Malaya. Kalau dia layak di Universiti Malaya bagaimana pula dia tidak layak di BERNAMA. Bagaimana pendirian Ahli Yang Berhormat dari Marang, apakah beliau bersetuju kalau saya katakan bahawa Naib Canselor Universiti Malaya itu perlu meletak jawatan, sebab kalau tidak dia layak menganggotai BERNAMA, sebab BERNAMA lebih kecil daripada Universiti Malaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi supaya Naib-Naib Canselor daripada Universiti yang lain turut ditambah dan ditokokkan. Kepada Naib Canselor yang ada, saya ingat orang telah faham sikap dan pendirian saya, jadi jawapan itu berada kepada sikap dan pendirian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh iaitu sepanjang perbahasan yang telah dikemukakan oleh Pembangkang, kita melihat hujah-hujahnya adalah hujah-hujah yang ketandusan dan juga tidak berakar umbi kepada keadaan yang sebenar.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka, dia 'dok' menyebut bahawa Kerajaan cuba sekat kebebasan kepada akhbar-akhbar. Diceritanya soal-soal penyelewengan dalam CCB, soal-soal

bijih timah, soal-soal MAMINCO, soal-soal UMBC termasuklah juga kepada PERNAS dan seumpamanya. Maka Ahli dari Kota Melaka ini telah melihat dan juga cuba meracuni Dewan ini konon-kononnya BERNAMA ini adalah tidak adil. Kenapa tidak dijelaskan tentang soal-soal lain yang diberitakan. Kenapa tidak dinyatakan soal pembangunan ekonomi, politik, sosio, pendidikan, agama malah soal-soal berita Pembangkang pun turut dimasukkan dalam soal-soal ini. Tetapi kerana kita sifat sebagai Pembangkang, maka kita tidak bersikap rasional. Malah saya sangat sedih bila melihat daripada Yang Berhormat Kepong sendiri daripada hujahnya pada petang ini tidak ada cerita-cerita lain, hanya menceritakan bahawa BERNAMA tidak mempunyai kredibiliti, BERNAMA tidak mempunyai akauntabiliti, tidak mempunyai tanggungjawab dan diletakkannya bahawa BERNAMA juga tidak mempunyai profesionalisme dan sebagainya. Inilah merupakan soal-soal yang kita kira tidak patut diberitakan ataupun dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kami merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada BERNAMA terutama anggota-anggotanya yang ada, yang berjumlah kira-kira 30 orang ini, yang bekerja siang malam bertungkus-lumus untuk menyebarkan berita dan maklumat. Maka saya kira suatu bentuk tanggungjawab sudahpun diberikan kepada masyarakat dan negara. Cuma yang saya fikir anggota-anggota yang ada dalam kira-kira 30 orang ini perlulah ditambah, ditingkatkan lagi, diambil dan ditokokkan lagi mana-mana yang kurang.

Begitu juga pihak Yang Berhormat Kepong mempersoalkan tentang kononnya tidak ada kebebasan yang wujud. Kalau tidak ada kebebasan yang wujud, maka saya kira berita-berita tidak disiarkan mengenai dengan cerita-cerita DAP bagaimana DAP saman Sultan

Selangor; bagaimana anggota DAP lempar buku kena Speaker; Speaker tidak saman kepada Polis pun; bagaimana isu-isu yang dibuat mengenai dengan pakaian di UTM; bagaimana isu-isu kerjasama dengan Semangat 46 hendak menumbangkan Kerajaan, ketua dia termenung sahaja pada petang ini; dan macam-macam berita-berita yang lain. Maka saya kira biarlah cakap kita itu berjalan atas dasar yang logik dan juga munasabah.

Kemudian dinyatakan pula bahawa perlulah negara ini mempunyai suatu bentuk sistem penerangan umum untuk mendapatkan maklumat yang mudah dan dinyatakan bahawa Perdana Menteri sampailah kepada orang bawah ini sentiasa menggunakan Akta Rahsia Rasmi kerana hendak cegah, hendak sekat dan sebagainya. Saya kira ini adalah merupakan suatu hujah yang tidak berasas. Kalaulah Kerajaan hendak sekat kegiatan-kegiatan akhbar, maka tidak akan lahirnya Rocket, tidak akan lahirnya Harakah, dan juga tidak akan lahirnya aktiviti-aktiviti Pembangkang.

Saya kira kerana mendedahkan hal-hal yang sebenar, maka ada sebilangan orang khususnya parti PAS yang tidak senang dengan keadaan ini, sanggup dia himpun berita-berita, mungkin berita-berita itu yang dimasukkan oleh BERNAMA, dihimpunnya sampai suratkhbar pun dibakar dua kali. Baru-baru ini dibakar pula, apa nama ketua itu, Mat Sabu—bakar pula lagi sekali. Jadi, tindakan yang kebudak-budakan, tindakan-tindakan yang tidak rasional ini seharusnya tidak berlaku dalam arus pemodenan pemikiran, dalam arus perkembangan persuratkhbar di Tanah Melayu. Kita tidak lihat lagilah orang bakar surat khbar semenjak zaman Mastika dahulu, sejak zaman Majalah Filem sampailah hari ini—Majalah Filem itu lama—sampailah akhbar-akhbar yang lain kecuali apa yang dibuat oleh parti PAS. Saya minta parti PAS yang bakar suratkhbar, yang bermakna juga bakar berita BERNAMA

ini tidak payahlah baca suratkhobar— Utusan Malaysia jangan baca, Berita Harian jangan baca, The New Straits Times jangan baca.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli dari Pengkalan Chepa berdiri hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang Berhormat dari Marang itu mengatakan sekejap tadi beliau tidak pernah dengar dan tidak pernah tahu orang bakar akhbar. Saya ingin tahu beliau pernah tahukah orang bakar video? (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Orang cerita berkenaan surat khabar, dia pergi video. Kenapa tidak tanya macam ini, “Tidak pernahkah dengar cerita orang bakar Rahman Bakar.” Ada minat video, nantilah saya tunjuk. Saya ingat bagus juga bakar video ini, kalau tidak bakar video, tidak ada Speaker kita yang baru itu, handsome itu di atas itu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kebudak-budakan, tindakan yang tidak munasabah ini seharusnya tidak berlaku dan kita merakamkan rasa kesal yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong supaya BERNAMA ini ada ataupun wujud satu bentuk kebudayaan nilai maklumat. Setakat ini dia kata nilai kebudayaan yang kurang, saya tidak faham apa bentuk kebudayaan yang dikehendaki tetapi yang saya faham bentuk kebudayaan yang dikehendaki oleh DAP ini khususnya adalah satu bentuk kebudayaan yang cacamurba, satu bentuk kebudayaan yang ingin melaga-

lagakan, satu bentuk kebudayaan yang tidak bertunjangkan kepada roh serta akar umbi semangat dan citarasa penduduk tempatan, satu bentuk kebudayaan yang saya lihat berkiblatkan bukan kepada satu akar umbinya di Kuala Lumpur ataupun kiblarnya di dunia nusantara sebelah sini, Kuala Lumpur sendiri, tetapi adalah satu bentuk kebudayaan rojak, satu bentuk kebudayaan yang tidak betul, yang ikut suka pakai hati sahaja.

Jadi, saya minta BERNAMA jangan terpengaruh dengan soal-soal ini. Saya minta BERNAMA mempunyai satu bentuk kebudayaan yang mana kebudayaannya juga mempunyai asas dan citarasa kepada negara ini sendiri di mana bentuk budaya pribumi seharusnya tidak ada tolak ansur, menjadi satu bentuk budaya yang kekal abadi dengan tidak lupa mengambil roh-roh kebudayaan, cara-cara hidup, sistem hidup budaya-budaya yang lain untuk disaring, diubahsuai dan dipakai dalam budaya negara ini sendiri. Jadi, kalau kita ikut bentuk cara dan ajakan DAP daripada Kepong tadi maka hancurlah budaya, akan hancurlah negara. Sehingga hari ini kita sedar bukan sahaja bentuk budaya yang dilihat cacamurba, sistem politik apa yang hendak direncanakan hari ini pun kita melihat cacamurba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai kesimpulan saya sangat-sangat menyokong kepada Akta ini kerana Akta ini antara kesimpulannya adalah untuk mempelbagaikan aktivitinya dalam industri berita dan maklumat untuk kepentingan negara dan BERNAMA sendiri. Maka adalah diharapkan pindaan-pindaan yang dibuat ini bukan sahaja diluluskan tetapi seharusnya disambut baik, dilaksana dan dipraktikkan oleh pembawa-pembawa, pemimpin-pemimpin, pengarah-pengarah khususnya dalam BERNAMA sendiri dan kita mengharapkan juga Kementerian Kewangan akan tidak segan-silu, tidak ragu-ragu untuk

memberikan bantuan dalam bentuk moral ataupun dalam bentuk yang lain kepada menjayakan Akta yang dipinda ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.23 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Pertama saya, insya Allah, tidak akan meleret-leret dan akan tumpukan kepada apa yang saya ingin sampaikan mengenai dengan pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, maksud dan cadangan untuk meminda Rang Undang-undang ini terkandung, pertama dalam Fasal Kedua iaitu bertujuan untuk meminda mukadimah Akta bagi membolehkan BERNAMA berhenti daripada berfungsi sebagai satu pertubuhan yang bukannya untuk mendapat keuntungan. Itu pertama, walaupun dalam Fasal yang kedua yang saya akan sebut sekejap lagi. Kalau inilah niat kita menyambut baik sebab selama ini BERNAMA memang bergantung kepada sokongan kewangan daripada pihak Kerajaan sehingga perbelanjaan setiap tahun hampir \$15 juta, manakala BERNAMA sendiri terpaksa meminjam sebanyak \$16.5 juta daripada Bumiputra Merchant Banking bagi menampung kegiatannya. Maka mungkin kerana masalah inilah BERNAMA sekarang ini dicadangkan bukan lagi sebagai satu pertubuhan yang semata-mata membelanja tetapi juga memikirkan bagaimana boleh pertubuhan dan agensi yang selama ini ditanggung oleh Kerajaan berdikari dan mampu menampung perbelanjaannya

sendiri. Saya kira dari segi niat memang baik dan kita menyokong dan kita berharap dengan niat seperti ini BERNAMA tidak akan lagi bergantung kewangan yang banyak dengan pihak Kerajaan.

Untuk mengatasi masalah ini saya dapati Fasal 5 diberi peruntukan di mana dengan kelulusan Menteri Penerangan dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan dengan mana-mana orang atau untuk menubuh atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan syarikat. Ini kaitannya yang saya harap pihak BERNAMA, baik pihak Menteri yang bertanggungjawab, mestilah berhati-hati. Jangan kita menyebut di sini hendak buat keuntungan yang selama ini kita dengar hendak buat untung, akhirnya rugi dan memang banyak faedahnya nanti.

Saya percaya ada lagi orang yang akan dapat peluang seperti durian runtuh kerana banyak perniagaan sekarang ini sudah pun dikorporatkan, seperti bagaimana permit teksis dikorporatkan kepada satu syarikat besar dan orang hendak mesti minta dengan syarikat itu. Contoh, mungkin satu hari lagi orang hendak buka gerai-gerai diberi lesen kepada satu orang dan orang ini hendak buka gerai kecil-kecil mesti minta dengan syarikat itu, samalah juga dengan BERNAMA ini nanti hendak kutip iklan mestilah kutip dengan satu iklan yang dipersetujui oleh BERNAMA dan orang lain menagihlah di tempat itu. Ini trend yang ada sekarang di mana sebenarnya dari segi peluang-peluang di mana terutamanya di kalangan orang-orang bumiputera Melayu yang ada \$2,000, \$3,000 boleh berniaga pun kadang-kadang kita nampak dihalang begitu rupa dengan trend dan aliran yang baru ini.

Yang saya ingin tekankan ialah supaya apabila mendapat kelulusan untuk mengadakan perniagaan dan sebagainya, berhati-hatilah dan

janganlah pilih kasih, go on merit, tetapi memang dalam Dasar Ekonomi Baru kita yang lemah mesti ditolong tetapi jangan pula tolong atas semata-mata tolong kerana tidak mengira dari segi kemampuan dan sebagainya dan kalau hendak tolong mesti bantu, bukan setakat tolong, lepas itu lepas tangan, yang akhirnya banyak perkara yang kita lihat selama ini gagal dan sebagainya. Ini hasrat BERNAMA. Memang baik kita mengalu-alukan tetapi janganlah pula selepas ini dapat peluang nanti orang itu juga yang kita dengar, orang yang sama juga yang kita dengar, kumpulan itu juga yang dapat. Biarlah apa pun kita buat merujuk kepada perbahasan Akta ini supaya rezeki yang diturunkan oleh Allah ta'ala di muka bumi ini dinikmati oleh semua makhluk yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 2 yang dimaksudkan dalam Huraian di atas cadangan pindaan Rang Undang-undang ini iaitu pindaan ini juga bertujuan untuk memotong peruntukan yang memperuntukkan bahawa BERNAMA hendaklah berpandukan kepada Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah motif dan tujuannya pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memotong peruntukan ini, Perisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu ini, apakah rasionalnya, apakah kerana Perisytiharan-perisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu yang bercakap soal kebebasan akhbar, kebebasan kewartawanan, kebebasan penerangan ataupun sebagainya, apakah maksud, apakah cita-cita dan hasrat BERNAMA. Saya bukan hendak mengungkit soal kredibiliti, cuma saya ingin mencadang bagaimana BERNAMA boleh menjadi sebuah agensi berita yang dihormati di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Macam mana kita hendak jadikan BERNAMA ini sebuah agensi yang dihormati seperti ANTARA, seperti Philippine News Agency ataupun seperti

pertubuhan-pertubuhan agensi berita yang lain yang pernah kita dengar, macam mana, iaitu membaiki dari segi fungsi dan peranannya.

Soal kebebasan akhbar ini memang sudah lama pernah dibahas. Tadi kita dengar beberapa wakil pun sudah dibahas. Saya percaya sebelum saya lahir tahun 1951 pun kebebasan akhbar ini pun sudah dibahas, bukan baru, sudah beribu, bertimbun kertas kerja dibuat mengenai dengan kebebasan akhbar ini, memang sudah beribu. Sampai sekarang pun kita bercakap soal kebebasan akhbar dalam konteks dan pandangan masing-masing. Saya hendak pergi kepada jalan yang tengah mengikut takrif dan fahaman saya. Bila bercakap soal kebebasan akhbar, soal kredibiliti dan sebagainya ada orang menganggap seolah-olah macam saya yang mewakili Semangat 46, baik daripada Parti PAS, baik daripada Parti DAP ataupun Pembangkang yang lain, sekarang ini tidak senang dengan akhbar-akhbar harian yang ada.

Manakala seolah-olah diberi gambaran bahawa akhbar mingguan kita tidak ada apa-apa. Sehingga ada cadangan tadi supaya Kerajaan menyemak akhbar-akhbar mingguan harian, tabloid harian. Saya hendak jelaskan di sini bukan sahaja akhbar harian, malah akhbar-akhbar mingguan yang juga memberi tempat dan berita sedikit—sebanyak kepada parti Pembangkang pun kita tidak senang hati. Bukan bererti berita-berita yang dikeluarkan dalam akhbar-akhbar mingguan ini pun berketetapan dengan apa yang kita kata, apa yang kita ucap. Cuma tinggal lagi ada berita bagi pihak parti pemerintah, ada sedikit untuk parti Pembangkang. Kerana itu sahaja. Tetapi dalam akhbar harian langsung tidak ada. Dan kita bukan menageh berita ini. Tidak masuk suratkhbar pun tidak mengapa, tidak masuk berita pun tidak mengapa. Sebab kalau muka handsome, pergi ke mana-mana pun handsome situlah. Tidak

ada masalah kita tidak masuk suratkhobar. Yang menjadi masalahnya ialah berita itu diputarbelitkan. Kenyataan Yang Berhormat dari Gua Musang, tidak masuk tidak mengapa, tidak menjadi masalah tidak masuk, tetapi tinggal lagi jangan putarbelit. Berita yang baik tidak masuk, berita yang dia tidak kata, masuk.

Saya hendak beri contoh. Kalau orang lain boleh beri contoh, saya hendak berita contoh hanya sekadar untuk renungan kita bersama. Kenyataan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengenai dengan pertolongan kepada orang-orang Melayu, dikecam begitu rupa, manakala teks yang dikeluarkan kita baca tidak begitu. Tetapi jawapannya tidak sebegitu besar sebagaimana kecaman. Waktu Yang Teramat Mulia Tunku pergi ke Perhimpunan Agung UMNO (Baru), wah! besar suratkhobar. TV pun besar, hendak keluar tandas pun masuk TV. Bila Tunku pergi ke Perhimpunan Semangat 46, ini sudah tidak betul. Itu maksudnya. Tidak mengapalah tidak ada masalah, jangan putarbelit. Sama juga kenyataan yang dikeluarkan, ada Yang Berhormat dari Gua Musang bercakap soal manifesto Barisan Nasional dalam Pilihanraya yang lalu dan tujuan untuk menghakis kewibawaan seorang pemimpin, cuba hendak diperkecilkan dibesarkan dalam suratkhobar. Penjelasan dibuat tidak masuk. Mana dia keadilan? Sebab itu timbul sikap protes, bukan hendak bakar. Sekarang ini bukan bakar suratkhobar. Kalau kita tidak erti jaga perasaan rakyat, bukan suratkhobar yang dibicarakan. Kecil sangat bab suratkhobar ini. Pada pandangan saya kecil sangat. Bukan isu, tetapi inilah yang menyebabkan titik bengek, yang menyebabkan rakyat naik marah. Saya hendak peringatkan.

Contohnya di Muktamar PAS, memanglah ada di kalangan bila waktu berlangsung dicerita macam mana soal pakatan Semangat 46 dengan DAP, lepas itu DAP pula dengan Semangat 46.

Macam mana Semangat 46 dengan PAS. Kenyataan beberapa orang pemimpin telah dikelirukan, akhirnya menyebabkan naik kemarahan. Ada seorang dua pekit rasa protes itu, Wah! ini dia Parti PAS, ini dia parti Pembangkang hendak bakar orang suratkhobar. Suratkhobar Utusan Malaysia pula lukis gambar buat barbecue. Saya percaya ini timbul lagi kemarahan rakyat. Kalau kita arahkan suratkhobar untuk memainkan peranan menjaga ketenteraman, menjaga perpaduan, sepatutnya kita tidak menggalakkan perkara itu keluar. Sebenarnya begitu! Kita pun tidak senang. Sama juga suratkhobar. . . .

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini bila nak bercakap mulalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Berilah.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya tidak berhajat ganggu dia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pasir Mas.

Tuan Zubir bin Embong: Pasir Mas. Fasal Ahli dari Gua Musang dengan Ahli dari Pasir Mas itu lebih kurang sahaja (*Ketawa*). Saya sebenarnya tidak berhajat hendak ganggu dia. Saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana perlantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan apakah Yang Berhormat dari Pasir Mas ini address, dengan izin, kepada Utusan Malaysia, kepada Berita Harian, kepada New Straits Times dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat

tidak pernah membuat juga satu penilaian terhadap apa yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar lain, misalnya Watan, misalnya yang menjadi lidah rasmi Semangat 46 ataupun Harakah? Sepatutnya perkataan Ahli Yang Berhormat itu bukanlah hanya ditumpukan kepada Berita Harian, kepada Utusan Malaysia, tetapi biarlah tumpu bersama kepada akhbar-akhbar ini. Biarlah ada pertimbangan yang baik, yang wajar sesuai dengan semangat untuk memperbincangkan keadilan. Jadi, nampaknya serang Utusan Malaysia sahaja. Jadi seolah-olah apa yang ditulis oleh pemberita-pemberita itu sudah dirancang semacam remote control.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Utusan Malaysia itu adalah remote control oleh pemimpin-pemimpin politik, kita juga boleh menuduh bahawa Watankah, Harakahkah adalah remote control. Jadi, soalnya sekarang ialah yang kita bentangkan hari ini, yang dibahaskan untuk meningkatkan etika kredibiliti. Jadi, kalau hendak serang, janganlah serang satu, kena seranglah dua-dua. Mentang-mentang Watan itu jaga Semangat 46, saya nampak tidak sentuh sedikit pun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah dengar permintaan dan penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Kalau dia dengar apa yang saya bercakap tadi tentu dia tidak akan bangkit soal tadi. Sebab itu, kalau saya interview beliau, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu menjadi wartawan, sah tidak lulus. Sebab saya sudah menyebut awal-awal lagi tadi.

Tuan Zubir bin Embong: Saya pun tidak berhajat hendak menjadi wartawan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab Yang Berhormat dari Kuala Terengganu Ahli Yang Berhormat. Saya hanya menyebut dari segi perbandingan. Saya sudah sebut daripada awal tadi. Saya kata suratkhbar harian, mingguan pun

begitu juga, suratkhbar mingguan pun begitu juga. Dan saya hendak menyebutkan Watan bukan lidah rasmi Parti Semangat 46, dan kita tidak pernah menagih untuk masuk berita dalam Watan. Tetapi kita tahu kenapa Watan menyiar berita Semangat 46 melaporkan sedikit-sebanyak. Dan banyak juga berita-berita pemimpin-pemimpin politik yang mewakili Kerajaan penuh dalam suratkhbar Watan. Macam Harakah itu lidah rasmi Parti PAS. Tetapi Watan yang diberi KDN oleh Kementerian Dalam Negeri, bukan bererti lidah rasmi Parti Semangat 46, tidak. Ini saya hendak buat penjelasan.

Saya kata tadi ada keluar berita dalam akhbar ataupun mingguan yang mengenal dengan Parti Semangat 46 ataupun dengan kenyataan pemimpin-pemimpin nampak sahaja keluar headline. Apabila kita baca isinya kita pun tidak senang hati. Kita mengakui ada juga apa yang kita tidak kata pun dia tulis. Ini kita kena akui. Dan sama juga kalau kita tuju kepada akhbar mingguan sama juga dengan akhbar harian. Yang kita tekankan ialah kalau timbul masalah pergolakan dalam masalah politik sekarang ini biarlah di kalangan masyarakat pemimpin politik dan akhbar-akhbar ini kalau ia bercakap menyebar fikiran rakyat ke arah perpaduan, mereka tolong memainkan peranan merapatkan jurang perpaduan ini mengurangkan sensitiviti, tetapi ada lagi yang membesarkan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Setiausaha Parlimen bangun—patutnya dia boleh jawab selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun hendak minta apa?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Ini masalah Tertib Mesyuarat Perkara 36(1). Sekarang kita bincangkan

masalah Akta, perubahan Berita Nasional Malaysia 1967, kita bincangkan perkara yang tertentu, tidak kita bincang soal akhbar-akhbar dan sebagainya. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Pengerusi membuat ruling Perkara 36(1), 'seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tolong tumpukan kepada Rang Undang-undang yang kita bentangkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan membantu Tuan Yang di-Pertua, sebab dia kira Tuan Yang di-Pertua baru dilantik, dia menegur saya. Jadi, terima kasihlah (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang saya berbincang mengenai dengan Rang Undang-undang ini. Maksudnya sedikit pandangan dan perbincangan tadi kerana sebagai contoh, kerana BERNAMA ini ialah Pertubuhan Berita Nasional yang membabitkan kerja-kerja di sini, berita, fotograf, rencana dan sebagainya, jadi kita kemukakanlah pandangan seperti ini supaya benar-benar BERNAMA boleh berfungsi sebagai sebuah agensi yang berwibawa, yang dihormati yang boleh memainkan peranan mewujudkan suasana yang lebih sihat dalam negara kita ini. Dan apabila kita sebut tadi soal kebebasan, kebebasan yang saya maksudkan ini berasaskan kepada prinsip moral, prinsip akhlak, adil dan sebagainya. Sebab kalau kita kata bebas, kalau hendak keluar berita bogel pun boleh, ini bebas orang kata, saya tidak setuju saya tarik balik perkataan tadi. Cuma maksudnya, saya tidak setuju, saya hendak cadang kepada BERNAMA

tidak usah habiskan filem, tidak usah habis telex, kita bawa masuk berita pertandingan ratu cantik dunia.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak habis.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Perkara yang kita bincangkan hari ini berkenaan dengan Rang Undang-undang ataupun Bill yang hendak dikemukakan. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada yang silap ini Bill ataupun yang silap ini laporan daripada akhbar-akhbar ataupun yang sekarang ini sudah bertukar pemikiran pembaca akhbar itu sendiri?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini saya boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bolehkah benarkan saya berucap sampai jam 6.30 petang. Bolehkah dibenarkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tolong singkatkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau singkat, boleh saya jawab semua. Boleh dijawab. Soalnya yang mengenai bab Bill ini saya sentuh. Maksud pandangan tadi dari segi penjelasan untuk menyokong ataupun memberikan pandangan bersabit dengan Rang Undang-undang ini. Saya hendak jawab bab itu sahaja. Jadi, saya katakan tadi tak usahlah dibanyakkan, sebab saya tak tahu mungkin akhbar harian dapat berita-berita bergambar bersabit dengan pertandingan ratu cantik ataupun kegiatan-kegiatan yang kita rasa tak ada memberi manfaat. Mungkin diambil daripada akhbar-akhbar lain. Tetapi banyak juga daripada BERNAMA, mungkin. Jadi, saya rasa tak usahlah membazir dalam bab-bab seperti ini.

Saya tidak hendak tengok, Tuan Yang di-Pertua, seperti baru-baru ini sewaktu kita bersedih atas kematian Allahyarham Tun Hussein Onn—31hb Mei, jenazah tiba, dikebumikan pada hari Jumaat.

Pada malam 31hb, bukan main siaran dengan Miss All Nations. TV3—lebih kurang pukul 8.30 malam saya difahamkan menunjukkan tayangan Miss All Nations, entah apa pakaianya, Tuan Yang di-Pertua, kalau pakaian mandi itu bikini, tetapi ini mandi pun tidak, sebab diperut itu tidak ada. Saya pun tak erti hendak sebut apa bahasa, pakaian apa ini. Bukankah ini memalukan apabila kita menghormati seorang tokoh seperti Tun Hussein Onn? Ini contohnya, sebab kita bercakap soal kebebasan, tetapi bebas dalam erti kata yang berasaskan pada prinsip moral, prinsip keadilan. Ini yang dimaksudkan. Itu saya beri contoh.

Jadi, saya kira cukup sekadar itu pandangan saya yang ikhlas bersabit dengan Rang Undang-undang Berita Nasional Malaysia dan suka saya maklumkan di sini dalam rumusan apa yang saya huraikan tadi. Oleh kerana sikap kita yang berasa tidak senang dengan berita-berita yang dilakukan oleh akhbar harian. Memang kita sudah buat keputusan bagi pihak Parti Semangat 46, PAS dan mungkin parti DAP, parti Pembangkang, memang kita akan teruskan boikot akhbar harian. Boikot ertinya, saya hendak maklumkan kepada pemberita-pemberita, kita bukan salahkan kepada pemberita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cukuplah, saya hendak habiskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri jalan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi

Yang Berhormat mengatakan bahawa beliau akan memboikot akhbar-akhbar harian. Jadi, saya hendak tanya akhbar harian yang mana yang dia boikot, sebab kita pun tahu juga, boikot banya perkara boikot, tetapi baca tetap baca.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soal boikot ini, saya hendak sebutkan akhbar yang kita boikot ialah Straits Times and Groups, Utusan and Groups, kerana ini akhbar-akhbar harian. Apabila kita sebut boikot, ertinya bagi kita, kita sudah mengarahkan ahli-ahli penyokong kita supaya tidak lagi membeli akhbar ini, tetapi tak apalah, bolehlah, kerana penyokong UMNO banyak dan yang kedua....

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan sedikit, bolehkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Banyak gangguan, saya tak beri jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri jalan, sila duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak bertanya, akhbar STAR, selamat tak?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Akhbar-akhbar lain, walaupun kita tak senang hati, tetapi bolehlah, okaylah. Tetapi cuma akhbar harian ini, kita tegaskan, kita boikot. Boikot ertinya kita bukan marah dan bermusuhan dengan wartawan. Cuma saya hendak nasihatkan, wartawan-wartawan supaya tidak menghabiskan masa. Di mana sahaja Presiden Parti Semangat 46 berucap di mana-mana, tak usahlah lari cari berita untuk dapatkan komen. Mulai daripada sekarang, kita tidak akan bercakap dengan akhbar-akhbar ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak berucap?

Tuan Lim Kit Siang: Semenjak awal lagi saya sudah berdiri untuk berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tak benarkan saya berucap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi tak ada disebut, adakah ini menunjukkan ketidakadilan yang mana terus naik, sudah tidak adil. (*Ketawa*) Tadi saya sudah berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua. . .

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya mahu tanya, kenapa saya tidak dibenarkan berucap kerana tak ada pengumuman.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk semua!

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya masa telahpun diberi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang dan juga dari parti Kerajaan untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dan selepas kita berbahas, saya rasa sudah sampai masanya untuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

Sebab kita ada lagi beberapa Bill yang akan dibentangkan dan dibahaskan kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu hadkan masa, patut diberitahu dahulu, bukan dengan serta merta berhenti. Ini tidak adil dan saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua yang baru memulakan tugasnya dengan adil. Kita setuju, mungkin ada masa yang perlu untuk menghadkan perbahasan, tetapi saya minta bahawa sebelum satu sekatan dibuat bahawa notis diberi secara awal. Dengan sebab notis itu tidak dibuat, saya minta supaya saya dibenarkan untuk berucap dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat, saya rasa ada masa dan peluang lagi untuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dan tuduhan ataupun dakwaan Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa tidak patut, oleh kerana keputusan yang saya buat itu tadi adalah keputusan yang muktamad. Saya mempersilakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak adil kerana mana ada peluang yang lain lagi selain daripada Rang Undang-undang BERNAMA. Saya harap untuk kali yang terakhir bahawa satu kajian boleh dibuat memandangkan oleh kerana tidak diberi notis sebelum itu bahawa saya boleh dibenarkan membahaskan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, DAP kecewa kerana dia kalah bertanding.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya buat satu permintaan yang adil.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point or order 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Satu demi satu ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44 (1). Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang Ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah Ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan Ahli itu suruh berhenti bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu peluang untuk bercakap (*Disampuk*). . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia kalah bertanding semalam.

Tuan Lim Kit Siang: Ini kalah kerana kehadiran sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjung dan dari Marang, sila duduk! dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu tadi, saya tetap akan mengambil perhatian.

Tuan Lim Kit Siang: Perhatian, benarkan saya terus bercakap. Kalau ambil perhatian, benarkan saya terus bercakap. Kalau ambil perhatian tetapi tak mahu benarkan saya bercakap, itu hal yang lain. Kalau mahu adil, start dengan adil. Kalau tak mahu adil, start dengan tidak adil. Itu lain hal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh duduk. Ini sikap Tuan Yang di-Pertua yang baru, boleh, kita faham. Kita ambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, saya selaku Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 43, keputusan saya adalah keputusan muktamad dan untuk menjimatkan masa, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila menjawab. Dipersilakan.

Tuan Lim Kit Siang: Muktamad bukan bererti tidak ada masa. Ini sebab kita tidak setuju, oleh sebab kita tidak tahu keputusan tidak adil yang akan timbul apabila masa diberhentikan tanpa notis. Itulah tidak adil Tuan Yang di-Pertua yang baru. Kita mahu tengok kelakuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Itu tunjuk kelakuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dipersilakan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itulah tunjuk keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak berubah. Baiklah, tak apa, rakyat faham seorang Yang di-Pertua yang begitu adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk! Jangan buat dakwaan yang terpesong.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahas-

kan cadangan pindaan Akta ini. Saya mengucapkan terima kasih khususnya kepada saudara saya Yang Berhormat dari Marang, yang telahpun membantu saya menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil daripada DAP, Kota Melaka, Kepong dan Kuala Lumpur Bandar.

Saya tidak berhajat untuk menjawab kesemua tuduhan, ataupun kesemua perkara yang ditimbulkan secara satu persatu. Saya rasa memadai kalau saya sentuh kemusykilan yang ditimbulkan secara umum.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap nampaknya bimbang tentang kemungkinan berlaku dua perkara. Pertama, dengan kelulusan pindaan Akta ini nanti, BERNAMA mungkin akan bertukar corak yang ada sekarang sebagai sebuah agensi berita yang bertanggungjawab dan berwibawa.

Kedua, dengan memberi hak eksklusif bagi BERNAMA mengedarkan berita-berita luar negeri, BERNAMA akan mengawal kemasukan berita-berita yang tidak baik dalam negara.

Sekali lagi, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak langsung bermaksud demikian. Seperti yang saya katakan kelmarin, pindaan ini cuma bermaksud untuk membolehkan BERNAMA menjalankan perniagaan dalam bidang informasi yang membolehkannya mendapat keuntungan dan dengan demikian BERNAMA dapat berdiri di atas kaki sendiri tanpa terpaksa bergantung kepada mana-mana pihak untuk mendapat sumber kewangan termasuk Kerajaan.

Dari segi lojik pengurangan pergantungan terhadap Kerajaan dengan sendirinya memberi jaminan kepada BERNAMA untuk meningkatkan kredibilitinya. Seharusnya usaha ini dialu-alukan oleh semua pihak terutama pihak Pembangkang. Saya tidak faham

kenapa mereka menentang cadangan pindaan ini sedangkan dalam nada yang sama mereka mahukan supaya BERNAMA ini terus menjadi satu agensi yang bebas.

Sesungguhnya BERNAMA telahpun mengambil langkah untuk mengurangkan pergantungan terhadap Kerajaan sejak tahun 1984 lagi dengan menjalankan kegiatan perniagaan maklumat disamping perniagaan berita yang semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia tahu. Kegiatan ini dijalankan secara sah mengikut Akta yang sedia ada walaupun tidak membuat keuntungan tetapi hasil daripada perniagaan tersebut telah berjaya mengurangkan pergantungan agensi ini terhadap Kerajaan. Misalnya tahun lalu sahaja agensi ini hanya memperolehi kira-kira \$5 juta atau kira-kira 26% perbelanjaan mengurusnya, yang lain-lain BERNAMA perolehi sendiri daripada hasil perniagaan sendiri. Walau bagaimanapun BERNAMA tidak dapat mengaut keuntungan daripada perniagaan itu kerana Akta yang ada sekarang mencegah daripada berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada sebarang niat yang tersirat di sebalik cadangan pindaan ini. Sebelum ia dibawa ke Kabinet untuk dibincangkan dan kemudiannya dikemukakan ke Parlimen, Akta ini telahpun dibincangkan selama kira-kira 2 tahun oleh Lembaga Pengelola BERNAMA yang juga diwakili oleh pertubuhan-pertubuhan akhbar di negara ini. Jadi, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang bahawa pindaan ini dibuat secara tergesa-gesa tanpa merujuk kepada pihak-pihak yang terlibat adalah tidak benar sama sekali. Dengan demikian Kerajaan tidak dapat menerima cadangan Ahli Yang Berhormat supaya cadangan pindaan ini dirujuk kepada Suruhanjaya DiRaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka nampaknya begitu sentimental terhadap pengisytiharan Bangsa-bangsa

Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan 1948. Rujukan terhadapnya digugurkan daripada mukadimah Akta pindaan ini.

Saya suka menjelaskan di sini sekali lagi bahawa persidangan itu hanyalah satu persidangan anjuran Bangsa-bangsa Bersatu yang dilangsungkan di Geneva dan dihadiri oleh hanya 60 negara yang keseluruhannya pula terdiri daripada negara-negara blok Soviet Union dan Barat. Sebahagian besar anggota-anggota Bangsa-bangsa Bersatu sekarang termasuk Malaysia yang ketika itu masih merupakan sebuah negara jajahan British tidaklah diwakili. Selepas persidangan itu, banyak lagi persidangan lain seumpamanya diadakan. Bagaimanapun pengisytiharan yang diluluskan pada tahun 1948 itu tidak pernah disahkan atau diratify oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi kita tidak nampak apa-apa keistimewaan terhadap pengisytiharan ini. Bagaimanapun Kerajaan tidak berniat untuk mengecualikan diri daripada semangat yang tersemat disebalik pengisytiharan itu. Hasrat ini termaktub dengan sejelas-jelasnya pada beberapa peruntukan yang terdapat dalam Akta asal BERNAMA yang terus dikekalkan. Ini termasuklah seperti di perenggan 2 mukadimah itu memperuntukkan supaya BERNAMA hendaklah sentiasa menurut dan menghormati prinsip yang ada terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan berkenaan kebolehan bercakap dan mengeluarkan fikiran dalam mana-mana undang-undang yang dibuat di bawah ini.

Seksyen 4 (1) (c) yang menyebut bahawa antara tujuan-tujuan BERNAMA ialah melapor dengan benar-benar dengan tidak menyentuh kepentingan umum dan penuh pendapat segala golongan penduduk Persekutuan.

Seksyen 21 (i) dalam Akta induk yang langsung tidak disentuh dalam cadangan ini memperuntukkan bahawa para pelanggan berhak menerima melalui

BERNAMA perkhidmatan yang penuh, yang diberikan kepada BERNAMA oleh mana-mana pertubuhan atau pertubuhan berita antarabangsa. Jadi, jelaslah bahawa tuduhan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak berasas sama sekali.

Beliau juga menuduh bahawa pindaan ini merupakan satu langkah mengundur ke belakang. Saya suka jelaskan bahawa langkah ini adalah langkah dinamik dan berpandangan jauh. Semua agensi berita di seluruh dunia tahu bahawa sekiranya mereka ingin terus wujud, mereka harus bergiat dalam perniagaan maklumat yang berkaitan dan bukan menghadkan kegiatan mereka kepada kegiatan tradisional iaitu membekalkan berita semata-mata.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menimbulkan soal credibility dan deficit yang dihadapi oleh BERNAMA pada tahun 1986 dan hutang kepada Malayan Banking sebanyak \$16.5 juta dan hal ini juga telah pun timbul oleh wakil dari Pasir Mas. Sebenarnya soal credibility merupakan satu yang subjective. Sebagai sebuah agensi berita, BERNAMA hanyalah mengedarkan berita itu kepada para pelanggan. Terpulangkah kepada para pelanggan yang mengeluarkan atau sebaliknya. BERNAMA sendiri tidak pernah menganak-tirikan mana-mana pihak dalam liputan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh semak kepada sesiapa sahaja mengenai perkara ini. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersetuju dengan saya mengenai perkara ini kerana saya dapat tahu oleh pegawai-pegawai BERNAMA bahawa beliau tidak pernah gagal menghubungi BERNAMA untuk membuat sebarang kenyataan sekiranya terdapat apa-apa perkembangan.

Mengenai pinjaman sebanyak \$16.5 juta itu, sukacita saya menjelaskan bahawa ini adalah merupakan pinjaman untuk membiayai sebahagian daripada kos pembinaan bangunan BERNAMA di Jalan Tun Razak. BERNAMA terpaksa mendapatkan sumber kewangannya daripada bank kerana Kerajaan tidak

dapat meneruskan pembayaran semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi walaupun pada awalnya Kerajaan telah memutuskan membiayai kos sepenuhnya projek itu di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Memang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, BERNAMA menghadapi deficit di dalam perbelanjaannya. Kos mengurus mana-mana agensi berita sentiasa tinggi kerana sebahagian besarnya disebabkan oleh kos komunikasi yang sentiasa meningkat sedangkan pendapatan daripada para pelanggan terutamanya di Malaysia yang cuma mempunyai lebih kurang 40 buah akhbar adalah terlalu kecil. Pendapatan daripada pelanggan di Sabah dan Sarawak misalnya tidak dapat menampung kos komunikasi ke negeri-negeri tersebut. Bagaimanapun BERNAMA terpaksa membekalkan perkhidmatannya kepada negeri-negeri itu sebagai salah satu usahanya untuk mewujudkan integrasi nasional.

Akta ini sebagaimana saya katakan tadi bertujuan membolehkan BERNAMA mengaut keuntungan dari bidang lain untuk subsidise perkhidmatan beritanya. Jadi saya tidak nampak usaha ini ditentang kecuali kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidak ingin melihat BERNAMA terus maju dan berkembang sebagai sebuah agensi berita yang mantap dan berwibawa.

Tentang mewajibkan akhbar-akhbar kecil menggunakan perkhidmatan BERNAMA, sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Marang, sebenarnya perkara seumpama ini tidak dapat dilakukan kerana ini bertentangan dengan konsep demokrasi yang kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang dibangkitkan dan mana-mana perkara yang tidak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, nanti sekejap.

Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak apa?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Belum habis lagi, penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada kuasa yang diberikan kepada BERNAMA untuk menyebarkan atau membahagikan berita-berita kepada akhbar-akhbar tempatan, adakah ia dilaksanakan dalam tahun 1984 kerana Yang Berhormat tadi masih belum menjawab pertanyaan saya dalam ucapan saya semalam sama ada kuasa ini dilaksanakan dalam tahun tersebut? Kalau begitu, bukankah Rang Undang-undang hari ini merupakan satu Rang Undang-undang retrospective.

Apa yang kita membantah bukan dari segi memberikan peluang kepada BERNAMA mencari keuntungan tetapi memberikan kuasa khusus atau kuasa mutlak untuk membahagikan berita-berita dari luar negeri, kerana seperti yang saya sentuh semalam, bahawa berita-berita yang tidak baik, yang tidak menyebelahi Kerajaan, terutamanya skandal-skandal seperti skandal MAMINCO, skandal CCB, skandal BMF dan juga skandal pembelian senjata, yang disiarkan di London Observer, semua ini tidak akan tersiar di suratkbahar tempatan kerana BERNAMA dengan kuasa khusus dan mutlak ini tidak akan membahagikan kepada suratkhabar dan ini menafikan hak kepada rakyat Malaysia untuk mengetahui perkara yang sebenarnya, dan ini yang kita mahu menentang secara habis-habisan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa BERNAMA menjadi agensi berita, menerima berita-

berita itu dari dalam dan luar negeri, kemudian membahagi berita-berita itu kepada syarikat akhbar dan bergantunglah kepada akhbar-akhbar yang berkenaan untuk menyiarkannya ataupun tidak dan kita tidak ada satu peraturan untuk memaksa syarikat-syarikat akhbar untuk hendak menyiarkan semua berita-berita yang kita agih-agihkan kepada mereka. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya harap perkara inipun sudah panjang dan terbawa-bawa ke merata-rata, jadi mana-mana perkara yang tidak disentuh saya akan ambil maklum perkara ini, dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tahu, cakap tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Fasal 2 di mana satu cadangan untuk memotong perkataan-perkataan "mengecualikan perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-

bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948".

Dalam era di mana keadilan sudah nampak begitu ketara, seorang Naib Pengerusi yang baru pun mahu tidak adil dan beliau lari dari Dewan sekarang. (*Ketawa*)

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Dengan pindaan ini saya mahu tahu bukannya ini bererti bahawa ketidakadilan dalam sebaran am, dalam BERNAMA, dalam suratkhbar akan lebih menjadi masalah yang lebih besar.

Kita boleh lihat dalam dunia suratkhbar di mana suratkhbar-suratkhbar sebaran am dikongkong oleh parti-parti politik yang memerintah dan begitu banyak berita-berita yang tidak adil yang berlaku, termasuk berita-berita Yang Berhormat dari Bruas mengenai bohong-bohongnya mengenai mesyuarat sulit di Jakarta. Mana ada mesyuarat sulit itu di Jakarta? (*Ketawa*) Apabila beliau mencabar saya untuk sue dia mengata saya seorang pembongong, berita itu dikeluarkan di TV3, RTM2 melalui BERNAMA. Tetapi apabila saya mengambil tindakan untuk saman Yang Berhormat Menteri, nampaknya tidak ada keluar dalam TV3, RTM2 pun berita 11.30 sahaja keluar. Apa ada keadilan ini? Adakah ini....

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong, nanti sekejap.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, baik.

Tuan Zubir bin Embong: Dalam Majlis sepatutnya tidak boleh dibincangkan dasar am. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai apa erti makna apabila pengecualian perisytiharan-perisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kebebasan maklumat berlaku.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, dengar dahulu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan—selepas saya habis ucapan saya mengenai perkara ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti! Saya akan beri peluang untuk penjelasan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Takut saya akan bawakan. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak takut—saya tidak takut seorang. . . .

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa takut siapa? Saya cabar Yang Berhormat pergi mahkamah. . . .

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Siapa takut. Saya tidak takut! Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Apa penjelasan? Penjelasan daripada saya bukan daripada Yang di-Pertua. Itupun tidak tahu? Jadi Menteri pun tidak tahu. Peraturan-peraturan Mesyuarat pun tidak tahu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Peraturan 37(b), untuk penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti.

Tuan Pengeruai (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu seorang pembohong dengar dahulu. Ini mustahak, apa tujuan sekarang, selepas 23 tahun Akta BERNAMA 1967 Kerajaan boleh menerima prinsip-prinsip perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948—sekarang tidak boleh. Adakah ini ada tujuan main-main politik supaya banyak berita yang palsu semacam berita "Jakarta Talks" dan sekarang "Kemunting Talks" yang berlaku semalam di Pulau Pinang boleh disebarkan. Inilah kita mahu mengambil perhatian. Apa tujuan, apa motif dalam perkara ini? Oleh kerana kita nampak baru-baru ini begitu banyak berita-berita bohong oleh tokoh-tokoh pemimpin-pemimpin besar dalam Barisan Nasional yang semacam di hadapan saya.

Mahu penjelasan, sekarang saya boleh beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu penjelasan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, saya boleh beri—berdiri, berdiri.

Tuan Pengeruai (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, point of order dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya memang seronok dengar ucapan tetapi dalam Jawatankuasa kita hanya boleh mencadangkan pindaan (*Disampuk*)—Hei! Hei! Tengok sini!

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi dahulu kata saya cuma boleh cadangkan pindaan apa-apa perkataan. Kalau benarkan saya sendiri pun hendak bercakap tadi, tetapi Tuan Pengerusi yang lepas telah. . . .

Seorang Ahli: Ini bukan soal dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini bukan soal dasar, ini Jawatankuasa. Kita cuma cadangkan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, itu mengenai specific dalam peruntukan ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. . . .

Seorang Ahli: Pembohong.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: On a point of order.

Seorang Ahli: Order berapa?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Order 35(7) dan order 36(2) di mana. . .

Tuan Lim Kit Siang: 35(6)?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:Yang Berhormat dari Tanjong perkara berkenaan 'pembohong' atau 'siapa pembohong' adalah dalam mahkamah dan dalam 36(2) adalah *sub*

judice dan 35(7) beliau ada, dengan izin, direct personal pecuniary interest. Jika beliau menang, beliau akan dapat pecuniary interest. Jadi, dengan itu jangan gunakan isu ini dalam Dewan bila dalam *sub judice*. Sila ambil keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya tanya bagaimana saya ada pecuniary interest?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya mahu tanya bagaimana saya boleh dapat pecuniary interest?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tanjong, sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dia akui dia akan kalah? Dia akan compensate saya?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ambil samsing politik di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada! You samsing, saya tidak samsing.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You samsing!

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong jangan sebut perkara yang di dalam perbincangan mahkamah di sini. Jadi, teruskan di atas tajuk untuk perbincangan sekiranya ada. Yang dua itu sahaja, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu saya tidak akan membangkitkan atau sentuh apa-apa hal yang ada dalam mahkamah. Itu saya tidak sentuh - tetapi saya mana ada pecuniary interest? Saya belum habis!

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: On a point of order, on a point of order!

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Wah! panggil suara tinggi, boleh ada point of order.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Boleh, you boleh kuat bercakap sahaja, 37(a).

Tuan Lim Kit Siang: Dia rasa ini samsing, suara samsing.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: 37(a), on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: 37(a)?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sebab Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perkara yang memanggil saya sebagai 'pembong' yang mana berkenaan dengan kes-kes yang ada di dalam mahkamah. (*Tepuk*) Dengan itu 36(2), beliau tidak boleh-saya panggil dia 'beliau' sebab saya respect dia walaupun dia praktikkan politik samsing - tetapi minta 36(2), diam, jangan bawa perkara ini kepada Dewan yang mulia lagi (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Ini Menteri samsinglah - Menteri samsinglah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong, saya sudah buat keputusan supaya jangan membawa perkara yang di dalam pertimbangan mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya patuh. Saya kata saya patuh bahawa saya tidak akan menyentuh. . . .

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Mahu lagi berdiri?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sudahlah. Saya sudah buat ruling.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Apa tarik balik? Saya tidak akan menyentuh kes-kes saya terhadap dia, bukan dia kepada saya. Saya sue dia, bukan dia sue saya. Kes itu saya tidak akan sebut. Dalam kes itu dia kata saya 'pembong', saya sue dia.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sahaja. Saya tidak mahu sentuh perkara ini, belum habis. Saya jelaskan itu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis. Duduk samsing, apa itu?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Takutkah?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti! Itu atas apa yang saya cakap mengenai satu perkara dan hal yang lain tidak bersangkutan-paut. Itu hal Jakarta Talks, itu saya tidak mahu sebut. Tetapi tadi dia kata 35(7), saya ada pecuniary interest. Saya mana ada pecuniary interest-35(7)?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya mana ada pecuniary interest, selain daripada dia akui dia akan kalah. Dia akan compensate saya, gantirugi saya oleh kerana dia sudah salah. Kalau saya kalah, saya mahu compensate dia, saya pecuniary disinterest (*Ketawa*). Ini dia sudah akui dia akan kalah kerana dia tahu dia kalah dan perkara itu ialah Jakarta Talks.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Biarlah mahkamah tentukan. Jangan gunakan mahkamah untuk main politik.

Tuan Lim Kit Siang: Jakarta Talks saya tidak mahu sebut, tetapi Kamunting Talks, dia bohong lagi. Itu hal yang lain, dia bohong lagi.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Saya minta Ahli dari Tanjong tumpukan ucapan kepada tajuk. Jangan sentuh yang lai-lain.

Tuan Lim Kit Siang: Supaya dia tidak ganggu saya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Saya kata pengecualian prinsip-prinsip perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948 yang berlaku pada saat ini sangat membimbangkan. Khasnya apa yang berlaku tadi, kita tengoklah. Saya tidak mahu sentuh lagi. Semua tahu kita faham apa yang berlaku, berita-berita yang palsu, berita-berita yang tidak adil dan kalau ini berleluasa tentulah kita akan ada satu keadaan di mana kebebasan bersuara, kebebasan akhbar, malahan hak-hak demokrasi ditiadakan dan saya mahu tanya ialah adakah tujuan sekarang dalam saat ini untuk kecualikan Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948 ialah untuk mewujudkan suasana ini? Itu yang pertama.

Kedua, saya lihat dengan rasa bimbang lagi oleh kerana nampaknya kita dalam satu keadaan, satu kedudukan di mana negara kita, Kerajaan kita, satu demi satu undur daripada perisytiharan-perisytiharan, komitmen-komitmen antarabangsa. Kita tidak mahu bersetuju rectify covenant hak-hak asasi, politik,

sivil. Kita tidak mahu rectify hak-hak asasi dunia, ekonomi, kebudayaan, sosial. Baru-baru ini Kerajaan mengisytiharkan bahawa tarik balik pengiktirafan ILO Convention 105 mengenai force labour. Sekarang kita mahu keluar lagi daripada mengakui, mengiktirafkan Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948. Nampaknya ini, dengan izin, satu retreat. Malaysia daripada masa negara kita dalam zaman awal merdeka di mana kita ada satu masyarakat lebih demokratik, lebih terbuka, tetapi sekarang retreat, kemunduran hak-hak asasi oleh kerana ada kawan saya di hadapan, semua retreat (*Tepuk*). Sangat tragik. Sebab itu saya mahu tanya apa tujuan sebenarnya sudah 23 tahun kita ada itu perisytiharan, adakah ia menjadi satu gangguan kepada BERNAMA untuk menjalankan tugas-tugas BERNAMA sehingga sekarang mahu mengecualikan prinsip-prinsip itu?

Saya mahu tanya, mahu dengar jawapan sebelum saya mahu bangkitkan hal-hal yang lain dalam perenggan-perenggan yang lain yang dalam hak saya. Dalam Jawatankuasa saya boleh bercakap berapa kali yang saya mahu. Terima kas

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya, pengecualian yang dibuat sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan saya baru sekejap tadi, ia bukanlah bererti menolak dasar umum tentang kebebasan akhbar, tetapi sebagaimana yang kita semua maklum bahawa perisytiharan yang diluluskan pada tahun 1948 itu sesungguhnya tidak pernah disahkan oleh Perhimpunan Agung PBB dan Persidangan itu pula hanya dihadiri oleh 60 negara sahaja. Itupun terdiri daripada blok Soviet dan Barat dan pada waktu itu Malaysia masih dijajah dan selain daripada itu banyak daripada negara-negara anggota yang tidak terikat kepada

perisytiharan-perisytiharan yang tersebut. Jadi, pada hemat kita mengikatkan diri pada perisytiharan itu rasanya tidak memberi apa-apa faedah kerana ia tidak bertentangan dengan dasar umum tentang kebebasan-kebebasan akhbar yang berkenaan.

Sebagaimana yang saya sebutkan juga tadi bahawa di dalam Akta asal masih beberapa perenggan-perenggan yang tertentu yang kekal memberi jaminan tentang kebebasan sebagaimana yang dikehendaki umum.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti oleh kerana satu sebab ialah ia diluluskan pada tahun 1948 tidak begitu banyak negara-negara dunia ketiga yang mengambil bahagian. Adakah ini bererti bahawa Malaysia atau Kerajaan Malaysia pun sampai satu saat di mana ia akan menarik balik pengiktirafan Universal Declaration of Human Rights 1948 oleh kerana sebab-sebab yang serupa, logik yang sama boleh dikemukakan? Sebab itu ini tidak boleh diterima.

Tetapi sekarang saya mahu alih kepada Fasal 4 iaitu mengenai Seksyen 3 yang akan dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

“(3) Bernama hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menerima masuk ke dalam Persekutuan berita atau bahan berita daripada agensi berita luar negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berurusan dengan berita atau bahan berita melalui apa-apa perkiraan seperti langganan, pembayaran, pertukaran berita atau lain-lain cara:”—satu eksklusif, satu monopoli mengenai semua berita-berita yang masuk daripada luar negeri.

Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak mahu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa bukannya benar bahawa yang pertama, peraturan

semacam ini sudah ada dikuatkuasakan semenjak 1984 dan kalau begitu, peraturan itu tidak sah, tidak mengikut undang-undang sehingga perlunya sekurang satu peruntukan baru, seksyen baru untuk menghalalkan apa yang haram.

Yang kedua, bukannya benar bahawa dalam amalan sekarang, mengikut amalan pentadbiran atau arahan pentadbiran semenjak tahun 1984 mengenai berita-berita luar negeri yang masuk kepada negara ini melalui BERNAMA, suratkhbar-suratkhbar atau pertubuhan-pertubuhan yang mahu mendapat berita luar negeri sepenuhnya boleh dapat satu option lagi, selain daripada menerima berita-berita tersebut melalui BERNAMA, iaitu selepas dapat diedit, apa yang dikeluarkan daripada BERNAMA bukanlah laporan atau berita luar negeri yang sepenuhnya. Tetapi sampai sekarang suratkhbar-suratkhbar boleh mendapat berita sepenuhnya daripada agensi-agensi antarabangsa, sebab selain daripada subscribing to BERNAMA, mereka pun subscribe kepada agensi-agensi antarabangsa. Adakah ini bererti dengan Rang Undang-undang ini apabila dikuatkuasakan, suratkhbar-suratkhbar dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berminat mendapat berita-berita sepenuhnya daripada agensi-agensi antarabangsa, tidak ada lagi pilihan? Pilihan mereka ialah mendapat apa-apa bahan yang diedit oleh BERNAMA. Saya harap satu penjelasan boleh dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong hendak bercakap.

5.26 ptg

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 2, walaupun Yang

Berhormat telah menyebutkan bahawa jaminan kebebasan akhbar itu tidak terjejas dengan membatalkan Fasal ini di Ibu Akta itu, bagaimana kita dapat mengesyorkan BERNAMA akan menepati garis-garis panduan yang telah termaktub di dalam perisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu itu, jika dalam Fasal-fasal berikut, misalnya mengikut Fasal 4, agensi ini mempunyai hak eksklusif menerima berita dan membuat perkiraan bagi membahagi-bahagikan berita dan bahan berita, kerana kita tahu kalau ada satu agensi berita nasional yang tunggal itu memang mereka tidak dapat daripada punca yang lain, cuma daripada BERNAMA sahaja. Kalau BERNAMA tidak mengikut garis-garis panduan yang telah terjamin ataupun telah dijamin oleh Yang Berhormat tadi mengenai kebebasan akhbar dan kebebasan maklumat, bagaimana kita dapat menjaminkannya atau garis-garis panduan mana kita akan berdasarkan dengan sibaran berita-berita.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, ini Fasal berapa yang bercakap ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Fasal 2.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal 2 tadi sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak putus lagi, yang itu tidak putus lagi, Tuan Pengerusi. Tidak putus lagi kerana ini dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 3 takrif istilah 'berita' atau 'bahan berita' terlalu luas. Apa pun boleh dimasukkan di dalam takrif dan ini boleh diubah-ubahkan mengikut kepentingan Kerajaan semasa. Kalau kita hendak buat pentakrifan, jadi kita

patutlah menyekatkan takrif ini, jangan kita adakan takrif baru yang begitu luas. Apakah yang dibimbangkan Kerajaan? Saya tidak tahulah apa yang dibimbangkannya kecuali kalau hendak melakukan apa yang tidak manis, tidak betul, tidak patut dilakukan.

Tuan Pengerusi, Fasal 4. Dengan BERNAMA menjadi satu agensi berita nasional yang tunggal dan dengan tersedia ada monopoli ke atas berita-berita dan bahan berita, terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkannya, apakah garis panduan pengesyoran yang mana terma-terma dan syarat-syarat ini tidak keterlaluan sehingga menjejaskan perolehan matlamat oleh orang ramai?

Yang Berhormat perlulah menjelaskan dari segi ini kerana kalau ada terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan di dalam Rang Undang-undang ini, maka susahlah pihak orang ramai untuk mendapatkan maklumat dengan tersediakala negara kita menghadapi kesukaran mendapat maklumat yang tepat dan secukupnya. Memang Yang Berhormat tidak setuju maklumat-maklumat yang disebarkan sekarang ini mungkin dianggapkan seratus peratus tepat itu dan secukupnya, tetapi pada hakikatnya keadaan sekarang ini bukan sedemikian.

Ini bukan sahaja berlaku di bidang politik, bahkan juga di kalangan pihak swasta, kononnya Kerajaan mempunyai vision daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bersedia menubuhkan satu sistem berbentuk dengan izin, Tuan Pengerusi, decision support daripada sistem data processing atau management information di bidang teknologi maklumat ataupun information technology. Namun begitu jika beginilah terbukanya sikap Kerajaan terhadap maklumat mengapa pula tidak membebaskan sahaja kawalan dan lapisan ataupun sieving of information, dengan izin, Tuan Pengerusi diperketatkan lebih-lebih lagi dengan definasi yang dipinda. Jadi Tuan

Pengerusi, yang penting sekali pelapisan maklumat yang dilakukan sekarang yang akan dilakukan selepas pindaan ke atas Rang Undang-undang ini, maka kita perlulah menyoal pihak Yang Berhormat bagaimana kawalan dan penapisan ini akan dilakukan kelak, dan adakah kawalan dan penapisan ini akan menjejaskan lagi kebebasan penyebaran maklumat dan kebebasan akhbar.

Tuan Pengerusi, Fasal 5. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat kita belum pergi ke Fasal 5.

Dr Tan Seng Giaw: Belum lagi?

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Belum.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tunggulah.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Fasal 2.

Tuan Pengerusi, mengenai penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, bahawa pada ketika mengadakan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Penerangan dalam tahun 1948, Malaysia merupakan sebuah negara jajahan British, ini adalah satu penjelasan yang tidak masuk akal sama sekali kerana kalau kita berpandukan kriteria yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini bermakna bahawa Malaysia juga tidak patut mengikuti sebarang perisytiharan atau sebarang persidangan yang diadakan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan seperti Konvensyen

Persidangan Buruh Antarabangsa di mana satu kenyataan baru dikeluarkan kepada Ahli Parlimen hari ini di mana Persidangan ini ditubuhkan dalam tahun 1919.

Mengenai Fasal 4, Tuan Pengerusi, tadi saya telah menanya sama ada kuasa eksklusif ini telah digunakan oleh BERNAMA dalam tahun 1994 seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan. Kalau ini berlaku, ini bermakna bahawa BERNAMA telah menggunakan kuasa yang mereka tiada langsung dan ini bukan sahaja penyalahgunaan kuasa, ini sudah *ultra vires*, menggunakan kuasa yang tidak ada dalam kuasa BERNAMA. Kalau begitu, adakah undang-undang ini merupakan satu undang-undang retrospective, dan ini yang saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan penjelasan kerana ini bermakna bahawa semua tindakan yang dilakukan sebelum ini adalah haram. Apakah tindakan akan diambil untuk membetulkannya? Kenyataan ini telah digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan pada 2hb Mac, 1990 dalam suratkhbar *The Star* bahawa Fasal 4 hanya menghalalkan apa yang telah dilakukan oleh BERNAMA sejak tahun 1984, dan ini bukan satu perkara yang kecil, kerana ini menunjukkan Kerajaan telah melanggar undang-undang. Kalau begitu, sekurang-kurangnya pihak Kerajaan mestilah meminta maaf kepada perkara sebegini. Bukanlah tidak mahu jawab langsung, kalau cakap tidak tahu, kita semua adalah manusia, kita boleh saling memaaf sama sendiri. Cakaplah tidak tahu, tetapi janganlah lari daripada memberikan sebarang jawapan. Terima kasih.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada DAP (Pembangkang) tidak perlu ragu tentang kebebasan yang diberi ini kerana Akta asal BERNAMA masih kekal memberi jaminan yang berkenaan.

Tadi dalam jawapan saya, saya telahpun membaca Akta asal ini di mana Akta asal ini tetap memberi jaminan kerana tujuan-tujuan BERNAMA ialah melapor dengan benar, dengan tidak menyentuh kepentingan umum dan penuh pendapat segala golongan penduduk Persekutuan dan kita dapat lihat seksyen 21 (i) dalam Akta induk, dan cadangan ini memperuntukkan bahawa para pelanggan berhak menerima melalui BERNAMA perkhidmatan yang penuh, yang diberikan kepada BERNAMA oleh mana-mana pertubuhan ataupun pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Jadi, soal kebebasan itu rasanya tidaklah perlu ragu, kita akan terus mengekalkan kenikmatan, kebebasan sebagaimana yang sedang dinikmati oleh akhbar-akhbar hari ini.

Yang kedua, tentang takrif berita, hal ini kita terpaksa baiki kerana dahulu takrif berita hanya dalam bentuk terbitan sahaja, tetapi dalam kemajuan teknologi ini, kita hendaklah luaskan pentakrifan berita itu termasuk gambar, maklumat-maklumat saham, data-data ekonomi dan sebagainya, dan semuanya ditakrifkan sebagai berita sebagaimana yang tercatat dalam Akta yang ada ini.

Berhubung dengan perisytiharan PBB itu, sudah saya ulang beberapa kali di dalam perkara ini, sebenarnya perisytiharan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu belum lagi disahkan oleh PBB sendiri dan pada waktu itu tidak banyak negara yang terlibat, dan negara-negara yang terlibat sendiri pun telah menarik diri daripada hal ini. Maka apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tentang kuasa eksklusif sejak tahun 1984, hal ini sebenarnya memang kuasa eksklusif sejak tahun 1984 lagi, tetapi perlaksanaan itu dilakukan dalam bentuk pentadbiran dan budibicara sahaja, belum dalam bentuk Akta yang mantap dan yang kemas. Jadi kita mengharapkan dengan kelulusan Akta yang dibentangkan di Dewan pada hari

ini, maka perkara ini dapat dilaksanakan dengan penuh baik, dengan penuh mantap dan penuh sempurna bagi tujuan ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa pelaksanaan hanya dari segi pentadbiran. Adakah ini bermakna bahawa BERNAMA telah mula membahagi-bahagikan berita daripada luar negeri sejak tahun 1984 seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 4 ini?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya sebelum inipun kita menerima berita-berita daripada luar negeri dan kita agihkan berita itu kepada agensi-agensi akhbar yang ada di negara kita dan yang berlanggan dengan kita, dan pengagihan yang kita buat itu kita laksanakan dengan sempurna. Cuma sekarang pembentangan Akta ini, dan kita minta supaya diluluskan Akta ini, bagi tujuan untuk memantapkan lagi pembahagian berita itu dan penerimaan berita itu dan untuk memastikan pengawalan berita itu dapat dilaksanakan dengan penuh sempurna, kerana kita bercadang, untuk akan datang ini, kita akan jadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Industri Maklumat yang berwibawa di kawasan Asia ini.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak apa?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Menurut Yang Berhormat Menteri Penerangan bahawa hak eksklusif ini sudah berada dalam kuasa BERNAMA sejak tahun

1984 dan saya hendak tanya sama ada hak eksklusif ini sudah digunakan oleh BERNAMA sejak tahun itu. Kalau ada, kata ada, kalau tidak ada, kata tidak ada.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya jelas menyatakan tadi bahawa kita gunakan dalam bentuk pentadbiran dan dalam bentuk budi bicara. Langsung tidak ada hak eksklusif.

Tuan Lim Guan Eng: Itu secara komersial sahaja.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Apa yang disebutkan itu?

Tuan Lim Guan Eng: Secara komersial sahaja, bukan dari segi hak eksklusif, tetapi itu secara komersial sahaja, membahagi-bahagikan dan mengagih-agihkan berita itu secara komersial sahaja.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Terlalu berbelit-belit Ahli dari Kota Melaka, saya tidak tahu apa yang . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cuba terangkan sedikit soalan itu supaya senang dijawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya telah menimbulkan pertanyaan ini banyak kali, iaitu menurut Yang Berhormat Menteri Penerangan semasa menjawab pertanyaan mengenai Rang Undang-undang ini, dia menyatakan bahawa peruntukan untuk memberikan hak eksklusif kepada BERNAMA iaitu membahagikan berita-berita daripada luar negeri kepada akhbar-akhbar tempatan bukanlah satu perkara yang baru, kerana hak eksklusif ini sudah berada atau sudah digunakan oleh BERNAMA sejak tahun 1984. Kalau begitu, apa yang berlaku sebenarnya bahawa BERNAMA telah menggunakan satu kuasa yang mereka tidak ada sejak tahun 1984, memandangkan bahawa peruntukan ini hanya dibentang pada tahun ini. Dengan

ini jelas bahawa ini merupakan satu 'retrospective registration'. Itu yang saya tanya, terima kasih.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya telahpun jawab beberapa kali perkara ini. Saya tidak tahulah sama ada Ahli dari Kota Melaka ini tidak tahu bahasa Melayu.

Sebenarnya hak eksklusif menerima dan membahagikan berita-berita ini, menerima berita-berita daripada luar dan membahagikan kepada agensi-agensi akhbar yang ada di negara kita ini telahpun digunakan sejak tahun 1984 lagi. Ini tidaklah boleh dianggap sebagai penyalahgunaan kuasa kerana penggunaan pada waktu itu dilakukan dalam bentuk apa yang saya katakan tadi, bentuk budi-bicara dan bentuk pentadbiran. Kemudian, apabila kita merasai bahawa ini adalah merupakan satu kelemahan yang perlu diperkukuhkan, yang perlu diperbaiki dan perlu dipindahkan, maka hari ini kita bentanglah Akta ini bagi tujuan untuk penyempurnaan. Saya ingat itulah jawapan yang dapat diterima.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sungai Petani.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Nampak ramai sangat hendak bangun, saya bangun juga. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa pada tahun 1984 dan seterusnya BERNAMA mendapat hak eksklusif, tetapi suratkhbar-suratkhbar di negara kita boleh mendapat berita-berita daripada luar negeri dan mereka tidak ada membuat apa-apa kesalahan di atas langkah yang mereka lakukan. Cuma apabila Akta ini diluluskan nanti, mungkinlah perkara itu berlaku.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya terpaksa tekankan sedikit di sini bahawa apa yang kita

laksanakan sejak tahun 1984 itu, walaupun Akta belum diluluskan lagi, apa yang kita buat ini bukanlah bererti kita merampas hak agensi-agensi asing. Tetapi ia adalah dibuat, yang saya sebut tadi, dalam bentuk budi bicara, ertinya dibuat dengan persetujuan bersama oleh agensi-agensi berita asing yang berkenaan. Tetapi pihak agensi-agensi berita asing tidak memersetujui perkara yang kita laksanakan ini, dan apa yang disebutkan oleh Saudara dari Sungai Petani sekejap tadi itu memang begitulah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, satu penjelasan lagi. Tadi Yang Berhormat menyebutkan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai Pusat Maklumat. Kalau begitu dengan adanya hak-hak eksklusif yang bermula daripada tahun 1967 lagi, bagaimana kita dapat mempertingkatkan, memodenkan, kualiti berita dan maklumat di negara ini dengan tidak ada persaingan, dengan adanya monopoli ke atas berita-berita ini. Bagaimana kita dapat mempertingkatkan mutu—itu penting. Kalau mutu tidak tinggi, bagaimana Kuala Lumpur boleh menjadi Pusat Maklumat di rantau ini.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, kalau soalan timbul bagaimana, sebenarnya untuk menjawab "bagaimana" itu, ini adalah soal-soal pentadbiran dan hal ini sudah tentu kita akan laksanakan sebaik mungkin agar matlamat yang kita tuju tercapai dan pada hemat kita ia tidak mengganggu, saya ingin mengulangi dan menegaskan lagi, ia bukan mengganggu masalah kebebasan dan juga ia bukan menjejaskan perhubungan baik kita dengan agensi-agensi berita-berita asing.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal 1 hingga 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi

sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 7 -

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi Tuan Pengerusi kata saya terpaksa tunggu kerana hendak bincangkan. . . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat dari Kepong. Saya sebut "Fasal-fasal 1 hingga 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang". Jika tidak silap saya, tadi saya ada sebut Fasal 1 hingga 7, jadi saya benar dibincangkan, lepas saya sebutkan "Fasal 1 hingga 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang", tidak ada siapa yang bangun, jadi saya teruskan Fasal 5 hingga 7. Yang Berhormat hendak berucap?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal 5 hingga 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tarik balik "Fasal 5 hingga 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang." Saya benarkan Yang Berhormat dari Kepong untuk membangkitkan perkara daripada Fasal 5 hingga 7.

5.49 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 5 ini yang bertujuan memperuntukkan kuasa kepada BERNAMA dengan kelulusan Menteri Penerangan dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan dan sebagainya dengan mana-mana orang; atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan syarikat.

Pada tafsiran saya ini memang satu usaha untuk menswastakan BERNAMA. Kalau begitu, dengan terus teranglah

masukkan di dalamnya kita hendak menswastakan BERNAMA, jangan kita samar-samar seperti yang wujud sekarang. Saya tidak boleh terima kalau buat begitu. Ini bermakna Kerajaan hendak menswastakan BERNAMA termasuk Fasal 2 juga. Saya hendak Yang Berhormat itu jelaskan bagaimana Kerajaan akan menafsirkan, menilaikan Fasal 5 ini kalau bukan satu usaha untuk menswastakan BERNAMA.

Tuan Pengerusi, Fasal 7, ini satu perkara yang penting kerana yang wujud keadaan sekarang ini Majlis Penyeliaan BERNAMA kurang sempurna. Anggota-anggota yang dipilih, yang dilantik untuk Majlis Penyeliaan ini bukan daripada orang-orang yang bebas. Kalau anggota-anggota yang terdiri daripada orang-orang yang bukan bebas, bagaimana kita dapat satu Majlis Penyeliaan yang sempurna, yang dapat menjalankan tugas dengan betul, yang dapat memastikan kebebasan yang telah dijamin oleh Yang Berhormat tadi dapat dilaksanakan di dalam erti kata yang sebenarnya. Setakat itu saya berpendapat mengadakan peruntukan supaya seorang Naib Canselor mana-mana Universiti di Malaysia dilantik menjadi anggota tersebut, tidak memadai. Patut kita ada satu peruntukan untuk memilih, untuk melantik orang-orang yang lebih bebas untuk menjadi ahli Majlis Penyeliaan supaya matlamat-matlamat yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk menjadikan BERNAMA satu agensi Berita Nasional yang lebih sempurna, lebih baik, kita perlulah mengadakan Majlis Penyeliaan yang lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bagan Serai.

5.54 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai): Tuan Pengerusi, saya tertarik hati untuk turut sama bercakap mengenai

pindaan Rang Undang-undang ini. Dari apa yang saya lihat. . .

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal berapa Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya minta izin untuk bercakap daripada Fasal 5 dan kalau boleh dikaitkan dengan Fasal yang kebelakangan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat, yang itu telah diluluskan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, saya bercakap Fasal 5, Tuan Pengerusi.

Fasal 5 secara terangnya adalah menjadi tujuan pokok kepada pindaan. Pindaan Rang Undang-undang ini yang berbunyi dalam Fasal 2 iaitu dengan dibuang "yang bukan-nya untuk mendapat keuntongan" bermakna bertujuan untuk mendapat keuntungan. Fasal 5 3A (b) ini dimasukkan.

Dengan ini bererti bahawa badan ini akan menjadi satu badan profit oriented dan daripada segi pandangan komersial, ianya boleh mengurangkan beban dan tanggungan terhadap Kerajaan dan memberi peluang kepada badan ini untuk lebih berjaya dan membesar dengan berdiri di atas kaki sendiri. Tetapi sebaliknya badan ini pula telah diberi kepentingan apabila ia mendapat kuasa eksklusif untuk mendapat berita-berita yang baik daripada luar negeri. Daripada segi falsafah berita, berita-berita yang berbentuk eksklusif inilah yang menjadi bahan-bahan permintaan mana-mana badan berita yang boleh menarik minat para pembaca dan para pendengar. Dengan hak yang kita berikan kepada badan ini, maka badan ini akan mendapat berita yang baik dan dapat pula menjual berita ini kepada badan-badan lain. Oleh sebab itu walaupun kita mengatakan bahawa kita tidak

melonggarkan kuasa, control kuasa monopoli tetapi dengan adanya hak eksklusif ini, kita telah memonopoli dalam berita-berita yang tertentu bagi rakyat dan pengguna-pengguna ataupun pendengar-pendengar di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, kepada dua perkara yang telah saya sebutkan tadi, maka sampailah kepada Fasal 5 yang menjadi induk dan tujuan besar kepada pindaan Rang Undang-undang ini iaitu dengan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi kepada mana-mana orang ataupun agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat yang tertentu. Inilah hidden interest, dengan izin, Tuan Pengerusi. Yang menjadi tanda tanya kepada masyarakat di dalam negara ini, ada sahaja pindaan, kalau diizinkan Tuan Pengerusi kepada saya untuk menarik satu pindaan mengenai Kanun Tanah Negara dahulu kepada Kerajaan Negeri, kepada Kerajaan Pusat dan memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat untuk memberi tanah ini kepada individu ataupun mana-mana syarikat yang tertentu dan tidak lama selepas pindaan itu kita telah mendengar ada tanah-tanah yang baik, yang telah dipindah milik daripada Kerajaan Negeri, kepada Kerajaan Pusat dan kepada individu ataupun syarikat-syarikat yang kita tahu rapat dengan orang-orang yang tertentu. Saya ingin bertanya, siapakah individu, syarikat agensi-agensi yang telah pun dipandang oleh Menteri ataupun Kerajaan pada hari ini untuk menyerahkan peluang menjadi kaya melalui kuasa eksklusif yang akan mereka dapat apabila Dewan meluluskan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

5.58 ptg.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ingin menegaskan di sini bahawa Rang Undang-undang ini tidak menunjukkan bahawa pihak Kerajaan hendak menswastakan BERNAMA. Dengan erti

kata yang lain BERNAMA sama sekali tidak akan diswastakan. Tetapi kemungkinan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan teletrade, knight rider, newscan dan sebagainya. Perkhidmatan-perkhidmatan ini mungkin akan diswastakan. Dan ini pun bergantung kepada persetujuan Menteri sebagaimana yang tercatat dalam Akta yang berkenaan.

Dan soal orang-orang yang akan mengambil peluang itu, rasanya tidak timbul dan tidak perlu dibangkitkan di sini, kerana itu bergantunglah kepada kemampuan, keahlian dan kepakaran golongan-golongan yang tertentu dalam melaksanakan bidang-bidang ini apabila tiba masanya.

Berhubung dengan Majlis Penyeliaan ini, Majlis Penyeliaan ini tetap merupakan satu Majlis yang bebas, cuma perubahan yang kita minta dipersetujui di sini ialah kalau dahulu ditetapkan bahawa salah seorang daripada anggota Majlis Penyeliaan itu yang terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang akan menjadi Yang di-Pertua Majlis, seorang wakil Kerajaan Persekutuan, seorang wakil surat-surat khabar dalam Persekutuan, seorang Naib Canselor Universiti Malaya dan seorang lagi yang lain. Jadi, wakil Naib Canselor Universiti Malaya itu disebabkan sekarang ini pusat pengajian tinggi dalam negara kita hari ini sudah pun mencapai angka 7 buah universiti yang telah ada, waktu Akta asal ini dibuat hanya Universiti Malaya sahaja yang adanya, maka wakil daripada Naib Canselor Universiti-universiti itu kita tidak khususkan kepada Universiti Malaya dan boleh dipilih di antara pusat-pusat pengajian yang ada di negara kita ini. Dan perubahan ini bukanlah bererti boleh menghakiskan tentang kewibawaan Majlis Penyeliaan yang berkenaan.

Soal kepentingan tersembunyi rasanya tidak timbullah di sini, rasa tidak

ada kepentingan-kepentingan yang tertentu selain daripada bagi kemantapan perjalanan akhbar dan maklumat dalam negara kita ini.

Fasal 5 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG UBAT
(IKLAN DAN JUALAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) adalah satu Akta untuk mencegah iklan-iklan tertentu yang berhubung dengan perkara-perkara perubatan untuk mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat. Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta bagi membolehkan badan-badan dan institusi-institusi perubatan di sektor swasta menyebarkan maklumat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di badan-badan dan institusi-institusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Akta tidak membenarkan penyiaran iklan-iklan yang merujuk kepada kemahiran atau perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan penyakit supaya mendorong seseorang

mendapatkan nasihat pengiklan. Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan telah menerima permintaan dari institusi-institusi perubatan swasta untuk membenarkan mereka menyebarkan maklumat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di institusi-institusi itu. Kementerian Kesihatan telah menimbang dan membincangkan perkara ini dengan badan-badan berkenaan termasuk Majlis Perubatan Malaysia, iaitu badan yang mentadbir hal-hal berkaitan dengan profesion perubatan. Kementerian Kesihatan masih mempunyai pendirian bahawa pengiklanan perkhidmatan dan kemahiran seseorang pengamal perubatan adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan juga mengaku bahawa orang ramai pada masa ini mungkin tidak sedar sepenuhnya tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di sektor swasta. Bagi pesakit-pesakit, maklumat terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan mungkin berfaedah apabila mereka ingin mendapat rawatan, manakala bagi pengamal-pengamal perubatan pula maklumat itu akan membolehkan mereka menasihatkan pesakit-pesakit terhadap pemilihan institusi-institusi perubatan yang mempunyai perkhidmatan dan kemudahan yang memenuhi kehendak pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan faktor-faktor ini Kementerian Kesihatan bersetuju bahawa orang ramai boleh dimaklumkan tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di institusi-institusi perubatan di sektor swasta. Walaupun begitu, maklumat yang disebarkan itu mestilah benar dan tepat dan tidak harus menyerupai satu iklan yang bertujuan untuk menarik orang ramai. Ini akan ditentukan oleh sebuah Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta ini dan Lembaga ini akan mengikut

garispanduan-garispanduan tertentu yang akan dirangkakan. Tambahan kepada perkara ini, Kementerian Kesihatan juga telah mengenal pasti beberapa peruntukan di bawah Akta yang tidak begitu jelas atau mempunyai kelemahan atau yang tidak begitu berkesan. Dengan demikiannya, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan seperti berikut:-

- (1) Berasaskan perakuan bahawa orang ramai boleh diberi maklumat yang benar dan tepat tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang sedia ada di sektor swasta, maka Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan kepada Akta di mana hospital-hospital persendirian, klinik-klinik perubatan swasta, klinik-klinik radiologi swasta dan makmal-makmal perubatan swasta yang dikendalikan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati daripada mereka. Walau bagaimanapun, pindaan ini akan memperuntukkan bahawa sebarang maklumat yang disiarkan ini perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta.
- (2) Buat masa ini terdapat satu kekaburan (ambiguity) terhadap tafsiran istilah iklan dalam Akta. Takrif istilah iklan yang wujud sekarang tidak begitu jelas sama ada ianya meliputi laporan wartawan atau rencana di dalam suratkhobar atau majalah. Perkara ini telah menimbulkan

masalah semasa pendakwaan kes di bawah Akta. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan dengan memasukkan perkataan-perkataan "laporan" dan "ulasan" ke dalam takrif istilah iklan untuk menjelaskan bahawa laporan dan ulasan termasuk dalam bidang takrif itu.

- (3) Mengikut peruntukan yang sedia ada di bawah Akta, Pegawai Berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang ini adalah ditakrifkan sebagai seorang ahli farmasi berdaftar. Istilah ahli farmasi berdaftar sekarang ini bererti seseorang ahli farmasi yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 yang terpakai hanya di Malaysia Barat sahaja. Oleh itu, walaupun Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) berkuatkuasa di negeri Sabah dan Sarawak, akan tetapi seseorang ahli farmasi dalam perkhidmatan awam di negeri itu tidak boleh dilantik sebagai Pegawai Berkuasa. Untuk memperbaiki keadaan ini, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan kepada Akta supaya membolehkan mana-mana ahli farmasi dalam perkhidmatan awam dilantik sebagai Pegawai Berkuasa.
- (4) Beberapa suratkhobar dan majalah tempatan telah seringkali menyiarkan iklan-iklan atau laporan-laporan yang mendorong penggunaan alat-alat seperti keris, kacic, pahat dan sebagainya untuk mencegah, merawat atau mendignosis penyakit-penyakit. Iklan-iklan dan laporan-laporan seperti ini yang mungkin bertujuan menipu orang ramai tidak dapat dikawal dengan peruntukan yang sedia ada, sebabnya ialah peruntukan hanya melarang iklan-iklan yang

mendorong penggunaan ubat dan bukan alat untuk mencegah atau merawat penyakit.

Untuk melindungi kepentingan orang ramai, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan supaya melarang iklan-iklan yang mendorong penggunaan ubat serta alat dan penyembuh atau remedy untuk mencegah, merawat dan termasuk mendaagnosis penyakit-penyakit.

Yang kelima, pada masa ini, larangan di bawah Akta terhadap iklan-iklan yang merujuk kepada kemahiran dan perkhidmatan hanya berhubung dengan rawatan penyakit-penyakit sahaja. Maka iklan-iklan yang berhubung dengan pencegahan dan diagnosis penyakit masih disiarkan dan tindakan undang-undang tidak dapat diambil. Untuk memperbetulkan kelemahan ini, Kementerian Kesihatan mencadangkan suatu pindaan bahawa larangan terhadap iklan-iklan ini diperluaskan dan dijelaskan supaya meliputi iklan-iklan yang berhubung dengan pencegahan dan diagnosis penyakit-penyakit. Pindaan ini juga akan membolehkan iklan-iklan yang disiarkan oleh klinik radiologi swasta dan makmal perubatan swasta dikawal seperti yang telah dicadangkan dalam pindaan pertama.

Yang keenam, buat masa ini pegawai berkuasa yang dilantik di bawah Akta menghadapi masalah dalam penyiasatan kerana orang yang didapati tahu tentang hal-ahl keadaan kes selalunya menjauhkan diri daripada pemeriksaan oleh pegawai berkuasa. Perkara ini menyebabkan kehilangan tenaga manusia dan masa. Oleh sebab itu, Kementerian Kesihatan mencadangkan suatu pindaan untuk memberi kuasa kepada seseorang pegawai berkuasa memerintahkan mana-mana orang yang tahu tentang kes itu hadir di hadapan pegawai itu bagi maksud pemeriksaan. Tujuan pindaan ini ialah untuk mempermudah penyiasatan sedemikian.

Yang ketujuh, mengikut prosedur mengenai pendakwaan yang diperuntukkan di bawah Akta, seorang ahli farmasi berdaftar dalam Perkhidmatan Awam dikehendaki diberi kuasa untuk mendakwa secara bertulis oleh Pendakwa Raya terlebih dahulu. Selepas itu beliau juga dikehendaki mendapat izin secara bertulis daripada Pendakwa Raya. Hanya dengan dua izin ini, ahli farmasi boleh menjalankan pendakwaan. Kementerian Kesihatan berpendapat prosedur yang mempunyai dua langkah ini tidaklah begitu perlu. Oleh sebab itu, Kementerian Kesihatan mencadangkan suatu pindaan bahawa hanya pegawai berkuasa boleh menjalankan pendakwaan dan beliau hanya perlu mendapati izin secara bertulis daripada Pendakwa Raya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ketujuh pindaan-pindaan ini adalah merupakan pindaan-pindaan utama dalam Rang Undang-undang. Terdapat juga pindaan-pindaan lain, akan tetapi ianya adalah pindaan-pindaan yang kecil atau yang bersampingan sahaja. Kesemua cadangan pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini adalah amat penting untuk melindungi kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-undang Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1990 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dibacakan kali yang

kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

6.14 ptg.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan dengan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan)(Pindaan) ini. Tadi kita sudah dengar daripada Timbalan Menteri Kesihatan di mana beliau kata hospital-hospital swasta atau perbadanan-perbadanan perubatan boleh advertise perkhidmatan atau kemudahannya. Ini saya rasa satu tindakan atau cara yang mana ramai doktor di bidang perubatan amat khuatir akan implikasi yang sangat luas dan dahsyat kepada profesionalisme di bidang perubatan. Sungguhpun dia sebut doktor-doktor persendirian itu tidak boleh menyiarkan iklan-iklan tetapi sebuah badan hospital atau pertubuhan boleh menyiarkannya. Ini saya rasa satu cara yang sofistikated, tetapi tidak jujur, untuk menipu rakyat. Sama ada iklan itu dibuat oleh sebuah pertubuhan atau hospital atau doktor persendirian ianya adalah sama. Cara ini untuk menipu rakyat, bukan bertujuan untuk melindungi rakyat. Saya ingin quote di sini daripada sebuah buku "Code of Professional Conduct" yang diterbitkan oleh Majlis Perubatan Malaysia, mukasurat 25, dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin)

"4. *Advertising, canvassing and related professional offences.*

The medical profession in this country has long accepted the convention that doctors should refrain from self-advertisements - doktor, pertubuhan atau hospital swasta adalah serupa juga. In the Council's opinion, self-advertisement is not only incompatible with the principle that it should govern relations between members of a profession but could be a source of danger to the public. A practitioner

successful in achieving publicity may not be most appropriate doctor for a patient to consult. In extreme cases, advertising may raise illusory hopes of a cure."

Sungguhpun sebuah hospital swasta boleh menyebarkan advertisement ataupun kemudahannya (services), tetapi siapa yang benefit? Doktor juga yang benefit, bukan hospital swasta tetapi doktor yang berkhidmat atau specialist itu juga. It is the same. What is the difference? Saya teruskan petikan:

"4.1 *Advertising and canvassing.*

Advertising whether directly or indirectly for the purpose of obtaining patients or promoting his own professional advantage or the hospital's advantage, or for any such purpose of procuring or sanctioning by acquiescing (or agree in) in the publication of notices, commanding or directing attention to the practitioner's professional skill, knowledge, services or qualifications or practising or others, or being associated with or employed by those who procure or sanction such advertising or publications, or being associated with or employed by those who procure or sanction such advertisements or publications and canvassing, or employing any agent or canvasser for the purpose of obtaining patients, or sanctioning or being associated with or employed by those who sanction such employment, for example, by private hospitals or other medical institutions are in the opinion of the Council contrary to the public interest and discreditable to the profession of medicine, and any registered medical practitioner who resorts to any such practice renders himself liable to prove the facts to the satisfaction of the Council and to disciplinary action."

Inilah Code of Professional Conduct. Saya tidak faham apa sebab Kementerian Kesihatan hendak membentangkan satu pindaan di sini untuk memberi kebenaran kepada perbadanan misalnya hospital

swasta atau klinik-klinik untuk advertise. Siapa kita mahu jaga? Hospital sendiri atau doktor-doktor dalam hospital itu atau rakyat? Kalau ada advertisement macam ini seperti pasar awam atau market place, mana ada etiquette profesionalisme? Kalau doktor lawan doktor untuk mencari patient dan hospital lawan hospital untuk mendapat patient, akhirnya patient's interest dilupakan. Yang mustahak, doktor mesti menjaga kesihatan rakyat. Dia sudah dapat pelajaran, dapat skill untuk memberi perkhidmatan kepada patient, bukan untuk mendapat wang bagi diri sendiri. Kalau dia menumpu tenaga untuk untung wang, habis kesihatan rakyat. Bukan sahaja Code of Ethics habis tetapi kesihatan rakyat yang habis.

Pada zaman dahulu sebelum Kementerian Kesihatan ada cadangan privatisation of hospitals or medical services, penswastaan perkhidmatan kesihatan, pada masa itu hospital-hospital boleh survive. Tidak ada masalah. Hospital Assunta boleh survive, Pantai Medical Centre boleh survive, tak ada apa masalah. Apa sebabnya lain-lain hospital sudah sampai, Kerajaan mahu tolong sama dia. Apa sebab? Hospital Assunta pada masa dahulu, sejak 20 tahun dahulu, tidak ada Bill ini untuk Kerajaan lindunginya, mereka boleh survive. Banyak orang pergi ke sana. Apa sebab? Sebab perkhidmatannya baik. Dia tahu tak payah ada advertisement. Patient yang rasa perkhidmatan baik, dia beri tahu dia punya kawan, kawan demi kawan. Itu tak perlu advertisement. Apakah sebabnya sekarang walaupun ada hospital yang lebih besar, Subang Jaya Medical Centre sudah sampai, di belakangnya siapa—Sime Darby, big corporation. Ada banyak kuasa, banyak pressure and influence. Lain contoh lagi, Tawakal Hospital, siapakah di belakangnya? Tidakkah Johore Development Corporation, Johore State Government di belakangnya? Dia tekan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kesihatan tak boleh tahan.

Okay, boleh advertise. Itu sahaja. Bukan untuk rakyat tetapi untuk large corporations, Sime Darby, PKEN Negeri Johor. Ini tujuannya. Jadi, ini "tipu orang". Hospital Assunta boleh survive, Pantai Medical Centre boleh survive, tak perlulah Kementerian mengemukakan satu Bill seperti ini untuk membenarkan advertisement. Sebab itu, saya berharaplah, jangan putar belit.

Tadi saya hendak cakap lebih atas Akta ini tetapi hanya menumpu khasnya atas hal ini sahaja. Perkara lain itu "dressing"—hanya advertisement. Kalau Kementerian Kesihatan ingin mengikut lain negara semacam Jepun atau Amerika, boleh, tetapi pergilah ke sana. Profession dan perkhidmatan kesihatan sudah tidak ada "soul", tidak ada "spirit" lagi. Semua hanya kira wang. Seseorang yang sakit, masuk hospital, kalau dia tidak ada ambil insurance, doktor hospital itu mengatakan: sorrylah, pergi ke lain hospital. Ini sudah berlaku di sana. Kalau dalam hospital privatisation di Malaysia tidak ada "soul", perkara itu akan terjadi. Patient masuk hospital, kalau tidak ada wang, tidak ada insurance, "please go to another hospital". Tetapi di sini ada hospital besar, ada "abang", ada kebaikan dan itu adalah baik, ada satu back-up.

Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan semula. Jangan mempermainkan soal kepentingan kesihatan yang sangat mustahak. Kita mestilah mengikut Code yang sudah diikuti sejak beberapa dekad atau beberapa abad since the time of modern medicine. Setakat itulah yang saya ingin bercakap sedikit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kepong.

6.27 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini bermakna

masyarakat umum dan masyarakat doktor akan terbahagi kepada pihak yang menyokong dan pihak yang membangkang Rang Undang-undang seperti ini.

Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban memang membayangkan perasaan doktor-doktor mengenai pengiklanan di dalam perkhidmatan perubatan.

Saya hendak menekankan di sini apa sahaja yang dilakukan, apa sahaja Rang Undang-undang yang digubal untuk maksud pengiklanan memang mewujudkan kontroversi dan apa sahaja yang dilakukan untuk perkhidmatan perubatan sama ada swasta ataupun umum, kita hendaklah mengikuti Code dan Ethics yang sedia ada.

Saya dapati di sini ada beberapa kelemahan yang wujud di dalam usaha pihak Kementerian untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) dengan tergopoh-gapah, dengan tergesa-gesa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mendalami kelemahan-kelemahan yang tersebut, saya hendak menekankan di sini bahawa wujudnya kekurangan yang serius kakitangan perubatan sama ada di hospital-hospital awam ataupun hospital-hospital swasta dan juga klinik-klinik. Kekurangan kakitangan perubatan ini telahpun diakui oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rancangan Malaysia Kelima di mana nisbah untuk orang ramai mendapat rawatan perubatan ialah 1:2,200 (satu doktor untuk 2,200 orang di Malaysia).

Kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk kelemahan dan kelalaian Kerajaan, kekurangan doktor di Malaysia sekarang lebih kurang 1,000 orang. Ini mengikut angka yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, dan juga untuk jururawat memang di hospital-hospital besar dan hospital awam sahaja

mengalami kekurangan bilangan jururawat lebih daripada 1,200 orang. Itu pun mengikut tafsiran Kerajaan sahaja.

Begitu juga dengan keadaan di hospital-hospital swasta di mana terdapat kekurangan jururawat dan kakitangan perubatan yang lain. Dalam keadaan sedemikian, pembentangan Rang Undang-undang tersebut mewujudkan kebimbangan-kebimbangan ini termasuklah rakyat apabila menengok iklan ini. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Rumah Pangsa Majlis Perbandaran Melaka - Jualan

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggunakan kuasanya untuk mengarah Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB):-

- (1) Mengarah MPMBB menjual rumah pangsa 9 tingkat di Jalan Bendahara, Melaka kepada penghuni-penghuni dengan harga rumah kos rendah yakni \$25,000 seunit.
- (2) Membenarkan penghuni-penghuni yang tidak mampu membeli unit membuat bayaran secara ansuran terus kepada MPMBB.

Tuan Yang di-Pertua, MPMBB telah menawar menjual rumah pangsa 9 tingkat kepada 200 keluarga penghuni-penghuni dengan harga yang sangat tinggi di antara \$31,500 hingga \$30,000 pada tahun 1987. Tujuan mereka adalah untuk membuat keuntungan lebih daripada \$2 juta hasil dari jualan tersebut. Alasan harga ialah kerana semua penghuni-penghuni terdiri dari golongan yang kaya-raya terutamanya kenyataan Ahli EXCO Negeri Melaka Yang Berhormat Datuk Gan Boon Leong bahawa mereka semua adalah jutawan

Alasan MPMBB ini tidak boleh diterima langsung. Rumah pangsa 9 tingkat ini siap dibina pada tahun 1965 khasnya untuk memberikan tempat tinggal kepada rakyat miskin. Ini dibayarkan dengan pembayaran sewa bulanan sebanyak \$80. Tambahan pula, terdapat setengah-setengah penghuni-penghuni yang tidak mampu membeli sungguhpun harga jualan \$25,000 ditawarkan. MPMBB sebagai sebuah Kerajaan Tempatan bertanggungjawab menyediakan kemudahan perlindungan kepada rakyat miskin. Adalah amat menyedihkan bahawa MPMBB bukan sahaja gagal membela nasib dan kepentingan rakyat miskin malah mengambil tindakan memaksa mereka yang tidak mampu membeli berpindah.

MPMBB, terutamanya Timbalan Yang di-Pertuanya, Encik Mohamad Zuri langsung tidak peduli apa yang akan terjadi kepada mereka yang dipaksa pindah. Ini boleh dibuktikan lagi apabila

mereka gagal mendapat pinjaman bank. Sungguhpun pihak MPMBB telah berjanji akan menyediakan kewangan untuk mereka, harga jualan unit rumah pangsa 9 tingkat tersebut patut ditetapkan pada harga \$25,000 kerana:-

- (i) ia tidak ada mempunyai kemudahan-kemudahan seperti tapak letak kereta, padang permainan, sistem lift dan elektrik yang moden yang kini diwajibkan kepada semua rumah pangsa termasuk rumah pangsa kos rendah;
- (ii) keluasannya hanya 530 kaki persegi yang menepati takrifan rumah kos rendah; dan
- (iii) rumah pangsa MPMBB di Bukit Baru, Melaka yang mempunyai keluasan yang lebih besar mempunyai padang permainan, tapak letak kereta dan sistem litar televisyen ditawarkan dengan harga yang sama.

Pihak Kementerian mestilah sedar bahawa penghuni-penghuni telah tinggal di sana sejak lebih dari 25 tahun. Amalan biasa yang berperikemanusiaan ke atas rakyat miskin adalah menolak bayaran sewa yang lepas daripada harga jualan seperti yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penghuni-penghuni tersebut tidak meminta amalan yang sama diadakan tetapi hanya tawaran harga dikurangkan ke \$25,000 dan pinjaman kewangan disediakan oleh MPMBB serta mereka yang tidak mampu membeli dibenarkan membuat bayaran ansuran terus kepada MPMBB

Keengganan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berbuat demikian telah memberikan satu anggapan bahawa beliau seakan-akan takut kepada Timbalan Yang di-Pertua MPMBB, Mohamad Zuri ini. Justeru itu, saya menggesa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggunakan kuasanya memaksa MPMBB berbuat demikian, kalau tidak beliau mestilah menjelaskan mengapa.

Permintaan penghuni-penghuni rumah pangsa 9 tingkat adalah adil dan tidak keterlaluan tetapi malangnya tidak dilayan oleh pihak MPMBB yang menggila-gilakan keuntungan.

Kita semua tahu bahawa MPMBB ingin mengurangkan defisit Mengurus sebanyak \$4 juta tetapi cara yang sewajarnya bukanlah dengan menindas rakyat miskin tetapi mengurangkan pembaziran seperti membatalkan lawatan Ahli-ahli Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah yang makan angin di negara Thailand. DAP mengancam sikap dan dasar yang tidak berlaku adil, tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan ini ke atas rakyat miskin. DAP juga kesal dengan tindakan MPMBB dan pihak berkuasa mengancam penghuni-penghuni dan pemimpin-pemimpin DAP Melaka yang memperjuangkan keadilan bersama mereka. Pihak Kementerian haruslah menasihatkan MPMBB memberhentikan tindakan sebegini yang tidak sihat. Terima kasih.

6.36 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai kuasa untuk memaksa Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah menjual rumah pangasanya dengan harga \$25,000 kerana perkara ini adalah dalam bidang kuasa Majlis tersebut. Yang Berhormat berkenaan dinasihatkan supaya membangkitkan perkara ini dengan Majlis itu sendiri ataupun di Dewan Undangan Negeri Melaka. Sekian, terima kasih.

PAJAKAN TANAH - LANJUTAN TEMPOH DAN PREMIUM

6.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Kerajaan menyedari pajakan tanah di Jinjang Utara, Jinjang Selatan dan Air Panas

sudah atau akan tamat tempohnya menjelang akhir tahun 1990. Menurut jawapan Yang Berhormat dari Titiwangsa di Parlimen pada 14hb Mac, 1990 keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah (JKTW) sama ada untuk melanjutkan tempoh pajakan atau tidak akan diketahui sedikit masa ini.

Beberapa hari kemudian iaitu pada 18hb Mac, 1990 pihak MCA, khususnya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengumumkan bahawa JKTW telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh pajakan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan tanpa menyebutkan Air Panas. Keputusan ini didakwa dibuat seawal-awalnya bulan Mac, 1990 seolah-olah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu mempunyai Jabatan Tanah sendiri atau JKTW sendiri. Kononnya lanjutan tempoh pajakan tanah adalah 99 tahun. Premium yang akan dikenakan ialah \$1.50 sen sekaki persegi dan bayaran dibuat secara ansuran meliputi jangka masa 10 tahun. Akan tetapi apabila saya menghubungi pihak Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan pada 20hb Mac, 1990 pegawai berkenaan berdolak-dalik enggan memastikan dengan tegasnya keputusan melanjutkan tempoh pajakan tanah di Jinjang, malah difahamkan bahawa tempoh pajakan tanah di Air Panas juga belum diketahui. Mengapa pula pajakan tanah daerah ini belum diberi pertimbangan, pihak Pejabat Tanah juga enggan menerangkan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kami hendak Kerajaan menerangkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Apakah sebenarnya keputusan yang dibuat oleh JKTW mengenai pembaharuan pajakan tanah di Jinjang Utara, Jinjang Selatan dan Air Panas dan bilakah keputusan ini dibuat.
- (b) Adakah ianya benar bahawa lanjutan pajakan tanah di Jinjang akan berdasarkan formula Salak Selatan iaitu tempoh 99 tahun pada kadar premium \$1.50 sekaki

- persegi dan bayaran secara ansuran meliputi jangkamasa 10 tahun.
- (c) Apakah faktor-faktor yang menentukan sama ada pajakan akan diperbaharui atau tidak, tempoh lanjutan pajakan serta kadar premium yang akan dikenakan.
- (d) Setakat ini apakah kemajuan yang tercapai dalam pemerosesan permohonan serta penentuan tatacara pembaharuan terutama sekali cara hakmilik tanah akan diedarkan kepada rakyat iaitu sama ada cara ke semuanya sekaligus atau satu persatu.
- (e) Adakah tarikh tamatnya tempoh pajakan akan diseragamkan atau lanjutan bermula secara retrograsif mengikut tarikh pajakan lama tamat.
- (f) Bilakah keputusan JKTW akan diumumkan dengan rasminya kepada orang ramai? Pihak manakah yang mempunyai kekuasaan untuk membuat pengumuman sebegini, sama ada hak ini diberi kepada Kementerian Kerajaan Tempatan ataupun tidak, saya hendak mengetahui.
- (g) Seandainya benar bahawa pajakan tanah di Air Panas belum dipertimbangkan, apakah sebab-sebabnya? Apakah alternatif yang akan diberi oleh Kerajaan kepada rakyat di kawasan ini? Mengapakah mereka ditawarkan alternatif ini berbanding dengan perlanjutan tempoh pajakan di kawasan Jinjang?
- (h) Sekiranya keputusan masih belum dibuat, apakah masalah-masalah yang timbul dalam pertimbangan LJKTW dan akibat itu menghalang keputusan muktamad dibuat dengan secepat mungkin.
- (i) Siapakah yang menjadi ahli LJKTW? Pada puratanya berapa kalikah mereka bermesyuarat setiap tahun? Berapa kalikah JKTW telah bermesyuarat pada tahun yang lepas dan dalam tempoh masa lima bulan ini?
- (j) Kesemuanya berapa kalikah JKTW telah bermesyuarat untuk membincangkan perkara kajian serta membuat keputusan melanjutkan tempoh pajakan tanah di kawasan-kawasan tersebut di atas? Sejak bilakah mesyuarat sedemikian dimulakan?
- (k) Apakah pendirian JKTW mengenai Lesen Tumpangan Sementara di Jinjang dan seluruh Wilayah Persekutuan? Di bawah keadaan-keadaan manakah mereka mempunyai Lesen Tumpangan Sementara boleh menerima hakmilik tanah sepenuhnya daripada Kerajaan?
- (l) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Pejabat Tanah untuk mengesyorkan Pejabat Tanah Kedua atau Ketiga atau Pejabat Tanah MCA, GERAKAN, MIC atau keempat dan sebagainya tidak wujud khas untuk mengeluarkan hakmilik-hakmilik baru kepada penduduk di Jinjang dan di seluruh Wilayah Persekutuan dan seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

6.43 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyuarakan pendapat ini.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua sekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan itu kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kepong berhubung dengan permohonan daripada penduduk Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan di mana tempoh pajakan tanah-tanah mereka telah dan akan luput. Ini adalah oleh kerana soalan ini telahpun banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang sama dan telahpun dijawab oleh pihak Kerajaan dalam Persidangan Dewan Rakyat pada masa-masa yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pihak Kerajaan telahpun menimbangkan permohonan-permohonan tersebut dan pada dasarnya telah bersetuju supaya tanah-tanah milik di kawasan Kampung Baru itu dilanjutkan tempoh pajakan mereka. Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan sedang mengambil tindakan yang aktif untuk melaksanakan keputusan tersebut bagi menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera.

Bagi kawasan Kampung Baru Air Panas pula, tindakan sedang diambil oleh pihak Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan untuk meneliti dan mengkaji permohonan-permohonan yang telah dikemukakan bagi tujuan yang sama iaitu untuk melanjutkan tempoh pajakan. Oleh kerana permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan ini melibatkan jumlah lot yang banyak, keutamaan sedang diberi untuk menyelesaikan permohonan permohonan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan terlebih dahulu sebelum menimbangkan permohonan-permohonan daripada Kampung Baru Air Panas.

Untuk makluman Yang Berhormat, tentang premium, sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan telah

menetapkan bahawa \$1.50 adalah premium bagi satu kaki persegi dan memang bayaran itu dibenarkan pada 10 tahun bayaran ansuran sekiranya ditetapkan oleh Kerajaan.

Saya juga hendak menjelaskan tentang kedudukan Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan yang dipohon, ianya termasuklah:

Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi;

Datuk Bandar Kuala Lumpur;

Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Kewangan;

Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan;

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;

Setiausaha Bahagian Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Setakat ini sehingga bulan Mei, 1990 sebanyak 5 kali mesyuarat telahpun diadakan mengenai penjelasan tanah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.